



KEMENTERIAN KERJA RAYA

BUKU LAPORAN PENCAPAIAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA
TAHUN 2021-2023





KEMENTERIAN KERJA RAYA

Buku Laporan Pencapaian

Kementerian Kerja Raya
Tahun
2021-2023

ISI KANDUNGAN



Perutusan Menteri Kerja Raya	02
Prakata Ketua Setiausaha	03
Fungsi dan Peranan KKR & Agensi	05
Struktur Organisasi KKR & Agensi	08
PENCAPAIAN 2021 – 2023	
TERAS 1: Pembangunan Infrastruktur dan Keterangkuman Wilayah	10
TERAS 2: Inovasi dan Pendigitalan dalam Pembangunan dan Penyelenggaraan Infrastruktur	38
TERAS 3: Kapasiti, Keupayaan dan Daya Saing Industri Pembinaan	80
TERAS 4: Tadbir Urus Organisasi Kearah Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan	104
PENUTUP	
Pasukan Editorial	154
Glosari	156
Direktori KKR & Agensi	159

Perutusan Menteri Kerja Raya

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Saya menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada ahli Sidang Redaksi serta semua pihak yang terlibat dengan penerbitan Buku Laporan Pencapaian KKR Tahun 2021-2023. Buku ini bakal menjadi rujukan penting kepada warga Kementerian Kerja Raya (KKR), Agensi, dan pemain industri negara. KKR sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan mewujudkan ketersambungan, kebolehpasaran dan mobiliti komuniti antara wilayah serta semua pihak dalam industri.

Pelbagai usaha strategik telah dilaksanakan bagi membangun dan memulihkan semula infrastruktur dan industri pembinaan negara yang terjejas teruk selama dua tahun akibat penularan pandemik Covid-19. Tahun 2023, penggiat industri dan rakyat yang terkesan boleh menarik nafas lega apabila industri pembinaan dan infrastruktur negara kembali rancak. Hal ini terbukti apabila KKR secara keseluruhan menerima RM8.439 bilion peruntukan bagi tahun 2023, iaitu kenaikan 15% berbanding RM7.306 bilion yang diterima pada tahun 2022. Jumlah bajet mengurus KKR yang diluluskan adalah sebanyak RM865.27 juta iaitu kenaikan sebanyak 5.07% berbanding RM823 juta yang diterima pada tahun 2022. Manakala bajet pembangunan tahun 2023 yang diluluskan adalah sebanyak RM7.573 bilion berbanding RM6.483 bilion pada tahun 2022.

Dokumentasi ini merakamkan perjalanan KKR dan Agensi serta syarikat-syarikat konsesi dalam mengharungi cabaran pandemik dan endemik sebelum memasuki era pemulihan. Setiap elemen pencapaian yang dikongsikan merupakan manifestasi kepada keyakinan dan kegigihan setiap warga KKR dalam membuktikan cabaran dan halangan adalah asam garam dalam kehidupan. Kitalah hero tidak didendangkan yang akan mengemudi bahtera ini ke arah kejayaan melalui hala tuju yang jelas dan usaha taktikal yang berterusan.

Saya amat bersyukur menjadi sebahagian daripada perjalanan ini. Saya juga berterima kasih atas keazaman dan kegigihan yang ditunjukkan oleh semua pihak. Besar harapan saya untuk melihat warga KKR dan Agensi terus meningkatkan usaha dalam mencapai kecemerlangan dan kejayaan yang lebih membanggakan. Semoga dokumentasi ini akan menjadi inspirasi kepada kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Kerja Raya



Prakata Ketua Setiausaha

YBHG. DATO' SERI AZMAN BIN IBRAHIM

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, sebuah dokumentasi Buku Laporan Pencapaian Kementerian Kerja Raya (KKR) Tahun 2021-2023 dapat diterbitkan hasil gandingan tenaga dan fikiran secara kolektif dan bersepadu oleh sidang redaksi. Penerbitan ini sebagai sebuah *Corporate Memory* yang menelusuri pencapaian-pencapaian KKR bagi tempoh 2021 sehingga 2023 serta menjadi bahan rujukan yang berkredibiliti.

Pandemik Covid-19 telah mengajar kita merungkai cabaran menjadi peluang, memaknai inovasi dan kreativiti menjadi solusi. Tradisi perlu diolah semula menjadi legasi yang bertahan lama demi kesejahteraan rakyat dan negara. Cara-cara baharu perlu diterokai terutamanya menggunakan teknologi terkini. Betulkan yang biasa dan biasakan yang betul. Itulah kata kunci untuk berjaya di alaf pasca pandemik.

Saban tahun, KKR sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran melalui inovasi, kreativiti dan teknologi terkini yang melibatkan Jabatan dan agensi di bawahnya. Hal ini terbukti apabila pelbagai kejayaan diperoleh dan perlu kita rakamkan dalam Buku Laporan Pencapaian seperti ini.

Anjakan dari tradisi Buku Laporan Tahunan merupakan pendekatan yang harus kita sokong dengan melaporkan pencapaian KKR dan Agensi berdasarkan teras perkhidmatan utama. Hal ini sesuai dengan pelbagai pendekatan progresif yang diambil oleh kerajaan melalui pendekatan *Whole Government Approach* yang melambangkan kebersamaan KKR dan Agensi dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Semoga usaha ini membuahkan hasil yang positif dalam usaha melestarikan budaya kerja yang sihat serta progresif dengan menekankan fokus kepada penyampaian perkhidmatan awam yang bermutu dan berintegriti. Terima kasih kepada sidang redaksi yang telah bertungkus-lumus mengumpulkan bahan dan menyusun atur menjadi bahan rujukan kepada generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya





KEMENTERIAN KERJA RAYA

- Mengkaji, merancang, menilai dan menggubal dasar- dasar baharu untuk industri pembinaan (infrastruktur dan bangunan) selaras dengan pembangunan negara.
- Menyelaraskan, mengurus serta meningkatkan kompetensi sumber manusia dan kewangan.
- Merancang dan melaksanakan projek infrastruktur negara khususnya jalan raya, lebuh raya dan Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP).
- Memastikan semua projek pembangunan di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya dilaksanakan mengikut jadual dan kos yang ditetapkan.
- Mengawal selia dan memantau kontrak penyenggaraan jalan raya, cerun di Jalan Persekutuan serta Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di bawah kawalan KKR.
- Menerajui pelaksanaan *Intelligence Transportation System* (ITS) negara bagi meningkatkan keberkesanan rangkaian jalan raya, keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.
- Menyelaraskan agenda di bawah kluster Infrastruktur.



JABATAN KERJA RAYA

- Merancang, mereka bentuk, mengurus dan menyelia projek infrastruktur seperti projek jalan, bangunan kerajaan, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti.
- Melaksanakan projek- projek pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur kepada pelbagai kementerian, jabatan, badan berkanun dan kerajaan negeri.
- Berfungsi sebagai agensi teknikal dengan memberikan khidmat nasihat teknikal kepada kerajaan pada peringkat persekutuan, negeri dan daerah.
- Menjadi peneraju dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kecemerlangan kejuruteraan menerusi CREaTE.

Menara Kerja Raya yang telah memenangi
anugerah *Green Building Platinum Final Certificate*
pada 2016

**Fungsi
& Peranan
KKR
Agensi**

& Fungsi Peranan KKR Agensi



LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

- Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [Akta 231].
- Menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya di bawah perjanjian konsesi.
- Menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan kawasan rehat dan kemudahan lain yang difikirkan perlu di sepanjang lebuhraya.
- Memungut tol daripada pengguna lebuhraya dan bayaran lain daripada kemudahan di sepanjang lebuhraya.
- Melaksanakan apa-apa juga perkara untuk memajukan lagi lebuhraya dan kemudahan lain di sepanjang lebuhraya.



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

- Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 [Akta 520].
- Memaju dan merangsang pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan.
- Menyelaraskan, membangun dan mengkaji semula program latihan bagi pekerja binaan mahir dan penyelia tapak binaan.
- Mendaftar dan mengakreditasi kontraktor, mengenakan apa-apa syarat pendaftaran dan akreditasi kontraktor serta membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran dan akreditasi kontraktor.
- Mendaftar, mengakreditasi dan memperakukan personel industri binaan serta membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan perakuan personel industri pembinaan tersebut.
- Memaju, merangsang dan membantu dalam pengeksporan perkhidmatan berhubung dengan industri.



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

- Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967.
- Pendaftaran ahli profesional.
- Penyelarasan Kelayakan Kursus dan Ijazah Kejuruteraan/ Teknologi.
- Penetapan kod etika profesional.
- Khidmat rundingan.
- Penetapan kelayakan akademik bagi kursus ijazah yang berkaitan.



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

- Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Arkitek 1967.
- Pendaftaran ahli profesional.
- Penetapan kod etika profesional.
- Penetapan akreditasi/kelayakan akademik bagi kursus ijazah yang berkaitan.




LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

- Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Juruukur Bahan 1967.
- Pendaftaran ahli profesional.
- Penyelarasan Kelayakan Kursus dan Ijazah Kejuruteraan/ Teknologi.
- Penetapan kod etika profesional.
- Penetapan di atas perkhidmatan profesional yang diberikan.
- Khidmat rundingan.
- Penetapan kelayakan akademik bagi kursus ijazah yang berkaitan.

STRUKTUR ORGANISASI KKR &

AGENSI SEHINGGA 2024



TERAS

1 Pembangunan Infrastruktur dan Keterangkuman Wilayah



1.1 PENINGKATAN KEBERHASILAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN PELAKSANAAN PROJEK INFRASTRUKTUR

- 1.1.1 *Highway Network Development Plan (HNDP) 2030*
- 1.1.2 Projek Kerajaan (Perakuan Akaun Muktamad Tidak Melebihi Kos Siling Semasa)
- 1.1.3 Projek Kerajaan (Bangunan) Menggunakan *Pre-Approved Plan (PAP)*
- 1.1.4 Projek Kerajaan Bernilai RM10 Juta dan Menggunakan IBS Skor > 70
- 1.1.5 Projek Kerajaan Bernilai RM10 Juta dan Laksana Menggunakan BIM

1.2 PERLUASAN JAJARAN DAN RANGKAIAN JALAN RAYA SERTA LEBUH RAYA

- 1.2.1 Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah dan Sarawak
- 1.2.2 Lingkaran Tengah Utama (LTU) / *Central Spine Road (CSR)*
- 1.2.3 Lebuhraya Persisiran Pantai Barat / *West Coast Expressway (WCE)*
- 1.2.4 Lebuhraya Bertol



1.1 PENINGKATAN KEBERHASILAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DAN PELAKSANAAN PROJEK INFRASTRUKTUR

1.1.1 HIGHWAY NETWORK DEVELOPMENT PLAN (HNDP) 2030

Highway Network Development Plan (HNDP) 2030 merupakan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) yang diterbitkan bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan jaringan jalan raya di Semenanjung Malaysia bagi meningkatkan perhubungan yang akan menyokong pembangunan ekonomi negara.

OBJEKTIF HNDP 2030

- 1 Memformulasi pelan pembangunan rangkaian jalan raya Semenanjung Malaysia sehingga tahun 2030.
- 2 Menyemak semula HNDP fasa 1 dan mencadangkan pelan baharu sehingga tahun 2030.
- 3 Menentukan keutamaan projek berdasarkan aspek teknikal dan daya maju ekonomi.
- 4 Menyediakan cadangan model trafik bagi Lembah Klang bagi penilaian cadangan projek jalan.
- 5 Mengenal pasti jaringan jalan alternatif bagi kawasan sensitif alam sekitar.
- 6 Mengenal pasti projek jalan yang boleh diwastakan.

STRATEGI UTAMA HNDP 2030

Memperkuhkan Koridor Pantai Barat dan Pantai Timur



Memperkuhkan Koridor Lebuhraya Timur - Barat




Menaiktaraf Koridor Lingkaran Tengah Utama



Menaiktaraf Jalan Lingkaran dan Perhubungan ke Konurbasi, Zon Pembangunan dan Pusat Katalis



CADANGAN PROJEK BERDASARKAN STRATEGI UTAMA





Memperkuhkan Koridor Pantai Barat & Pantai Timur

- Northern Corridor Highway (NCH)
- Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT 3)
- West Coast Expressway (WCE)
- WCE Selatan
- Lebuhraya Pantai Timur 4 (LPT 4)

Memperkuhkan Koridor Lebuhraya Timur-Barat


- Naiktaraf FT4: Kupang-Tanah Merah
- Naiktaraf FT1744/FT185 Chiku Kelantan-Basung, Terengganu
- Menaiktaraf FT185 Simpang Pulai – Gua Musang
- Jalan Baharu Hutan Melintang – Raub
- Lebuhraya Gombak – Bentong
- Lebuhraya Putrajaya – Bangi – Semenyih – Kuala Klawang
- Lebuhraya KLIA – Senawang – Paroi – Jalan Pintas Kuala Pilah – Bandar Seri Jempol





Menaiktaraf Koridor Lingkar Tengah Utama

- Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai
- Lingkar Tengah Utama (LTU)
- Southern Central Road dari Karak ke Ulu Tiram




Menaiktaraf Jalan Lingkar dan Perhubungan ke Konurbasi, Zon Pembangunan dan Pusat Katalis

- Lebuhraya KL NODE (LATAR – EKVE Link)
- Hybrid Corridors KVC
- Naiktaraf SKVE (dari Telok Panglima I/C ke Pulau Indah I/C)
- Menaiktaraf SDE (dari Cahaya Baru I/C ke Penawar I/C)

1.1.2 PROJEK KERAJAAN (PERAKUAN AKAUN MUKTAMAD TIDAK MELEBIHI KOS SILING SEMASA)

Perakuan Akaun Muktamad atau *Statement of Final Account* (SOFA) ini dikeluarkan apabila projek kerajaan telah siap dan diserahkan kepada Kementerian atau Agensi. Berikut merupakan pencapaian SOFA yang tidak melebihi kos siling semasa yang diluluskan bagi projek tersebut.



Pencapaian Projek SOFA Tidak Melebihi Kos Siling Projek yang diluluskan

Formula bagi pengiraan pencapaian ini adalah seperti berikut:

Jumlah bilangan projek yang telah dikeluarkan **SOFA dan tidak melebihi kos siling semasa** yang diluluskan dalam tahun semasa di SKALA

Jumlah bilangan projek yang telah dikeluarkan **SOFA sehingga berakhir tempoh masa pelaporan** dalam tahun

X100

* Sistem SKALA digunakan untuk pendaftaran, pemantauan prestasi dan pelaporan semua projek yang dilaksanakan oleh JKR Malaysia




Lebuhraya Sungai Besi -
Ulu Kelang Elevated Expressway
(Suke)

1.1.3 PROJEK KERAJAAN (BANGUNAN) MENGGUNAKAN *PRE-APPROVED PLAN (PAP)*

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK1.11), *Pre-Approved Plan (PAP)* ialah reka bentuk bangunan yang tersedia dan lengkap dengan input Seni Bina, Struktur, Mekanikal, Elektrikal dan Ukur Bahan yang menepati keperluan teknikal dan perundangan Kerajaan iaitu Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Pelaksanaan PAP hendaklah menggunakan kaedah *Industrialised Building System (IBS)*.

Berikut merupakan pencapaian projek yang menggunakan reka bentuk PAP ditender kepada Kementerian atau Agensi pelanggan dalam tempoh enam bulan dari tarikh selepas reka bentuk PAP disahkan. Pencapaian KKR dan Agensi bagi tahun 2021 sehingga Jun 2024 melebihi sasaran tahunan iaitu 100%.



Pencapaian Projek Bangunan Menggunakan PAP

Formula bagi pengiraan pencapaian ini adalah seperti berikut:

Jumlah projek PAP yang telah ditender dalam tempoh 6 bulan dalam setahun

Jumlah projek PAP yang telah ditender sehingga berakhir tempoh masa pelaporan dalam tahun semasa

X100

1.1.4 PROJEK KERAJAAN BERNILAI RM10 JUTA KE ATAS MENGGUNAKAN INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS) SKOR >70

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK1.10) “Sistem Binaan Bangunan Berindustri” (*Industrialised Building System* – IBS) merupakan teknik pembinaan pasang siap atau kaedah pembinaan bangunan yang mana komponennya dihasilkan dalam keadaan terkawal (di kilang atau di tapak bina), dibawa dan dipasang di tempat kerja pembinaan bangunan dengan menggunakan pekerja yang minimum. IBS hendaklah diguna bersama dengan PAP semasa melaksanakan projek.



Pengukuran ini adalah peratusan projek bangunan menggunakan IBS yang mana kaedah pengiraan IBS berdasarkan dokumen *System Construction Industry Standard*, CIS 18:2010 yang diterbitkan oleh CIDB. Kesemua reka bentuk hendaklah mematuhi keperluan IBS dan mencapai nilai skor IBS minima 70 seperti yang ditetapkan.

Lebuhraya Sungai Besi -
Ulu Kelang Elevated Expressway
(Suke)





Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang
Elevated Expressway (SUKE)

IMPAK POSITIF IBS

- 1. Peningkatan Kecekapan dan Produktiviti**

IBS, dengan pendekatan modular, juga mempercepatkan proses pembinaan dan mengurangkan masa di tapak.
- 2. Pengurangan Kos**

IBS membantu mengurangkan pembaziran bahan dan mempercepatkan waktu pembinaan, sekaligus mengurangkan kos keseluruhan projek.
- 3. Kualiti dan Ketahanan Struktur**

Selain itu, penggunaan komponen IBS yang dihasilkan di kilang juga menjamin ketepatan dan kualiti yang lebih baik.
- 4. Menyokong Pemeliharaan dan Pengurusan Aset**

Dengan IBS, struktur yang dibina juga lebih mudah untuk diselenggara, yang memberi manfaat kepada Jabatan Kerja Raya dalam jangka masa panjang.

Penggunaan IBS dalam projek-projek di KKR dan Agensi bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan kualiti projek tetapi juga memberikan nilai tambah dalam pengurusan kos dan masa.

Dalam menghadapi cabaran pembangunan infrastruktur masa depan, adalah penting bagi KKR dan Agensi untuk terus meneroka dan mengimplementasikan teknologi ini untuk memastikan keberhasilan pada setiap projek yang dilaksanakan.

Dengan pendekatan ini, KKR dan Agensi tidak hanya akan mencapai matlamat pembinaan yang lebih baik tetapi juga menjadi pelopor dalam penerapan teknologi dalam industri pembinaan di Malaysia.

1.1.5 PROJEK KERAJAAN BERNILAI RM10 JUTA KE ATAS MENGGUNAKAN BUILDING INFORMATION MODELING (BIM)

Building Information Modeling (BIM) merupakan teknologi pemodelan yang melibatkan proses penyediaan dan penggunaan model digital 3D berparametrik yang mengandungi informasi bagi meningkatkan sistem penyampaian di sepanjang kitar hayat pelaksanaan projek.

Pelaksanaan BIM melibatkan projek bernilai RM10 juta ke atas bagi semua disiplin (Arkitek, Struktur, Mekanikal, Elektrik, Sivill dan Ukur Bahan) dan infrastruktur. Pelaksanaan BIM dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi, koordinasi dan kolaborasi reka bentuk serta pembinaan dalam kalangan pemegang taruh sepanjang fasa pelaksanaan projek melalui perkongsian model.

Sebanyak 91 daripada 142 projek RP1 RMK12
(didaftar dalam SKALA)
telah dikenal pasti dan dilaksanakan secara BIM pada tahun 2021:

Bangunan	57 daripada 88 projek
Cawangan Kejuruteraan Infrstruktur & Pengangkutan JKR	2 daripada 3 projek
Cawangan Jalan JKR	32 daripada 51 projek
Keseluruhan	91 daripada 142 projek = 64.08%

Sebanyak 84 daripada 111 projek RP2 RMK12
(didaftar dalam SKALA)
telah dikenal pasti dan dilaksanakan secara BIM bagi tahun 2022:

Projek Bangunan	55 daripada 77 projek
Projek Infra	29 daripada 34 projek
Keseluruhan	84 daripada 111 projek = 75.68%

Sebanyak 111 daripada 152 projek RP3 RMK12
bernilai RM10 juta ke atas dilaksanakan secara BIM bagi tahun 2023:

Projek Bangunan	68 daripada 95 projek
Projek Infra	43 daripada 57 projek
Keseluruhan	111 daripada 152 projek = 73.03%

Merujuk kepada Mesyuarat Memuktamadkan Projek BIM bersama-sama Jabatan Perdana Menteri, Sektor Bangunan dan Infra pada 27 Mac 2024 (Suku Pertama), bilangan projek BIM dipersetujui adalah sebanyak 119 projek bagi projek bangunan dan 47 projek bagi projek infra.

1.2 PERLUASAN JAJARAN DAN RANGKAIAN JALAN RAYA SERTA LEBUH RAYA
PERLUASAN JALAN RAYA SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

1.2.1 LEBUHRAYA PAN BORNEO

Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) merupakan satu komitmen kerajaan dalam menyediakan akses perhubungan darat yang selesa, cekap dan selamat dalam rantau Pulau Borneo. Projek naik taraf ini melibatkan dua lorong dua hala (*single carriageway*) kepada empat lorong dua hala (*dual carriageway*), pembinaan jambatan dan persimpangan bertingkat. LPB Sarawak dilaksanakan bermula 31 Mac 2015 dan LPB Sabah dilaksanakan bermula 19 Disember 2016. Panjang jajaran LPB adalah sepanjang 1,492 km.



Peta Jajaran Projek Lebuhraya Pan Borneo

LPB SARAWAK

LPB Sarawak merupakan projek mega berskala besar dengan komitmen kewangan yang tinggi. Kerajaan telah memutuskan pelaksana projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini dilaksanakan menerusi kaedah *Project Delivery Partner* (PDP) yang mana pembiayaan projek dibuat sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan melalui Dana Infra. Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai PDP untuk mengurus dan menyelia pelaksanaan projek LPB Sarawak.

Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak –
Ringkasan Projek



WPC	Jajaran Fasa 1	Jarak (km)
1	Telok Melano ke Sematan	33
2	Sematan ke Jambatan Sungai Moyan + KSR Interchanges	95
3	Bulatan Serian ke Persimpangan Pantu	75
4	Persimpangan Pantu ke Batang Skrang	89
5	Batang Skrang ke Sungai Awik	68
6	Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor	64
7	Persimpangan Bintangor ke Persimpangan Bintulu	76
8	Jambatan Sungai Kua ke Jambatan Sungai Arip	63
9	Jambatan Sungai Arip ke Persimpangan Bintulu Airport	65
10	Mile 5-Nyabau Flyover + Persimpangan Bakun ke Sungai Tangap	77
11	Sungai Tangap ke Jalan Pujut Link	8
JUMLAH		786

Ringkasan LPB Sarawak

Fasa 1 LPB Sarawak meliputi 11 *Work Package Contract* (WPC) dari Telok Melano sehingga Miri sepanjang 786 km. Anggaran kos pembangunan bagi Fasa 1 ini adalah berjumlah RM 16.117 bilion. Keseluruhan jajaran ini telah dinaiktaraf daripada jalan *gravel* kepada jalan berturap dan bakal dinaiktaraf kepada *dual carriageway* menepati piawaian R5. Antara komponen skop kerja naik taraf yang dijalankan adalah pembinaan jambatan, *layby*, *interchanges*, *Road Safety Audit* (RSA) dan P-turn. **Status semasa bagi LPB Sarawak adalah 11 pakej kerja dari Telok Melano ke Sematan sedang dilaksanakan telah siap 99%.**

Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak — Status Kemajuan


PAKEJ	Prestasi Kemajuan (%)		Isu	Jangkaan siap
	Sebenar	Jadual		
Prestasi Keseluruhan	99.52	99.96		30/06/24
WPC01 - Telok Melano ke Sematan (33km)	Siap pada 3 Januari 2019			
WPC02 - Sematan ke Jambatan Sungai Moyan (95km)	Siap pada 25 Mac 2024			
WPC03 - Bulatan Serian ke Persimpangan Pantu (75km)	Siap pada 26 Mei 2024			
WPC04 - Persimpangan Pantu ke Batang Skrang (89km)	Siap pada 31 Disember 2023			
WPC05 - Persimpangan Batang Skrang ke Sungai Awik (68km)	Siap pada 7 Oktober 2023			
WPC06 - Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor (64km)	97.20	100	Pengalihan utiliti	30/11/2024
WPC07 - Persimpangan Bintangor ke Jambatan Sungai Kua (76km)	Siap pada 26 Januari 2024			
WPC08 - Jambatan Sungai Kua ke Jambatan Sungai Arip (63km)	99.97	100	-	20/10/2024
WPC09 - Jambatan Sungai Arip ke Persimpangan Bintulu Airport (65km)	99.77	100	-	30/10/2024
WPC10 - Mile 5-Nyabau Flyover + Persimpangan Bakun ke Sungai Tangap (77km)	Siap pada 10 Februari 2024			
WPC11 - Sungai Tangap ke Jalan Pujut Link (80km)	97.21	97.62	Rekabentuk semula viaduct dan pengalihan utiliti	31/10/2025

Status Kemajuan LPB Sarawak

LPB SABAH

LPB Sabah merupakan projek dilaksanakan melalui kaedah PDP oleh Syarikat Borneo Highway PDP Sdn Bhd (BHP). Laluan bagi jajaran ini akan dinaiktaraf kepada empat lorong dua hala (*dual carriageway*) dengan piawaian R5. Projek LPB Sabah melibatkan 35 Pakej Kerja (WP) sepanjang 706 km.

Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah – Peta Jajaran



Anggaran kos projek Fasa 1A Projek LPB Sabah yang melibatkan 16 pakej kerja adalah berjumlah RM10.850 bilion manakala anggaran kos projek Fasa 1B Projek LPB Sabah yang melibatkan 19 pakej kerja adalah berjumlah RM13.989 bilion. Jumlah kos keseluruhan projek ini adalah dianggarkan sebanyak RM24.839 bilion. Keseluruhan jajaran ini telah dinaiktaraf daripada jalan *gravel* kepada jalan berturap dan bakal dinaiktaraf kepada *dual carriageway* menepati piawaian R5. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah berdasarkan jadual perancangan iaitu bagi Fasa 1A adalah dari tahun 2016 sehingga 2026 dan bagi Fasa 1B adalah dari tahun 2024 sehingga 2029. **Status semasa bagi kemajuan fizikal keseluruhan Fasa 1A adalah 77.58%.**

Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah — Status Kemajuan Fasa 1A (16 Pakej)			
PAKEJ	Prestasi Kemajuan (%)		Jangkaan siap
	Sebenar	Jadual	
Prestasi Keseluruhan	77.58%	82.95%	15/3/2026
WP01 - Sindumin ke Kampung Melalia (26.4 km)	66.63%	81.40%	12/6/25
WP02 - Kampung Melalia ke Beaufort (32.9 km)	51.58%	80.64%	16/4/25
WP03 - Beaufort ke Bongawan (23.4 km)	77.50%	74.50%	2/1/26
WP04 - Bongawan ke Papar (23.0 km)	91.85%	93.37%	13/3/25
WP05 - Donggongan ke Papar (11.7 km)	Siap pada 29 Ogos 2022		
WP06 - Putatan ke Inanam (19.5 km)	89.84%	96.64%	9/11/24
WP07 - Inanam ke Sepangar (9.9 km)	89.22%	97.80%	28/11/24
WP08 - Sepangar ke Bulatan Berunga (11.7 km)	82.62%	84.32%	10/12/25
WP10 - Pitu ke Rempayan Laut (32.2 km)	92.01%	96.28%	14/11/24
WP15 - Tawau ke Semporna (5 km)	Siap pada 10 Ogos 2023		
WP21 - Lahad Datu Bypass (6.9 km)	Siap pada 30 Oktober 2023		
WP27 - Kampung Lot M ke Mile 32 (18.1 km)	Siap pada 18 November 2022		
WP28 - Mile 32 ke Moynod (21.7 km)	19.14%	19.10%	11/6/25
WP29 - Moynod ke Sapi Nangoh (20 km)	62.13%	57.28%	15/3/26
WP30 - Sapi Nangoh ke Sungai Baco (22 km)	41.25%	49.44%	26/8/25
WP09 - Serusop ke Pitu (21km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024		


Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah — Status Kemajuan Fasa 1B (19 Pakej)

PAKEJ	Status
WP11 - Membina Jalan dari Rempayan Laut ke Sarang (7 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP12 - Membina Jalan dari Sarang ke Temuno (15 km)	SST: 29 Februari 2024, Jangka siap: 31 Mac 2027
WP13 - Membina Jalan dari Temuno ke Bingolon (20 km)	SST: 29 Februari 2024, Jangka siap: 31 Mac 2027
WP14 - Membina Jalan dari Bingolon ke Simpang Mengayau (28 km)	SST: 29 Februari 2024, Jangka siap: 30 September 2027
WP16 - Menaktaraj Jalan dari Tawau Airport ke Sg. Kulumpang (19 km)	SST: 5 Mac 2024, Jangka siap: 7 Oktober 2027
WP17 - Menaktaraj Jalan dari Sg Kulumpang ke Madai (19 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP18 - Menaktaraj Jalan dari Madai ke IGN Estate (14 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP19 - Menaktaraj Jalan dari IGN Estate ke Agri Harvest (19 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP20 - Menaktaraj Jalan dari Agri Harvest ke Sapagaya (18 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP22 - Menaktaraj Jalan dari Lahad Datu Bypass ke Kg. Sandau (24 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP23 - Menaktaraj Jalan dari Kg Sandau ke Sg. Takala (25 km)	Dalam proses perolehan
WP24 - Menaktaraj Jalan dari Sg. Takala ke Kg Perpaduan Datuk Moh (16 km)	Dalam proses perolehan
WP25 - Menaktaraj Jalan dari Kg Perpaduan Datuk Moh ke Sukau (15 km)	Dalam proses perolehan
WP26 - Menaktaraj Jalan dari Sukau ke Kg Lot M (18 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP21 - Menaktaraj Jalan dari Sg. Baco ke Telupid (14 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP32 - Menaktaraj Jalan dari Telupid ke Kg Luruh Baru (18 km)	Dalam proses perolehan
WP33 - Kg Luruh Baru ke Kg Toupos (18 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP34 - Kg Toupos ke Kg Nabutan (25 km)	SST: 29 Ogos 2024, Tarikh Mula Tapak: 30 September 2024
WP35 - Kg Nabutan ke Ranau (31 km)	Dalam proses perolehan

Status Kemajuan Fasa 1A dan Fasa 1B LPB Sabah

1.2.2 PROJEK LINGKARAN TENGAH UTAMA (LTU)/ CENTRAL SPINE ROAD (CSR) SEPANJANG 299.4 KILOMETER (KM)

Projek Utama di bawah KKR ini menghubungkan dua negeri iaitu Negeri Kelantan dan Negeri Pahang yang dilaksanakan secara berperingkat melalui enam pakej utama. Projek ini merupakan salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang menghubungkan Kuala Krai, Kelantan sehingga Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (LPT), Pahang. Panjang keseluruhan projek LTU adalah 299.4 km serta melibatkan kos sebanyak RM7.7 bilion.



Peta Jajaran Baharu Projek LTU Mengikut Fasa



Persimpangan Raub (Lebuhraya Lingkaran Utama)

Sehingga 31 Disember 2023, peratus kemajuan fizikal berdasarkan pencapaian KPI iaitu panjang jalan (km)

LTU disiapkan adalah sebanyak:

37.1% (111.2 km)

Projek ini terbukti dapat memendekkan masa dan menjimatkan kos perjalanan melalui kawasan pedalaman negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Projek ini juga berperanan penting untuk membangunkan jaringan ketersambungan dan keterangkuman di antara wilayah di samping membantu meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk di kawasan Pantai Timur.

Projek LTU dilaksanakan secara berperingkat bermula seawal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang melibatkan enam pakej. Pelaksanaan projek adalah mengikut keutamaan pembinaan berdasarkan kawasan yang terdedah kepada kemalangan dan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Oleh yang demikian, Pakej 3 (kawasan kemalangan) dan Pakej 5 (kesesakan lalu lintas) dimulakan terlebih dahulu dan disiapkan lebih awal berbanding Pakej 1,2, dan 4.

Sebahagian daripada LTU Pakej 3 dan Pakej 5 telah pun siap dan dibuka untuk kegunaan rakyat. Pakej 3 yang telah dibuka kepada umum sepanjang 53.35 km manakala Pakej 5 yang telah dibuka termasuk sebahagian Seksyen 5A ini ialah 51.5 km. Ini menjadikan LTU yang boleh dilalui pengguna jalan raya pada ketika ini adalah sejauh 106.85 km daripada keseluruhannya di Negeri Pahang iaitu sepanjang 169.10 km. Baki 62.25 km lagi sedang dalam pembinaan.

Persimpangan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU)

PENCAPAIAN LEBUHRAYA LTU DARI 2021 SEHINGGA JUN 2024

PEMBUKAAN SEKSYEN 5

Projek LTU Seksyen 5 terbahagi kepada 2 pakej iaitu Pakej 5B dari Kg. Orang Asli Sg. Chandan ke Kg. Asap yang dimulakan pada 14 Mac 2018 dan telah siap pada 6 Mac 2023 dengan kos bernilai RM294.6 juta. Manakala, Pakej 5A yang menyambungkan antara Raub ke Bentong telah dimulakan pada 13 Jun 2019 dan siap pada 29 Februari 2024 dengan kos bernilai RM252.5 juta.

Kedua-dua pakej ini melibatkan jajaran sepanjang 26.5 km dengan jalan baharu empat lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Pakej 5B mempunyai lima buah jambatan, dua *vehicular box culvert* (VBC) dan Persimpangan Krau, Raub. Manakala, Pakej 5A mempunyai lima buah jambatan, tiga buah VBC dan dua buah persimpangan bertingkat.

Dengan siapnya Lebuhraya LTU Pakej 5B ini, dapat memendekkan perjalanan dari Simpang Keruntung ke Simpang Krau dengan jarak perjalanan hanya 18.6 km dan mengambil masa 15 minit sahaja. Manakala, bagi pengguna jalan raya Pakej 5A dapat menjimatkan masa perjalanan dari Lebuhraya Pantai Timur ke Kuala Lipis, Pahang tanpa perlu melalui Bandar Bentong dan Raub dengan jarak perjalanan sepanjang 45.3 km.

Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (LTU)

1.2.3 LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT/ WEST COAST EXPRESSWAY (WCE)

Projek WCE ini dibina merentasi dua buah negeri iaitu Negeri Selangor dan Negeri Perak sejauh 316 km. Projek ini dilaksanakan melalui dua kaedah pembiayaan iaitu secara penswastan oleh pihak syarikat konsesi West Coast Expressway Sdn Bhd (WCESB) yang dikawal selia oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi pembinaan lebuhraya bertol sepanjang 233 km (termasuk 40 km jajaran tertangguh di Seksyen 12) yang bermula dari Banting, Selangor hingga ke Taiping Selatan, Perak. Manakala, kaedah kedua pelaksanaan secara menaik taraf laluan persekutuan 5 (FT005) sepanjang 83 km oleh KKR dan JKR dengan pembiayaan melalui peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.



Pembukaan Lebuhraya WCE Seksyen 1

Lebuhraya WCE memberikan pilihan laluan alternatif kepada pengguna jalan raya dari Selangor ke utara Semenanjung melibatkan jajaran lebuhraya di sepanjang kawasan Banting, Shah Alam, Kuala Selangor, Tanjung Karang di Selangor dan Hutan Melintang, Teluk Intan, Seri Manjung, Beruas sehingga ke Taiping di Negeri Perak.

Lebuhraya WCE ini juga merupakan laluan alternatif kepada laluan sedia ada daripada Lembah Klang ke Utara terutamanya pengguna jalan raya di kawasan pesisiran pantai barat. Laluan ini juga dijangka menjadi pilihan kepada rangkaian logistik bagi kenderaan berat ke Pelabuhan Lumut, Pelabuhan Teluk Intan dan Pelabuhan Klang bagi mengelakkan laluan mendaki atau berbukit di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) di antara Jelapang hingga Kuala Kangsar yang boleh mengoptimalkan kos operasi logistik di samping dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas serta

memberikan perjalanan yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna.

Pembukaan Lebuhraya WCE secara berperingkat telah bermula sejak tahun 2019 melibatkan 7 seksyen di Selangor (4 seksyen telah dibuka) serta 4 seksyen di Negeri Perak yang telah dibuka sepenuhnya kepada pengguna jalan raya. Lebuhraya WCE ini dijangka siap keseluruhannya pada tahun 2026.

Pembukaan Lebuhraya WCE ini akan mewujudkan banyak peluang perniagaan kepada penduduk setempat terutamanya di kawasan hentian Rehat dan Rawat (R&R) di sepanjang jajaran ini serta membantu dalam meningkatkan industri pemasaran produk industri Kecil dan Sederhana. Pembukaan jajaran ini juga dapat membantu meningkatkan potensi pembangunan sepadu di kawasan pesisiran pantai barat Negeri Selangor dan Perak.

PENCAPAIAN LEBUHRAYA WCE DARI 2021 SEHINGGA JUN 2024

TANJONG KARANG KE SABAK BERNAM

Projek menaiktaraf jalan sepanjang 45 km dari Tanjung Karang ke Sabak Bernam berjaya disiapkan awal daripada dijadualkan dengan penjimatan kos sebanyak RM31 juta. Projek ini telah dimulakan pada 21 Mac 2016 dan siap sepenuhnya pada 22 Februari 2022 dengan kos sebanyak RM749 juta.

Skop projek ini merangkumi pembinaan empat lorong dua hala, 10 jejantas pejalan kaki berserta laluan motorsikal, satu jejantas pejalan kaki, empat persimpangan bertingkat dan 15 pusingan U.

Pembukaan ini dapat menampung aliran trafik sepanjang jajaran itu anggaran yang dicatatkan sebanyak 19 ribu kenderaan sehari atau bersamaan tujuh juta setahun yang menggunakan jalan ini dengan mendapat faedah perjalanan yang lebih lancar tanpa sebarang tol. Pembukaan ini juga dapat meningkatkan ekonomi di koridor Persisiran Pantai Barat.

TELUK INTAN KE KG. LEKIR

Projek menaiktaraf jalan bagi laluan FT005, dari Jambatan Sultan Yusuf, Teluk Intan ke Batu 14, Kg. Lekir menyambungkan Lebuhraya WCE bagi laluan jalan persekutuan (FR05) ke Lebuhraya Bertol WCE (Lekir ke Persimpangan Beruas) bermula 22 Disember 2022 dan siap sepenuhnya pada 9 September 2023.

Skop projek ini merangkumi pembinaan empat lorong dua hala, lima buah jambatan dan enam buah jejantas di sepanjang laluan FT005 dengan peruntukan bernilai RM644.4 juta.



Perasmian Projek Naiktaraf FR 05



Beruas - Trong

Secara keseluruhan, pelaksanaan projek naik taraf di sebahagian Lebuhraya WCE ini memberi manfaat kepada keselamatan pengguna jalan raya serta membantu membangunkan sosio-ekonomi sepanjang koridor yang terlibat dengan kemudahan infrastruktur yang dipertingkatkan.

LEBUHRAYA WCE SEKSYEN 6

Lebuhraya WCE Seksyen 6, Persimpangan Bertingkat Bandar Bukit Raja Utara ke Persimpangan Bertingkat Assam Jawa menghubungkan Kapar, Perak ke Assam Jawa, Selangor sepanjang 21.8 km telah dibuka pada 21 November 2024.

Pembukaan Lebuhraya WCE Seksyen 6 ini dijangka dapat menjimatkan masa perjalanan dari Kapar ke Assam Jawa (Ijok) yang akan mengambil masa hanya 15 minit sahaja berbanding 45 minit sebelum ini melalui laluan sedia ada. Pengurangan masa perjalanan selama 30 minit ini menjanjikan kemudahan dan keselesaan yang lebih baik kepada pengguna lebuhraya. Lebuhraya WCE Seksyen 6 ini juga mempunyai sambungan secara terus dengan Lebuhraya LATAR yang menawarkan lebih keterhubungan antara rangkaian lebuhraya untuk kemudahan pengguna.

LEBUHRAYA WCE SEKSYEN 11


Lebuhraya WCE Seksyen 11, Persimpangan Bertingkat Taiping Selatan ke Persimpangan Beruas yang menghubungkan Changkat Jering, Perak ke Banting, Selangor sepanjang 314.5 km telah dibuka pada 12 Mac 2024.

Pembukaan Lebuhraya WCE Seksyen 11 ini dijangka dapat menjimatkan masa perjalanan dari Changkat Jering ke Beruas yang akan mengambil masa hanya 20 minit sahaja berbanding 55 minit sebelum ini melalui laluan sedia ada. Dengan pembukaan Lebuhraya WCE Seksyen 11 ini, ia akan memberikan alternatif yang lebih selesa kepada pengguna yang menuju ke utara dengan laluan yang lebih landai dan kurang berbukit.

Lebuhraya WCE ini turut memainkan peranan dalam memajukan penjana ekonomi masyarakat setempat persisiran pantai barat semenanjung yang terkenal dengan makanan laut dan penghasilan hasil laut. Ini memberi impak sosio-ekonomi yang lebih besar kepada negeri Perak dan Negeri Selangor melalui sambungan akses sedia ada dari lebuhraya ke pelabuhan. Ia juga akan menjadi laluan pilihan utama kepada aktiviti ekonomi pelabuhan yang berurusan secara langsung dengan pelabuhan-pelabuhan seperti Pelabuhan Lumut, Pelabuhan Teluk Intan dan Pelabuhan Klang.



WCE Seksyen 6



Lebuhraya West Coast Expressway (WCE)

1.2.4 LEBUH RAYA BERTOL

Sehingga tahun 2023, sebanyak 33 buah lebuhraya yang sedang beroperasi dan menghubungkan kawasan-kawasan utama di Semenanjung berdasarkan jadual berikut:

Senarai Lebuhraya Beroperasi						
BIL	KOD	LEBUH RAYA		PANJANG TAHUN 2021 (KM)	PANJANG TAHUN 2022 (KM)	PANJANG TAHUN 2023 (KM)
1	E1	PLUS	Lebuhraya Utara Selatan dan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE)	434.95	465.15	465.15
	E2		Lebuhraya Utara Selatan	Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE)	312.00	312.00
2	E3	LINKEDUA	Laluan Kedua Malaysia Singapura	47.00	45.72	45.72
3	E5	KESAS	Lebuhraya Shah Alam	34.30	34.30	34.30
4	E6	ELITE	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah	63.00	59.69	59.69
5	E7	GRANDSAGA	Lebuhraya Cheras Kajang	11.50	11.50	11.50
6	E8	KLK	Lebuhraya Kuala Lumpur Karak	60.00	60.00	60.00
7	E8	LPT1	Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1	171.10	174.50	174.50
8	E8	LPT2	Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2	183.38	183.38	183.38
9	E9	BESRAYA	Lebuhraya Sungai Besi	28.20	28.40	28.40
10	E10	NPE	Lebuhraya Baru Pantai	19.60	19.60	19.60
11	E11	LDP	Lebuhraya Damansara Puchong	40.00	39.30	39.30
12	E12	AKLEH	Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur	7.40	7.89	7.89
13	E13	LKSA	Lebuhraya Kemuning Shah Alam	14.70	8.90	8.90
14	E15	BKE	Lebuhraya Butterworth Kulim	17.80	16.78	16.78
15	E17	LLB	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth	18.93	18.93	18.93

16	E18	SILK	Lebuhraya Lingkaran Penyuraian Trafik Kajang	37.00	37.00	37.00
17	E19	SUKE	Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu Klang	-	15.86	22.98
18	E20	MEX	Lebuhraya Kuala Lumpur Putrajaya	26.00	25.38	25.38
19	E21	LEKAS	Lebuhraya Kajang Seremban	44.30	44.28	44.28
20	E22	SDE	Lebuhraya Senai Desaru	77.00	77.20	77.20
21	E23	SPRINT	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat	26.00	26.00	26.00
22	E25	LATAR	Lebuhraya Kuala Lumpur Kuala Selangor	33.00	30.70	30.70
23	E26	SKVE	Lebuhraya Lembah Klang Selatan	52.98	52.98	52.98
24	E28	JSAHMS	Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah	24.00	24.00	24.00
25	E29	SPDH	Lebuhraya Seremban Port Dickson	22.80	22.75	22.75
26	E30	NNKSB	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru	17.50	17.50	17.50
27	E31	DASH	Lebuhraya Bertingkat Damansara Shah Alam	-	16.30	16.30
28	E32	LPB	Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Taiping – Banting)	(Seksyen 5,8,9 & 10) 74.19	(Seksyen 5,8,9 & 10) 74.19	96.24
29	E33	DUKE	Lebuhraya Duta Ulu Kelang	30.67	30.67	30.67
30	E35	GCE	Lebuhraya Koridor Guthrie	25.00	25.00	25.00
31	E36	JPP	Jambatan Pulau Pinang	17.40	17.40	17.40
32	E38	SMART	Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir	7.50	7.50	7.50
33	E39	SPE	Lebuhraya Setiawangsa Pantai	-	4.27	20.67
Jumlah Keseluruhan Panjang Lebuhraya				2,016.05	2,035.01	2,080.59

Lebuhraya Sungai Besi -
Ulu Kelang Elevated
Expressway (SUKE)



**PEMBUKAAN LEBUH RAYA BERTOL 2021
SEHINGGA JUN 2024**

PEMBUKAAN FASA 1 LEBUHRAYA SUKE

Fasa Pertama Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) melibatkan jajaran sepanjang 16.6 km bermula dari Persimpangan Cheras-Kajang dan berakhir di Persimpangan Bukit Antarabangsa telah dibuka secara rasminya pada 16 September 2022. Secara keseluruhannya, Lebuhraya SUKE merupakan lebuhraya tiga lorong dua hala yang dibina dengan kos bernilai RM5.7 bilion dengan jumlah jajaran utamanya adalah sepanjang 24.4 km melibatkan 14 persimpangan, satu Kawasan Rehat dan Rawat serta dua hentian sebelah.

Lebuhraya SUKE ini menjadi lebuhraya alternatif utama kepada salah satu laluan paling sesak di Lembah Klang iaitu Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) dan dijangka mampu menyuraikan trafik untuk beberapa lokasi strategik iaitu di sepanjang MRR2, Jalan Ampang dan Jalan Loke Yew sehingga 36% pada waktu puncak. Masa perjalanan juga dijangka mampu dipendekkan kepada 25 minit berbanding 75 minit menerusi laluan sedia ada.

PEMBUKAAN FASA 2 LEBUHRAYA SUKE

Lebuhraya SUKE Fasa 2 melibatkan jajaran utama sepanjang 7.8 km dari Sri Petaling sehingga Cheras-Kajang yang merupakan laluan di kawasan berkepadatan tinggi. Dengan pembukaan ini, jajaran utama Lebuhraya SUKE sepanjang 24.4 km telah lengkap. Antara skop pembinaan lebuhraya ini adalah melibatkan pembinaan dua persimpangan baharu iaitu Persimpangan Sri Petaling dan Persimpangan Sungai Besi dan juga pembinaan Plaza Tol Alam Damai. Pembukaan Fasa 2 Lebuhraya SUKE menawarkan keterhubungan yang lebih baik dan penyuraian tragik yang berkesan terutamanya bagi pengguna tegar Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

PEMBUKAAN LEBUHRAYA SPE

Sebahagian jajaran Lebuhraya Setiawangsa Pantai (SPE) iaitu Seksyen 4 (Setiawangsa – Taman Melati) sepanjang 4.4 km telah dibuka pada 21 Disember 2021. Baki jajaran sepanjang 16.3 km telah dibuka pada 3 November 2023. Lebuhraya ini menghubungkan beberapa lebuhraya seperti Lebuhraya SPRINT, AKLEH, DUKE, MRR2 dan lain-lain.

Lebuhraya ini dijangka mampu mengurangkan sehingga 30% masalah kesesakan lalu lintas yang sering dihadapi pengguna terutamanya pada waktu puncak melibatkan laluan ke utara, timur, barat dan selatan Kuala Lumpur untuk masuk dan keluar dari Pusat Bandaraya Kuala Lumpur.



Lebuhraya Setiawangsa Pantai
(SPE)

TERAS

2

Inovasi dan Pendigitalan dalam Pembangunan dan Penyenggaraan Infrastruktur



- 2.1 PEMBANGUNAN DASAR DAN GARIS PANDUAN INFRASTRUKTUR DIPERKASA**
 - 2.1.1 Pembangunan Pelan Strategik Pengurusan Aset (Operasi) Peringkat Kementerian dan Agensi
- 2.2 PEMBINAAN DAN PEMANTAPAN SISTEM SERTA TEKNOLOGI INFRASTRUKTUR**
 - 2.2.1 Pelaksanaan *Intelligent Transport System* (ITS) di Jalan Raya
 - 2.2.2 Pelaksanaan *Radio Frequency Identification* (RFID)
 - 2.2.3 Pelaksanaan Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka (SPT) dan *Multi Lane Fast Flow* (MLFF)
 - 2.2.4 Kajian Bukan Fizikal (Penyelidikan dan Pembangunan)
 - 2.2.5 Penyenggaraan Jalan dengan Lestari dan Inovasi
 - 2.2.6 Komitmen Pengurangan Gas Rumah Hijau
- 2.3 PENINGKATAN KESELAMATAN DAN KESELESAAN INFRASTRUKTUR**
 - 2.3.1 Pendigitalan Kajian Kepuasan Pelanggan Di Semua Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan (BGKP)
 - 2.3.2 Kerja Penyenggaraan *Potholes* Di Jalan Persekutuan (24 jam)
 - 2.3.3 Rawatan Blackspot Lebuhraya
- 2.4 PENINGKATAN PENGGUNAAN INOVASI, TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN DALAM PROJEK KERAJAAN**
 - 2.4.1 Inovasi & Teknologi Terkini
 - 2.4.2 Harta Intelek (IP) Didaftar
 - 2.4.3 Hasil Penyelidikan Warga JKR
 - 2.4.4 Manual Penjana Perjalanan Malaysia (MyTripGen) 2020 dan Sistem Webportal
- 2.5 PENINGKATAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM INDUSTRI PEMBINAAN**
 - 2.5.1 Penggunaan Sumber TBB dan LED dalam Projek Jalan Kerajaan
 - 2.5.2 Penilaian Semula Indeks Lebuhraya Hijau/ Malaysia Green Highway Index (MyGHI)
 - 2.5.3 Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik (EVCS)

2.1 PEMBANGUNAN DASAR DAN GARIS PANDUAN INFRASTRUKTUR DIPERKASA

2.1.1 PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENGURUSAN ASET (OPERASI) PERINGKAT KEMENTERIAN DAN AGENSI

Pembangunan Pelan Strategik Pengurusan Aset (Operasi) adalah untuk menggariskan strategi pematuhan yang seragam berdasarkan Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK) melalui penetapan sasaran objektif pengurusan aset tak alih yang sistematik mengikut pendekatan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM).

Pelan Strategik Pengurusan Aset (Operasi) atau PSPA (O) diwujudkan sebagai panduan kepada Kementerian dan Agensi dalam mengurus, menyelia dan mengendalikan urusan berkaitan Pengurusan Aset Tak Alih. Pelan ini menyokong sepenuhnya Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK), Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA).

Menyediakan perancangan strategik di peringkat penerimaan sehingga pelupusan aset tidak alih

Memastikan keberkesanan tadbir urus dalam pelaksanaan aktiviti Pengurusan Aset Tak Alih (PATA)

Memastikan PATA dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berkesan

Penyediaan PSPA (O)

Pemantauan Pencapaian PSPA (O)

Pengukuran dan Kajian semula keberkesanan PSPA (O)

Aktiviti PSPA (O)

Matlamat PSPA (O) dibangun

PSPA (O) meliputi keseluruhan aktiviti dalam fasa penggunaan sehingga pelupusan dan PSPA (O) perlu dikaji semula dalam tempoh 3 tahun hingga 5 tahun atau mengikut keperluan.


Keseluruhan Aktiviti PSPA (O)

Bil	Aktiviti	Tarikh	Catatan
1.	Penyediaan dokumen PSPA (O) di peringkat Jabatan & Agensi	6 Oktober 2020	Melalui bengkel yang dianjurkan oleh Bahagian Perancang Korporat (BPK), KKR
2.	Bengkel Permurnian Dokumen PSPA (O) Kementerian	Januari - Mac 2021	Melibatkan JKR, LLM dan CIDB
3.	Bengkel Pemurnian Dokumen PSPA (O) Kementerian	14 - 15 Mac 2021	Penganjur Cawangan Aset Tak Alih dan Kuarters BPF, KKR
4.	Sesi semakan di peringkat BPF, KKR	Julai 2021	Melibatkan semua Pegawai BPF, KKR
5.	Semakan bersama urus setia JPAK (CPAB JKR)	12 Oktober 2021	Melibatkan urus setia dan wakil CPAB, JKR
6.	Pembentangan kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian, Jabatan dan Agensi	20 Disember 2021	Melibatkan KSU, KPKR, KP LLM, KE CIDB dan TKSU
7.	Pelancaran dokumen	4 Disember 2022	Melibatkan KSU, TKSUDP, TKPKR, SUB, wakil JKR, wakil LLM dan wakil CIDB
8.	Penyediaan lima peringkat Pelan Pengurusan Aset Tak Alih secara tahunan seperti berikut: i.Pelan Penerimaan Aset (PTRA); ii.Pelan Operasi dan Penyenggaraan Aset (POPA); iii.Pelan Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset (PNPA); iv.Pelan Pemulihan/ Ubah Suai/ Naik Taraf Aset (PPUN); Pelan Pelupusan Aset (PLA)	Bermula 2022 sehingga 2026	Jabatan/Agensi dibawah Kementerian seperti IP JKR (CSFJ, CSFB dan CKC), JKR Sarawak, JKR Sabah, JKR WP Labuan, LLM dan CIDB akan melaporkan lima pelan tersebut. Pelaporan perancangan akan dikemukakan pada suku ketiga bagi tahun berikutnya, manakala pelaporan muktamad bagi tahun semasa akan dikemukakan pada suku keempat pada tahun semasa.

Beberapa inisiatif hampir selesai dan masih dalam proses

Dapatan kajian daripada bengkel telah mendapati terdapat beberapa inisiatif yang memerlukan pelanjutan tempoh pelaksanaan kerana kekangan sepanjang proses pembangunan. Terdapat juga inisiatif yang perlu dilaksanakan secara berterusan mengambil kira keperluan dan kecanggihan teknologi masa kini seperti keperluan pusat kawalan trafik yang perlu sentiasa dikemaskini mengikut perkembangan teknologi semasa. Perkara ini telah diangkat untuk dibincang dan telah dipersetujui di dalam mesyuarat ITS Council pada 27 Jun 2022.

Secara keseluruhan, laporan kemajuan ini menunjukkan perkembangan positif dengan kemajuan yang stabil dicapai dalam pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, beberapa inisiatif perlu diberi perhatian untuk memastikan penyelesaian tepat pada masanya dan selaras dengan objektif pelan hala tuju.



Peratusan Pencapaian Kemajuan Keseluruhan Inisiatif

Lebuhraya Guthrie Corridor Expressway (GCE)

YB Menteri Kerja Raya mengkaji sistem ITS MLFF oleh Salik Company di Dubai

2.2.2 PELAKSANAAN RADIO FREQUENCY IDENTIFICATION (RFID)

Bermula 1 Januari 2020, kaedah kutipan tol yang menggunakan teknologi Radio Frequency Identification (RFID) telah dilaksanakan. Sebanyak 30 lebuhraya mengaplikasikan sistem tol terbuka dan lebuhraya sistem tertutup bagi Kenderaan Kelas 1, iaitu sebanyak 302 lorong RFID telah disediakan.

Sehingga 31 Disember 2022, jumlah kenderaan yang dipasang dengan tag RFID telah mencapai 2.36 juta berbanding 1.55 juta pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak 52.25%.

Kadar purata penggunaan mod bayaran RFID bagi Kenderaan Kelas 1 pada tahun 2022 adalah sebanyak 18% daripada jumlah keseluruhan penggunaan mod bayaran lain iaitu SmartTAG dan Touch ‘n Go.

Perbandingan jumlah trafik RFID antara tahun 2021 dengan 2022 bagi 30 lebuhraya yang mengaplikasikan sistem tol terbuka dan lebuhraya sistem tol tertutup yang menggunakan RFID.

Perbandingan Jumlah Trafik RFID Tahun 2021 dan 2022
di Lebuhraya Sistem Tol Terbuka dan Lebuhraya Sistem Tol Tertutup

Jumlah Trafik (Juta) 2021	Jumlah Trafik (Juta) 2022	Jumlah Kenaikan/ Penurunan Trafik (Juta)	Peratus Kenaikan/ Penurunan Trafik (%)
79.82	279.79	199.97	251

Terdapat tiga (3) lebuhraya yang menyediakan kemudahan pembayaran tol melalui RFID pada tahun 2022, iaitu Lebuhraya Setiawangsa – Pantai (SPE), Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu - Kelang (SUKE) dan Lebuhraya Bertingkat Damansara – Shah Alam (DASH).

2.2.3 PELAKSANAAN SISTEM KUTIPAN TOL SECARA PEMBAYARAN TERBUKA (SPT) DAN MULTI LANE FAST FLOW (MLFF)

Menyedari isu kesesakan di plaza tol yang antara penyebabnya adalah isu kekurangan baki kad TNG, pihak Kerajaan telah menambahbaik sistem kutipan tol sedia ada dengan pelaksanaan Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka (SPT) bermula September 2023 di beberapa lebuhraya secara berperingkat.

Pelaksanaan SPT memberi alternatif bagi pembayaran tol dengan menggunakan kad kredit, kad debit atau kad pra-bayar yang mempunyai logo MyDebit, Mastercard atau Visa. Secara tidak langsung, pelaksanaan SPT ini dapat mengurangkan isu kekurangan baki kad dan seterusnya melancarkan operasi tol. Perluasan pelaksanaan SPT akan dibuat secara berperingkat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna.



Logo Sistem SPT di Lebuhraya Terpilih

Selain itu, pihak Kerajaan sedang merancang untuk memperkasakan sistem kutipan tol sedia ada dengan melaksanakan sistem kutipan tol tanpa henti atau dikenali sebagai Multi Lane Fast Flow (MLFF) untuk melancarkan transaksi pembayaran tol dengan lebih efisien.


Dengan MLFF, pengguna tidak perlu lagi memberhentikan atau memperlahankan kenderaan bagi membuat bayaran tol, ini dapat mengurangkan kesesakan di plaza tol serta meningkatkan kelancaran perjalanan pengguna. Bagi merealisasikan MLFF, Kerajaan sedang meneliti pelbagai aspek dari segi komersil, perundangan dan teknikal serta memuktamadkan struktur tadbir urus bersama pihak-pihak berkaitan.



Pelancaran sistem SPT di Plaza Tol Loke Yew, Lebuh raya BESRAYA

2.2.4 KAJIAN BUKAN FIZIKAL (PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN)

KKR bertanggungjawab sebagai pengurus program bagi menyelaras dan memantau kajian bukan fizikal yang dilaksanakan di bawah Agensi bagi kajian yang telah diluluskan pada RP1, RMKe-12 pada tahun 2021 sehingga 2023. Sebanyak tiga kajian yang diluluskan dan melibatkan skop jalan, geoteknikal dan struktur. Setiap kajian yang dilaksanakan telah mencapai objektif. Kesenambungan kajian akan dilaksanakan bagi mengumpul lebih banyak data bagi memperolehi maklumat yang lebih konkrit.




Tempoh Kajian Pembangunan Blok Interlok Ringan dari Konkrit Berbusa dan Bahan Buangan Pembinaan di Malaysia



KM 0.0 Lebuhraya Pan Borneo
Sarawak - Telok Melano

2.2.5 PENYENGGARAAN JALAN DENGAN LESTARI DAN INOVASI

KKR dan Agensi sentiasa menggiatkan penyenggaraan jalan lestari dan inovasi dengan menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) atau Lampu Kecekapan Tenaga/ *Light Emitting Diode* (LED) dalam projek jalan di bawah KKR dan Agensi. Penilaian adalah berdasarkan bilangan projek yang siap reka bentuk pada tahun semasa yang menggunakan sumber TBB atau Lampu LED. Bermula tahun 2022 sehingga Jun 2024, KKR dan Agensi telah mencapai melebihi sasaran tahunan iaitu 100%.



Projek Jalan yang Menggunakan Sumber TBB
atau LED

4 Projek Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2021

Bil	Projek
1.	Membina Jalan Baru dari Persimpangan RIM (M27) ke Persimpangan Kg. Ulu Jasin (M2), Daerah Jasin, Melaka. (Lampu Jalan Jenis LED dan Solar)
2.	Membina Jalan Perhubungan Desa dari KOA Simoi Lama ke Pos Lenjang, Lipis, Pahang. (Lampu Jalan Jenis Solar)
3.	Pembinaan Jalan Baru dari Jalan Persekutuan FT 3208 ke Jalan 132 Kaki di Kawasan UMW <i>High Value Manufacturing Park</i> (UMW HVMP), Serendah, Selangor. (Lampu Jalan Jenis LED dan <i>Road Stud</i> Jenis Solar)
4.	Menaiktaraf Jalan Pintas dari Felda Terapai, Pekan ke Felda Mayam, Bera, Pahang. (Lampu Jalan Jenis LED)

10 Projek Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2022

Bil	Projek
1.	Membina Jalan dan Jambatan Sungai Air Tawar, Sabak Bernam, Selangor ke Hutan Melintang, Perak – (Lampu Jalan Solar)
2.	Pembinaan Jambatan Konkrit Kampung Dusun, Mukim Kechau serta Kerja-kerja Berkaitan – (Lampu Jalan Solar)
3.	Jambatan Gantung Kg. Kuala Kechau, Mukim Kechau, Daerah Lipis, Pahang – (Lampu Jalan Solar)
4.	Membina Jambatan Konkrit dan Naik Taraf Jalan di Kg. Sungai Meranti ke Bukit Lepas, Rompin, Pahang – (Lampu Jalan Solar)
5.	Menggantikan Jambatan KM 295.56 Jalan Tamparuli - Sandakan (FS022/295/56) – (Lampu Jalan LED)
6.	Naiktaraf Jambatan Kg. Sabak, Pengkalan Chepa, Kelantan – (Lampu Jalan LED)
7.	<i>Central Spin Road</i> : Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan : Jambatan Sg. Lakit ke Paloh 2 (Seksyen 2A) – (Lampu Jalan LED)
8.	<i>Central Spine Road</i> : Kg. Sertik ke Persimpangan Lebuhraya Pantai Timur (CH.0-CH.8050), Pahang – (Lampu Jalan LED)
9.	Projek Membina Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan : Bukit Tiu ke Kg. Berangan Mek Nab – (Lampu Jalan LED)
10.	Jalan Kg. Pasir Raja, Hulu Dungun, Terengganu ke Sempadan Terengganu/ Pahang (Fasa 3A) - (Lampu Jalan Solar)

10 Projek Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2023

Bil	Projek
1.	Projek Pembinaan Jambatan di KM 117.100, Jalan Kota Kinabalu-Keningau-Tenom (500), Keningau, Sabah (Lampu Jalan Jenis Solar)
2.	Menaiktaraf Jalan Lubuk Kulit-Sungai Ular, Kuala Lipis (<i>Amber Light</i> Jenis Solar)
3.	Membina Jalan Baru Bagi Menghubungkan Jalan Lubok Kiat- Kubang Kuau (D181) Dengan Jalan Felda Kemahang 3 (FT1739), Tanah Merah, Kelantan (Lampu Jalan Jenis Solar)
4.	Projek Membina Jalan Pantai Dendong ke Jalan Belakang Bukit Keluang, Besut, Terengganu (Lampu Jalan dan <i>Road Stud with Solar Power</i> LED)
5.	Membina dan Menggantikan Jambatan Gantung Kampung Kurnia Diraja, Tampin, Negeri Sembilan (Lampu Jalan Jenis LED)
6.	Membina Jambatan Baru di Jalan Bukit Kubur, Mukim Mahang, Daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah Darul Aman (Lampu Jalan Jenis LED)
7.	Membina Jambatan Sempit di Jalan Aur Duri, Kota Bharu, Kelantan (Lampu Jalan Jenis Solar)
8.	Menggantikan Jambatan sedia ada dari Kg. Pak Ba ke Kg. Pengkalan Merbau, Pekan Sg. Tong, Setiu, Terengganu (Lampu Jalan Jenis Solar)
9.	Membina Jalan Baru dari Jalan Malaysia ke Kg. Berdang, Jeli, Kelantan (Lampu Jalan Jenis LED)
10.	Membina Baru Jalan dari Lubuk Paku-Mentenang-Peijing, Maran (Lampu Jalan Jenis Solar)

2.2.6 KOMITMEN PENGURANGAN GAS RUMAH HIJAU

Pengukuran pengurangan pelepasan karbon (1.4 juta kg CO₂ *equivalent* atau CO₂e) pada tahun semasa adalah berdasarkan pelepasan karbon pada tahun asas berbanding pelepasan karbon pada tahun semasa bagi bangunan yang dikawal selia JKR. Pengumpulan data dalam bentuk bil elektrik bulanan.

Bangunan-bangunan yang terlibat adalah:

- i. Kompleks Ibu Pejabat JKR (Blok A, B, C, D, E dan F)
- ii. Bangunan Menara KKR (Blok G)
- iii. Bangunan JKR (Cawangan & Negeri)
(kesemua JKR Negeri di Semenanjung Malaysia termasuk JKR Labuan yang mempunyai bangunan sendiri dan tidak berkongsi dengan Jabatan lain)

Pengurangan Pelepasan Karbon Bagi Tahun 2021

BIL	PENGUKURAN	SASARAN	STATUS PENCAPAIAN	MAKLUMBALAS/ CATATAN
		SUKUAN 4	31 DIS 2021	
1.	Pengurangan pelepasan karbon: Projek bangunan yang melaksanakan penarafan hijau sebanyak 15% (kg CO ₂ e)	100%	100.00%	• Kesemua projek yang disasarkan telah mencapai sasaran purata peratus pengurangan pelepasan karbon sebanyak 15%. • Jumlah pengurangan pelepasan karbon bagi 4 projek adalah 145% dengan purata pencapaian sebanyak 36.25% (kg CO₂e). • Senarai seperti berikut: 1. Hospital Pengajar UPM [34%]; 2. Parlimen 3B [45%]; 3. IPD Nilai [29%]; dan 4. UNISZA Besut [37%].
2.	Pengurangan pelepasan karbon: Bangunan yang dihuni dan dikawal selia JKR sebanyak 1.4 juta kg CO ₂ e / tahun	100%	100.00%	Pengiraan pencapaian pelepasan karbon adalah berdasarkan kepada penggunaan tenaga elektrik sebenar sehingga 31 Disember 2021. 2,746,654 kWh bersamaan dengan 1,906,178 kg CO ₂ e.
3.	Pengurangan pelepasan karbon bagi bangunan kerajaan yang menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB)	100%	100.00%	Telah mencapai 141,043 kg CO ₂ (100%) di bangunan seperti berikut: i. Bangunan Parlimen ii. SK Tudan, SK Poring, SK Rungus Nahaba, SK Paginatan, SK Matupang, SK Timbua, SK Mamagun, SK Long Manis dan SK Tg Paras di Sabah iii. SK Kuala Mu Perak, SK Piah Perak, SK Pulat Kelantan dan SK Sri Permai Kelantan di Semenanjung.

Pengurangan Pelepasan Karbon Bagi Tahun 2022

BIL	PENGUKURAN	SASARAN	STATUS PENCAPAIAN	MAKLUMBALAS/ CATATAN
		SUKUAN 4	31 DIS 2021	
1.	Pengurangan pelepasan karbon: Projek bangunan yang melaksanakan penarafan hijau sebanyak 15% (kg CO ₂ e)	100%	100.00%	Purata pengurangan pelepasan karbon adalah sebanyak 20.8% atau 198,961,570.55 kg CO ₂ e daripada 5 projek penarafan hijau: 1. IPSiS UiTM 2. CKM Kedah 3. CKM Kelantan 4. CKM Selangor 5. CKM Terengganu
2.	Pengurangan pelepasan karbon: Bangunan yang dihuni dan dikawal selia JKR sebanyak 1.4 juta kg CO ₂ e / tahun	100%	104.39%	Pencapaian penjimatan sebanyak 2,105,826 kWj dan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 1,461,443 kg CO ₂ e. Bangunan yang dipantau: i. Kompleks IPJKR (Blok A-F) ii. JKR Negeri - 14 bangunan iii. Menara KKR - Blok G
3.	Pengurangan pelepasan karbon bagi bangunan kerajaan yang menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB)	100%	109.38%	Pencapaian sukuan 4 di cerap sehingga 12 Disember 2022 dan telah mencapai melebihi sasaran iaitu sebanyak 109% dengan jumlah pengurangan pelepasan karbon sebanyak 231,410 kg CO ₂ berbanding sasaran 211,564 kg CO ₂ e.

Pengurangan Pelepasan Karbon Bagi Tahun 2023

BIL	PENGUKURAN	SASARAN	STATUS PENCAPAIAN	MAKLUM BALAS/ CATATAN
		SUKUAN 4	31 DIS 2021	
1.	Pengurangan pelepasan karbon: Projek bangunan yang melaksanakan penarafan hijau sebanyak 15% (kg CO ₂ e)	100%	100.00%	Sebanyak 4 projek bangunan yang telah melaksanakan penarafan hijau dengan pengurangan karbon sebanyak 15% (kg CO ₂ e) adalah: 1. UUM Colgis 2. SUK Mukim Seriab 3. Pusat Kardiologi Hospital Serdang 4. Hospital Tanjung Karang Purata pengurangan pelepasan karbon sebanyak 43.25% atau 1,481,110.98 kg CO ₂ e.

2.	Pengurangan pelepasan karbon: Bangunan yang dihuni dan dikawal selia JKR sebanyak 1.4 juta kg CO ₂ e / tahun	100%	112.10%	Pencapaian penjimatan sebanyak 2,261,137.00 kWj dan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 1,569,229.00 kgCO ₂ e daripada sejumlah 27 bangunan JKR yang dipantau (1 Kompleks IPJKR Blok A-F, 1 Blok G, 25 JKR Negeri).
3.	Pengurangan pelepasan karbon bagi bangunan kerajaan yang menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB)	100% (317,346 kg CO ₂ e)	117.58%	Jumlah kumulatif penjanaan tenaga daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) bagi 22 buah bangunan yang dikawalselia oleh JKR adalah sebanyak 571,592.12 kWh bersamaan 373,131.01 kg CO ₂ e.

Pengurangan Pelepasan Karbon Bagi Tahun 2024

BIL	PENGUKURAN	SASARAN	STATUS PENCAPAIAN	MAKLUMBALAS/ CATATAN
		SUKUAN 4	31 DIS 2021	
1.	Pengurangan pelepasan karbon: Projek bangunan yang melaksanakan penarafan hijau sebanyak 15% (kg CO ₂ e)	100%	100.00%	Sebanyak 1 projek bangunan telah melaksanakan penarafan hijau dengan purata pengurangan pelepasan karbon sebanyak 48.66% atau 3,855,806.53 kg CO ₂ e iaitu: • Menara Kerja Raya
2.	Pengurangan pelepasan karbon: Bangunan yang dihuni dan dikawal selia JKR sebanyak 1.4 juta kg CO ₂ e / tahun	100%	104.39%	Pencapaian penjimatan sebanyak 584,045.00 kWj dan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 440,598.00 kgCO ₂ e daripada sejumlah 29 bangunan JKR yang dipantau (1 Kompleks IPJKR Blok A-F, 1 Blok G, 27 JKR Negeri).
3.	Pengurangan pelepasan karbon bagi bangunan kerajaan yang menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB)	100% (476,019 kg CO ₂ e)	109.38%	Jumlah kumulatif penjanaan tenaga daripada 41 buah bangunan kerajaan yang menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) adalah sebanyak 167,696.19 kWh bersamaan 124,319.52 kg CO ₂ e.



Lebuhraya Kemuning
Shah Alam (LKSA)

2.3 PENINGKATAN KESELAMATAN DAN KESELESAAN INFRASTRUKTUR


2.3.1 PENDIGITALAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN DI SEMUA BANGUNAN GUNASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN (BGKP)

KKR telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menyelia 67 BGKP di seluruh Malaysia dan 64 daripadanya telah diswastakan kepada syarikat konsesi mengikut zon iaitu Selatan & Sarawak, Utara & Sabah dan Timur. Di samping itu, pengurusan dan penyenggaraan tiga BGKP di Zon Tengah pula dilaksanakan secara terma kontrak.

Pendigitalan Kajian Kepuasan Pelanggan di semua Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) seluruh Malaysia bertujuan untuk mendigitalkan aktiviti pengurusan dan penyenggaraan di BGP selari dengan revolusi IR4.0. Pendigitalan kajian ini juga bertujuan untuk meningkatkan integriti data, mempercepatkan kajian dan penilaian yang sebelum ini dilaksanakan secara manual.

Fasa Pendigitalan Kajian Kepuasan Pelanggan di semua BGP

Fasa 1	Transformasi borang kajian dari cetakan kertas kepada elektronik dan pelaksanaan Kajian Kepuasan Pelanggan dari manual kepada atas talian.
Fasa 2	Mengintegrasikan Kajian Kepuasan Pelanggan di semua zon BGP.
Fasa 3	(Dashboard) Kajian Kepuasan Pelanggan dihubungkan dengan <i>Operation Command Centre</i> (OCC).



Perancangan Garis Masa Pelaksanaan

KKR telah menerima maklum balas berhubung mutu perkhidmatan dan pengurusan penyenggaraan BGKP di seluruh Malaysia yang terlibat dengan Kontrak Penswastaan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan (CSS) secara digital mengikut zon seperti berikut:


Zon bagi CSS

ZON	TAHUN		
	2021	2022	2023
Zon Utara	94.3	96.59	95.49
Zon Sabah	98.71	99.05	98.84
Zon Selatan	98.83	97.92	98.75
Zon Sarawak	99.43	98.33	98.49
Zon Timur	93.57	95.64	97.04

2.3.2 KERJA PENYENGGARAAN POTHOLES DI JALAN PERSEKUTUAN (24 JAM)

Pothole ialah lubang di permukaan jalan yang berukuran tidak kurang daripada 200 milimeter (mm) garis pusat, tidak melebihi 1,000 mm garis pusat dan tidak kurang daripada 25 mm kedalaman.

Pothole seperti ciri-ciri tersebut perlu ditampal sebagaimana ketetapan dalam skop kerja penyelenggaraan rutin, RO1. Bagi *pothole* yang berukuran kurang daripada 200 mm garis pusat juga perlu ditampal sebagaimana ketetapan dalam skop kerja penyelenggaraan Rutin, RO1.



Semua *potholes* yang dikenal pasti melalui Skop B, iaitu Pemeriksaan Rutin (*Routine Inspection*, RI) atau aduan yang diterima hendaklah ditampal dalam tempoh masa 24 jam.

Jumlah tampalan *potholes* berdasarkan Pemeriksaan Rutin dan Aduan diterima bagi 2021-2023

Tahun	2021	2022	2023
Bilangan <i>Potholes</i> di Semenanjung Malaysia	6,423	5,959	8,519
Bilangan <i>Potholes</i> di Sabah, Sarawak dan WP Labuan	40,896	56,553	42,100
Jumlah Bilangan <i>Potholes</i>	47,913	62,512	50,619

Penyenggaraan Jalan di Semenanjung Malaysia adalah dipantau oleh pihak CSFJ, JKR manakala Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dipantau sepenuhnya oleh BPF, KKR secara terus dengan pihak JKR Negeri dan Konsesi.

JALAN PERSEKUTUAN

Jalan persekutuan adalah jalan dalam mana-mana Negeri yang telah diisytiharkan sebagai Persekutuan oleh Menteri Kerja Raya setelah rundingan dibuat dengan Kerajaan Negeri berkenaan. Pengisytiharaan sebagai Jalan Persekutuan dilaksanakan melalui Perintah yang diwartakan dan dibentengakan dalam Dewan Rakyat. Jalan ini menghubungkan ibu negeri dan jalan menuju ke pusat masuk serta keluar negara. Jalan Persekutuan dibiayai secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan dan peruntukan disalurkan kepada JKR untuk pengurusan dan penyenggaraan

1

Jalan Persekutuan yang terletak dalam Negeri seperti Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu, Jalan Persekutuan ini diisytiharkan di bawah akta Jalan Persekutuan 1959 (Akta 376)

2

Jalan Persekutuan terletak di Wilayah Persekutuan (dikenali sebagai Jalan Wilayah Persekutuan yang ditetapkan) seperti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan, Jalan Persekutuan yang ditetapkan ini diisytiharkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

7 KATEGORI JALAN PERSEKUTUAN



Federal Road Maintenance (FRM) merupakan kontrak Perjanjian Penswastaan Penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilaksanakan secara konvensional oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan mengikut zon yang ditetapkan.

Jumlah Panjang Jalan Persekutuan (tol dan tidak bertol) yang diwartakan seluruh negara ialah sebanyak 20,017.966 km. Walau bagaimanapun, Panjang Jalan Persekutuan (tidak bertol) yang diselia dan disenggara di bawah KKR melibatkan jumlah Panjang sebanyak 18,117.02 km iaitu di Semenanjung Malaysia sebanyak 18,876.767 km, Sabah iaitu 1,536.949 km, Sarawak 1,561,328 km dan WP Labuan iaitu 142.068 km. Maklumat panjang jalan tersebut adalah tidak termasuk lebuhraya bertol dan jalan-jalan di WP Kuala Lumpur dan Putrajaya. (Sumber : Buku Statistik Jalan 2023)

Kontrak FRM terbahagi kepada kepada tiga komponen utama penyenggaraan iaitu:



Penyenggaraan Jalan Persekutuan : Mengikut Zon & Syarikat Konsesi 7 KONTRAK

ZON UTARA (1557.107 km)

Pulau Pinang, Kedah, Perlis
THB MAINTENANCE SDN BHD
(Tempoh: Ogos 2017 - Ogos 2027)

ZON UTARA (1513.742 km)

Perak
BELATI WANGSA SDN BHD
(Tempoh: April 2018 - Feb 2026)

ZON TENGAH & TIMUR (7620.67 km)

Selangor, Pahang, Terengganu
& Kelantan
ROADCARE(M) SDN BHD
(Tempoh: April 2018 - Feb 2026)

ZON SELATAN (4194.202 km)

Johor, Melaka, Negeri Sembilan
SELIA SENGARA SELATAN SDN BHD
(Tempoh FRM: April 2018 - Feb 2026)
(Tempoh PBC: Sept 2022 - Feb 2026)

LABUAN (137.268 km)

WP Labuan
LINTASAN RESOURCES SDN BHD
(Tempoh: Ogos 2018 - Ogos 2028)

SABAH - PANTAI BARAT, PANTAI TIMUR (1501.840 km)

Kota Kinabalu, Tenom, Sipitang,
Beaufort, Keningau, Kota Belud,
Kudat, Sandakan, Telupid,
Lahad Datu, Kunak,
Beluran & Tawau
LINTASAN RESOURCES SDN BHD
(Tempoh: Ogos 2018 - Ogos 2028)

SARAWAK (1499.318 km)

Kuching, Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei,
Sibu, Bintulu, Miri, Limbang & Lawas
DAL - HCM SDN BHD
(Tempoh: Ogos 2018 - Ogos 2028)

2.3.3 RAWATAN BLACKSPOT LEBUH RAYA

Faktor utama yang menjadi punca kemalangan adalah disebabkan faktor manusia, kenderaan dan persekitaran. Lanjutan daripada analisis kemalangan tersebut telah memaparkan beberapa lokasi yang dikategorikan sebagai lokasi *blackspot* setelah mencatatkan mata pemberat melebihi 15 mata berdasarkan jenis kemalangan iaitu maut, parah dan ringan serta kerosakan kenderaan atau aset lebuhraya. Tindakan mitigasi tersebut dilaksanakan dalam usaha untuk memastikan tahap keselamatan di lebuhraya dapat ditingkatkan seterusnya mengurangkan risiko kemalangan serta kecederaan kepada pengguna lebuhraya.

Kaedah Penentuan Lokasi *Blackspot*:

1.	Data Kemalangan MHROADS: Berdasarkan analisis data tahunan
2.	Mata Pemberat: Nilai mata pemberat ditetapkan berdasarkan jenis kemalangan iaitu maut, parah, ringan serta kerosakan kenderaan atau aset lebuhraya
3.	Penentuan lokasi: Lokasi kemalangan yang melebihi 15 mata diklasifikasi sebagai lokasi <i>blackspot</i>

Berikut adalah 6 lokasi *blackspot* kritikal yang telah dikenal pasti dan dilaksanakan tindakan mitigasi pada tahun 2023.

Tindakan mitigasi dilaksanakan pada tahun 2020, 2021 dan 2022 di lokasi *blackspot* yang telah dikenal pasti berdasarkan analisis data kemalangan melalui *Malaysian Highway Road Accident Database System* (MHROADS). Berikut adalah analisis pencapaian tindakan mitigasi untuk 10 lokasi *blackspot* yang telah dikenal pasti bagi tahun berkenaan:

Analisis Pencapaian Tindakan Mitigasi di Lokasi *Blackspot* 2020

DATA KEMALANGAN 2019	Pelaksanaan Tindakan Mitigasi Pada Tahun 2020	ANALISIS PENCAPAIAN		
		2021	2022	2023
164 kes		44 kes	124 kes	50 kes

Analisis Pencapaian Tindakan Mitigasi di Lokasi *Blackspot* 2021

DATA KEMALANGAN 2019	Pelaksanaan Tindakan Mitigasi Pada Tahun 2021	ANALISIS PENCAPAIAN		
		2022	2023	2024
241 kes		83 kes	99 kes	Akan Dipantau

Analisis Pencapaian Tindakan Mitigasi di Lokasi *Blackspot* 2022

DATA KEMALANGAN 2019	Pelaksanaan Tindakan Mitigasi Pada Tahun 2022	ANALISIS PENCAPAIAN		
		2023	2024	2025
101 kes		34 kes	Akan Dipantau	



Seksyen Nyabau, WPC 10 - LPB Sarawak

Secara keseluruhannya, jumlah kemalangan didapati telah menurun melebihi 50% sepertimana sasaran yang ditetapkan setelah tindakan mitigasi dilaksanakan. Bagi tindakan mitigasi yang tidak mencapai sasaran penurunan 50% kadar kemalangan, data kemalangan bagi 10 lokasi *blackspot* tersebut akan disemak semula bagi mengenal pasti lokasi *blackspot* yang tidak memberi impak terhadap tindakan mitigasi yang telah dilaksanakan. Seterusnya cadangan penambahbaikan tindakan mitigasi sedia ada bagi lokasi *blackspot* tersebut akan dilaksanakan dan disenaraikan semula sebagai lokasi *blackspot* tahun berikutnya sehingga mencapai sasaran penurunan 50% data kemalangan.

Berikut adalah 6 lokasi *blackspot* kritikal yang telah dikenal pasti dan dilaksanakan tindakan mitigasi pada tahun 2023.

6 lokasi *blackspot* dan Tindakan Mitigasi bagi Tahun 2023

BIL	LOKASI	MITIGASI	TINDAKAN MITIGASI DI TAPAK
1.	Lebuhraya Utara Selatan, E1 Seksyen C1: KM 294.8 (arah Utara)	Pemasangan <i>Flashing Amber Light</i> di atas papan tanda kenderaan berat ikut kiri	
		Menggantikan Low Deflection System (LDS) yang rosak di bahagian tengah lebuhraya	
2.	Lebuhraya Utara Selatan, E2 Seksyen S3 : KM 134.7 (arah Selatan)	- Pemasangan <i>road stud</i> di bahagian gore. - Mengecat semula <i>hatching</i> di bahagian gore.	
		Pemasangan papan tanda amaran jalan kecil bercantum di sebelah kiri (WD 28b)	

BIL	LOKASI	MITIGASI	TINDAKAN MITIGASI DI TAPAK
3.	Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak, KM 71.4 (arah Timur)	Pembaikan turapan jalan (<i>microsurfacing</i>)	
4.	Lebuhraya Damansara Puchong, KM 0.5 (arah Utara)	- Memasang 2 papan tanda had kelajuan sebelum memasuki terowong - Memasang <i>Flashing Light</i> berwarna biru	
5.	Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS), Temiang A: KM 0.5 (arah Selatan)	Penambahan speed breaker pada selekoh (jenis- <i>rumble strip</i>)	
6.	Lebuhraya KL-Putrajaya (MEX), KM 24.8 (arah Selatan)	Memasang beberapa <i>flashing light</i> di atas papan tanda <i>chevron</i>	
		Memasang papan tanda amaran di sebelum kawasan selekoh	

BIL	LOKASI	MITIGASI	TINDAKAN MITIGASI DI TAPAK
		Memasang papan tanda had kelajuan yang bersaiz lebih besar	
		Memasang <i>anti-skidding rumble strips</i> di sebelum selekoh	




Lebuhraya Guthrie Corridor Expressway (GCE)

2.4 PENINGKATAN PENGGUNAAN INOVASI, TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN DALAM PROJEK KERAJAAN


2.4.1 INOVASI DAN TEKNOLOGI TERKINI

- 1. KKR dan Agensi sering meneroka kaedah penyelesaian inovatif dalam Penyampaian Projek, Pengurusan Aset dan Pengurusan Organisasi sama ada melalui program penyelidikan atau pembangunan produk/ sistem baharu atau penambahbaikan produk/ sistem sedia ada.
- 2. Tumpuan kepada penghasilan inovasi penyampaian perkhidmatan adalah perkara utama bagi penghasilan inovasi. Walaubagaimanapun, penghasilan inovasi sosial juga digalakkan.
- 3. Antara penghasilan inovasi yang digalakkan adalah inovasi yang dihasilkan memberi impak kepada Pelan Strategik JKR 2021-2025 dan selari dengan Revolusi Industri IR 4.0.
- 4. Penghasilan inovasi dan teknologi ini juga harus mematuhi Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 : Panduan Pembudayaan Dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif.



2.4.2 HARTA INTELEK (IP) DIDAFTRAR

- 1. Harta Intelek merujuk kepada ciptaan yang terhasil melalui pembangunan produk inovasi atau penyelidikan oleh KKR dan Agensi.
- 2. Pendaftaran Harta Intelek melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) meliputi paten, hakcipta, cap dagangan dan rekabentuk perindustrian yang diuruskan oleh pihak CREaTE, sebuah Agensi di bawah KKR.



Bilangan harta intelek (IP) yang didaftarkan bagi Tahun 2021

Bil	Harta Intelek (IP) yang didaftar
1.	CREaTE bagi kategori <i>Copyright</i> serta <i>Patent/ Utility Innovation / Industrial Design</i>
2.	CSFB – Aplikasi BCARS 1.0
3.	CDPK – Dokumen Pelan Strategik JKR 2021-2025

Bilangan harta intelek (IP) yang didaftarkan
Tahun 2022

Bil	Harta Intelek (IP) yang didaftar
1.	CSFJ (1) - Produk Inovasi BMS akan didaftarkan sebagai Harta Intelek (IP) atau produk inovasi
2.	CKE (1)- Pendaftaran harta intelek (IP) bagi projek <i>i-supervision</i> 2.0
3.	CREaTE (5)
	i. Digital Bills of Quantity (D-BOQ) – CKUB JKR (<i>Copyright</i>)
	ii. Sinergi Sign Board -JKR Daerah Tapah (<i>Copyright</i>)
	iii. RE Power EZ Plus - Unit Tentera JKR Kelantan(<i>Copyright</i>)
	iv. Sistem Pengurusan Peralatan - CKM JKR (<i>Copyright</i>)
	v.Smart Q Tools - JKR Padang terap (<i>Copyright</i>)
4.	CREaTE (4)
	i. eCSI (Elektronik Customer Satisfaction Index) – CKK (<i>Copyright</i>)
	ii. Maintenance Cable Protector - CKE, Kelantan (Paten)
	iii. Smart Barrier - CREaTE & JKR Kelantan (<i>Utility Innovation</i>)
	iv. Ez Lift - CKM (<i>Copyright</i>)
5.	JKR WP Putrajaya (2) Produk telah didaftarkan MYIPO iaitu Ir COMS & Gutter Tech
6.	JKR (D) MERSING: Spot Movement Detector
7.	JKR (D) JB: D' Stop n GO
8.	JKR (D) KULAI: Easy PnP Flexible Post
9.	JKR (D) KOTA TINGGI: EasyChevron
10.	JKR(D) KOTA TINGGI:TMP Kit

Bilangan harta intelek (IP) yang didaftarkan
Tahun 2023


Bil	Harta Intelek (IP) yang didaftar
1.	[CREaTE] Manual Rekabentuk Kejuruteraan Awam Bagi Projek Bangunan Rekabentuk Sistem Saliran BIOECODS - Kategori Hak Cipta
2.	[CREaTE] Bio-Ecological Drainage System (BIOECODS) Amalan Pengurusan Terbaik - Kategori Hak Cipta
3.	[CREaTE] Bio-Ecological Drainage System (BIOECODS) Specification - Kategori Hak Cipta
4.	[CKM] Semakan telah dibuat dan kedua-dua produk telah didaftar di bawah Kategori Hak Cipta di MyIPO, i) LY2023W01368 (e-Si3P) dan ii) LY2023W01367 (Lif EZ-LIFT)
5.	[CKUB] Permohonan lengkap kepada MyIPO telah dibuat dan telah diluluskan dengan kod rujukan : LY2023W03055 pada 18/7/2023 bagi pendaftaran hakmilik cipta JADUAL KADAR KERJA KEJURUTERAAN AWAM DAN BANGUNAN TAHUN 2023
6.	[CKM] e-FIRE (BRBA2)
7.	[CKE] Inovasi FACT No Pendaftaran LY2023J02715

2.4.3 HASIL PENYELIDIKAN WARGA JKR

Perkongsian kepakaran oleh penyelidik/*personnel* JKR dalam program mempromosi hasil penyelidikan/pelantikan sebagai rakan penyelidik/tenaga pengajar/penyelia bersama/ *peer review*/ ahli jawatankuasa teknikal oleh institusi dalam dan luar negara.

Bilangan pengiktirafan kepada warga JKR
di dalam bidang penyelidikan

Tahun	Sasaran tahunan (Disember)	Status pencapaian
2021	5	73
2022	5	32
2023	5	26
Sehingga Jun 2024	5	2



Lebuhraya Bertingkat
Damansara-Shah Alam (DASH)

2.4.4 Manual Penjana Perjalan Malaysia (MyTripGen) 2020 Dan Sistem Webportal

Manual Penjana Perjalan Malaysia 2020 (MyTripGen 2020) ialah Edisi Ke-5 merupakan kesinambungan Manual Penjana Perjalan Malaysia 2010 (MTGM 2010) disediakan 10 tahun yang lepas. Manual ini adalah rujukan kepada jururunding dan jurutera lalu lintas, jururancang pengangkutan, trafik, agensi-agensi teknikal kerajaan seperti JKR dan LLM, pihak berkuasa tempatan serta pihak IPT dalam membuat unjuran penjana trafik berdasarkan sesuatu cadangan pembangunan. Liputan kawasan kajian adalah termasuk Sabah dan Sarawak.

Manual MyTripGen



Manual ini membolehkan ramalan dibuat ke atas perjalanan yang dijana daripada pembangunan yang dicadangkan. Daripada ramalan perjalanan tersebut, pemaju menilai kesan daripada pembangunan yang dicadangkan dan kesan kepada rangkaian jalan sedia ada, seterusnya mencadangkan langkah-langkah mitigasi seperti persimpangan atau jalan dinaik taraf.




2.5 PENINGKATAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI HIJAU DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

2.5.1 PENGGUNAAN SUMBER TENAGA BOLEH BAHARU (TBB) DAN LAMPU KECEKAPAN TENAGA (LED) DALAM PROJEK JALAN KERAJAAN

Projek jalan yang mengambil kira pemakaian elemen tenaga boleh baharu (TBB) atau lampu kecekapan tenaga/light emitting diode (LED). Penilaian adalah berdasarkan bilangan projek yang siap rekabentuk pada tahun semasa.

Bilangan Penggunaan Sumber TBB dan LED dalam Projek Jalan Kerajaan

Tahun	Sasaran	Status Pencapaian
2021	4	4
2022	4	4
2023	4	10
Sehingga Jun 2024	5	40% dari nilai sasaran




2.5.2 MALAYSIA GREEN HIGHWAY INDEXS (MYGHI)

Pelaksanaan penarafan Indeks Lebuhraya Hijau Malaysia atau *Malaysia Green Highway Index* (MyGHI) oleh KKR dan Agensi adalah sebagai satu langkah yang menyokong Dasar dan Polisi Teknologi Hijau Negara selaras dengan Pelan Strategik ‘*Malaysian Sustainable Development 2013-2050*’. Memandangkan aktiviti pembangunan infrastruktur lebuhraya merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kadar intensiti karbon, pelaksanaan penarafan MyGHI ini juga adalah sebagai langkah proaktif dengan misi utama ke arah mewujudkan ‘*Sustainable Transportation*’.



Indeks Lebuhraya Hijau ini dibangunkan berdasarkan kepada 5 kategori utama dengan pecahan skor elemen seperti rajah berikut:



Faktor Skor Pecahan Elemen MyGHI

Penilaian ke atas setiap kriteria ini telah ditetapkan dalam Manual MyGHI. Jumlah bagi keseluruhan skor adalah sebanyak 310 mata bagi semua jalan/ lebuhraya yang beroperasi. Markah ini akan dikira secara kumulatif berdasarkan pelaksanaan dan pematuhan syarikat konsesi kepada elemen yang dinilai.



Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX)

Kategori Penarafan dan Markah Kumulatif MyGHI

KATEGORI PENARAFAN	MARKAH KUMULATIF
Certified	50-60% peratusan mata atau 155 – 187 mata
Silver	61-70% peratusan mata atau 188 – 218 mata
Gold	71-80% peratusan mata atau 219 – 249 mata
Platinum	81-100% peratusan mata atau 250– 310 mata

Penilaian semula bagi penarafan MyGHI akan dilaksanakan bagi setiap 5 tahun. Ia telah bermula pada tahun 2021 di mana lima lebuh raya telah dinilai semula dan tujuh lebuh raya bagi tahun 2022. Penilaian dibuat berdasarkan urutan sebagaimana kitaran pertama dan akan berakhir pada tahun 2025. Selama 5 tahun berdasarkan kepada kebolehlaksanaan syarikat konsesi daripada aspek peruntukan kewangan dan penilaian keberkesanan pencapaian elemen hijau terhadap penambahbaikan yang dibuat oleh syarikat konsesi.

Penilaian semula ini memberikan peluang kepada syarikat konsesi untuk mengadaptasikan kaedah baharu sejajar dengan elemen yang terdapat dalam manual MyGHI. Selain itu, syarikat berpeluang untuk menambahbaik tahap pencapaian inisiatif hijau bagi lebuh raya di bawah seliaan masing-masing. Berikut adalah merupakan keputusan penarafan mengikut tahun 2021 dan 2022:

Penarafan Lebuh Raya Tahun 2021

BIL	LEBUH RAYA	PENARAFAN
1.	Lebuhraya PLUS Utara (Seksyen N4)	Platinum
2.	Lebuhraya PLUS Tengah (Seksyen C4)	Platinum
3.	Lebuhraya PLUS Selatan (Seksyen S2)	Gold
4.	Lebuhraya AKLEH	Gold
5.	Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	Silver

Penarafan Lebuh Raya Tahun 2022

BIL	LEBUH RAYA	PENARAFAN
1.	Lebuhraya Kemuning Shah Alam (LKSA: E13)	Platinum
2.	Lebuhraya PLUS (Seksyen N5)	Platinum
3.	Lebuhraya PLUS (Seksyen S3)	Gold
4.	Lebuhraya PLUS Hubungan Tengah (ELITE: C6)	Gold
5.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX E 22)	Gold
6.	Lebuhraya Senai Desaru (SDE : E 22)	Silver
7.	Lebuhraya KL-Karak (KLK : E8)	Silver
8.	Lebuhraya Pantai Barat (WCE : E32)	Certified

2.5.3 STESEN PENGEKAS KENDERAAN ELEKTRIK (EVCS)

Sejajar dengan aspirasi Kerajaan MADANI menuju negara neutral karbon, KKR bersama-sama Agensi dan syarikat konsesi memainkan peranan yang aktif dalam membangunkan infrastruktur pengecas kenderaan elektrik yang komprehensif demi memberikan kemudahan dan pengalaman yang lebih baik bagi pengguna *electric vehicle* (EV).

LLM sebagai agensi di bawah KKR menjadi salah satu agensi yang terlibat dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan sebagai pemudah cara dalam pelaksanaan peraturan, proses kelulusan permit serta lesen berkaitan bagi pembangunan stesen pengecas kenderaan elektrik (EVCS), khususnya di sepanjang lebuhraya bertol.

Bagi tahun 2023, KKR dan Agensi telah menasaskan pembangunan 20 poin pengecas pantas dan pada hujung tahun 2023, 20 poin pengecas tersebut telah siap dibina serta telah beroperasi di lebuhraya. LLM telah mengguna pakai reka bentuk logo stesen pengecas kenderaan elektrik di papan tanda sedia ada di Lebuhraya Utara Selatan sejak 2019. Spesifikasi reka bentuk logo stesen pengecas kenderaan ini mengambil kira *International Standard* dan akan dimuatkan di dalam garis panduan LLM Expressway Signing System (T1/07) untuk diguna pakai dalam industri lebuhraya di negara ini.



Lebuhraya Rawang-Serendah
(Rawang Bypass)

PELANCARAN STESEN PENGECAS PANTAS KENDERAAN ELEKTRIK MODULAR MUDAH ALIH GENTARI DI LEBUHRAYA PLUS

Penyediaan infrastruktur serta kemudahan baharu ini mencerminkan kolektif pihak KKR, LLM, PLUS dan GENTARI dalam menyokong usaha untuk menjadikan negara yang lebih hijau dan lestari.

Selain daripada 20 poin pengecasan kekal, KKR melalui LLM juga telah meluluskan projekintis EVCS modular mudah alih yang dilengkapi dengan Sistem Simpanan Kuasa Bateri (BESS) serta penggunaan tenaga solar di 4 tapak Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) melibatkan 16 poin pengecas pantas tambahan. EVCS modular mudah alih dengan BESS yang dilancarkan pada 17 Oktober 2023 di Hentian Sebelah Behrang (Arah Utara), PLUS oleh pihak KKR telah mencatat sejarah sebagai sistem pengecas pantas modular yang pertama di Malaysia.



Menteri Kerja Raya Dato Sri Alexander Nanta Linggi meninjau Stesen Pengecas Pantas Kenderaan Elektrik di Lebuhraya PLUS

TERAS

3

Kapasiti, Keupayaan dan Daya Saing Industri Pembinaan



3.1 PENINGKATAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BINAAN

- 3.1.1 Latihan Kontraktor (Pengurusan Fasiliti)
- 3.1.2 Latihan Pembangunan Kontraktor
- 3.1.3 Program *Coaching* Kontraktor MSCORE/SCORE

3.2 PENINGKATAN KOMPETENSI TENAGA KERJA DAN PROFESIONAL DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

- 3.2.1 Pentauliahkan Penyeliaan dan Pengurusan
- 3.2.2 Latihan, Penilaian dan Pentauliahkan Kemahiran Personel Binaan Tempatan
- 3.2.3 Program Tajaan Latihan Untuk Pegawai SHO dan SSS
- 3.2.4 Latihan Profesional BIM
- 3.2.5 Program-Program Pembangunan Semua Profesion Yang Berdaftar
- 3.2.6 Program Pembangunan Profesional Juruukur Bahan

3.3 PENINGKATAN DAYA SAING INDUSTRI PEMBINAAN PADA PERINGKAT ANTARABANGSA

- 3.3.1 Pembangunan Profil Negara Melalui Kajian Sektor/Sub Sektor Pasaran Ekonomi Makro dan Statistik Sektor Pembinaan Negara
- 3.3.2 Penggiat Industri ke Peringkat Antarabangsa
- 3.3.3 Pembangunan Direktori Syarikat Pembinaan Malaysia

3.4 KAPASITI DATA RAYA DAN DAYA SAING SEKTOR PEMBINAAN DIPERKASA

- 3.4.1 Libat Urus Bersama Agensi Luar
- 3.4.2 Pengurusan Hub Data Raya dan Analitik Bersepadu

3.1 PENINGKATAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BINAAN

3.1.1 PROGRAM LATIHAN KONTRAKTOR PENGURUSAN FASILITI

Program Pengurusan Fasiliti (FM) oleh CIDB dapat meningkatkan kompetensi dan kualiti perkhidmatan pengurusan fasiliti dalam industri pembinaan di Malaysia merangkumi aspek penyelenggaraan, keselamatan serta keberkesanan operasi bangunan dan infrastruktur. Berdasarkan fungsi di bawah Akta 520, CIDB mewujudkan kategori pendaftaran kontraktor pengurusan fasiliti dan seterusnya mengadakan program pembangunan kemahiran dan kompetensi bagi kontraktor dan personel teknikal FM.


Dasar Pembinaan Negara a (*National Construction Policy* - NCP) 2030 yang diperkenalkan oleh KKR pada tahun 2021 telah menetapkan pelbagai langkah strategik untuk memajukan sektor pembinaan di Malaysia. Dalam konteks pengurusan fasiliti, NCP 2030 bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti, sektor pembinaan melalui penggunaan teknologi digital dan inovasi, peningkatan kualiti dan keselamatan dan pemeliharaan dan penyelenggaraan infrastruktur.

CIDB terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa Teknikal (*Technical Working Groups* - TWG) pelaksanaan NCP 2030 yang berkaitan dengan Pengurusan Fasiliti (FM) iaitu TWG 4 - Memperkukuh Penyelenggaraan Infrastruktur. Jawatankuasa ini berperanan memantau pelaksanaan 4 teras strategik iaitu:



Di bawah Teras Strategik 1, Teras 4 - Memperkukuh Penyelenggaraan Infrastruktur, Dasar Pembinaan Negara, telah digariskan keperluan untuk membangunkan Dasar Senggara Aset dan Infrastruktur Negara (DSAIN) yang diterajui oleh Bahagian Dasar dan Antarabangsa (BDA), Kementerian Kerja Raya.


CIDB juga telah membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Fasiliti CIDB atau *Facility Management Strategic Plan* CFMP) pada tahun 2023 yang menggariskan beberapa pelan tindakan yang boleh diselaraskan dengan pelan tindakan di bawah NCP dan juga pembangunan DSAIN.



Program Latihan Kontraktor Pengurusan Fasiliti

3.1.2 PROGRAM LATIHAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR

Program Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan (CCD) ialah sebuah program yang dibangunkan oleh CIDB bagi meningkatkan pengetahuan dan penglibatan kontraktor dalam aktiviti industri pembinaan. Kontraktor yang menghadiri kursus /program yang diluluskan dan didaftarkan di bawah program ini akan diberikan mata CCD. CCD ini merupakan salah satu syarat wajib dalam proses pembaharuan pendaftaran kontraktor.




Program Latihan Pembangunan Kontraktor

3.1.3 PROGRAM PENILAIAN KEUPAYAAN DAN KEMAMPUAN KONTRAKTOR (SCORE) DAN PROGRAM COACHING UNTUK PENILAIAN SCORE/ MCORE

Program SCORE merupakan program yang menyediakan medium untuk menilai keupayaan dan kemampuan sesebuah syarikat pembinaan melalui tujuh parameter penilaian. Kontraktor diwajibkan untuk menjawab penilaian SCORE ini sebagai sebahagian daripada proses penarafan yang diberikan iaitu dari satu bintang, yang menunjukkan asas pengurusan dan keupayaan teknikal hingga ke lima bintang, yang menunjukkan syarikat yang kukuh, cekap dalam pengurusan dan keupayaan teknikal, serta boleh dicontohi.

Di bawah Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya, dalam Teras Strategik 3, iaitu memperkasakan kapasiti, kebolehan dan daya saing industri pembinaan, program *coaching* SCORE / MCORE telah diangkat sebagai salah satu inisiatif yang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan kontraktor pembinaan.



Program Penilaian SCORE/MCORE

Untuk tahun 2024, CIDB akan meneruskan program ini dan peserta akan diberikan penekanan terhadap modul tambahan iaitu skop keupayaan kewangan. Peserta akan diberikan kefahaman seperti berikut:

- i. Memahami tujuan dan kepentingan perakaunan kewangan

ii. Memahami kaedah perakaunan diukur, direkod dan dilaporkan

iii. Memahami tujuan dan klasifikasi akaun

iv. Memahami proses dan garis panduan dalam menyediakan set akaun penuh


Program ini akan dijalankan di seluruh Malaysia dengan menyasarkan penyertaan kontraktor gred G2-G4 sebanyak 950 syarikat.

3.2 PENINGKATAN KOMPETENSI TENAGA KERJA DAN PROFESIONAL DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

3.2.1 PROGRAM PENTAULIAHAN PENYELIAAN DAN PENGURUSAN

Program Pentaualihan Penyeliaan dan Pengurusan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan prosedur kerja yang lebih efektif dalam kalangan personel binaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kerja penyeliaan dan pengurusan berkaitan bidang pembinaan, selaras dengan kemajuan teknologi, ekonomi dan sosial, agar dapat bersaing di peringkat global.


Peserta yang lulus akan diperakukan melalui Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) Tahap 4 - 6 mengikut bidang pentaualihan yang dijalani.



Program Pentaualihan Penyeliaan & Pengurusan

3.2.2 LATIHAN, PENILAIAN DAN PENTAULIAHAN KEMAHIRAN PERSONEL BINAAN TEMPATAN

Sebagai sebuah badan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk membangunkan industri pembinaan negara dan selaras dengan peruntukan dalam Akta 520, CIDB telah menganjurkan Program Latihan Kompetensi. Program ini bertujuan untuk melahirkan pekerja-pekerja binaan yang kompeten untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan. Antara program latihan yang ditawarkan adalah seperti Program Latihan Kompetensi Kemahiran Belia dan Program Latihan Kompetensi Kemahiran Personel Binaan.



Latihan, Penilaian dan Pentaualihan Kemahiran Personel Binaan Tempatan


Pencapaian Pelatih Belia CIDB di Peringkat Asia Tenggara 2023

Pertandingan *Worldskills Asean Singapore 2023* telah diadakan buat julung kalinya di Singapura dari 22 hingga 27 Julai 2023 bertempat di Suntec Singapore Convention & Exhibition Centre. Ia merupakan pertandingan kali ke-13 yang dianjurkan. Sebanyak 25 Peserta Negara dari pelbagai negara bertanding dalam 16 bidang kemahiran. Di bawah kategori pembinaan, peserta Negara diwakili oleh empat orang peserta, termasuk seorang peserta dari Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara yang bertanding dalam bidang *Refrigeration & Air Conditioning (RAC)* dan telah dianugerahkan pingat Gangsa.

Secara keseluruhannya, Malaysia berjaya memenangi dua Pingat Emas, tiga Pingat Perak, lima Pingat Gangsa dan empat *Medallion of Excellence*.

3.2.3 PROGRAM LATIHAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (SAFETY HEALTH OFFICER -SHO) DAN PEGAWAI KESELAMATAN TAPAK (SITE SAFETY SUPERVISOR - SSS)

CIDB melaksanakan Program Latihan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, iaitu *Safety Health Officer* (SHO) dan Pegawai Keselamatan Tapak, iaitu *Site Safety Supervisor* (SSS), bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada pengetahuan dan kemahiran personel binaan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pembinaan.



Pencapaian Pelatih Belia CIDB di Peringkat Asia 2023

Pertandingan *Worldskills Asia* (WSA) Abu Dhabi 2023 telah berlangsung dari 25 November hingga 1 Disember 2023 di Abu Dhabi National Exhibition Centre (ADNEC), Abu Dhabi, United Arab Emirates (UAE). Malaysia telah diwakili oleh tujuh orang peserta dalam pelbagai bidang kemahiran. Seorang pelatih dari Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara telah terpilih untuk menyertai pertandingan tersebut dalam bidang *Refrigeration & Air Conditioning* (RAC). Beliau merupakan wakil tunggal Malaysia bagi kategori pembinaan dan telah memenangi *Medallion of Excellence*.

Secara keseluruhannya WSA Abu Dhabi 2023, Malaysia telah membawa pulang satu Pingat Emas, satu Pingat Perak, satu Pingat Gangsa dan satu *Medallion of Excellence*.

3.2.4 LATIHAN PROFESIONAL BIM

Peralihan ke arah Revolusi Perindustrian Keempat IR4.0 memerlukan industri pembinaan menjalani perubahan proses yang radikal dengan menggunakan teknologi digital. Pembinaan 4.0 telah mengenal pasti 12 teknologi utama, atau dikenali sebagai *disruptive technologies* yang akan mengubah landskap industri pembinaan pada masa hadapan. Justeru, CIDB telah melaksanakan program pembangunan kapasiti dalam mempersiapkan tenaga kerja pembinaan ke arah Pembinaan 4.0, termasuk melatih profesional dalam Pemodelan Maklumat Bangunan (*Building Information Modeling – BIM*).



3.2.5 PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN SEMUA PROFESION YANG BERDAFTAR

PLATFORM KERJASAMA INDUSTRI MENINGKATKAN MOBILITI JURUTERA PROFESIONAL

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (LJM)

LJM adalah salah satu badan berkanun di bawah KKR yang ditubuhkan mengikut Undang-Undang Malaysia, Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Akta 138).

Kategori Pendaftaran di Bawah LJM Sehingga Tahun 2023

Kategori	Jumlah
Accredited Checker (AC)	42
Asean Chartered Professional Engineer (ACPE)	2,725
Engineering Technologies (ET)	14,561
Graduate Engineer (GE)	18,8820
Inspector of Work (IOW)	8,436
Inspector of Work (Intern) (IOWi)	886
Professional Engineer (PE)	23,086
Professional Engineer with Practising Certificate (PEPC)	1,0742
Registered Foreign Professional Engineer (RFPE)	9
Jumlah keseluruhan	249,307

Kategori Badan Perunding Kejuruteraan Berdaftar di Bawah LJM sehingga Tahun 2023

Kategori	Jumlah
Body Corporate (Badan Korporat)	1,783
Multi Disciplinary (Badan Pelbagai Disiplin)	75
Partnership (Badan Perkongsian)	362
Sole Proprietor (Badan Pemilik Tunggal)	1,887
Jumlah keseluruhan	4,107

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA (LAM)

LAM adalah salah satu badan berkanun di bawah KKR yang bertanggungjawab bagi penguatkuasaan Akta Arkitek 1967.

Program-Program LAM 2021 – 2023

TARIKH	PROGRAM
15 Februari 2021	Webinar “Envisioning Architecture education for Malaysia”
10 April 2021	Varsity Dialogue LAM & MIID 3.0
10 April 2021	Majlis Pentauliahahan Arkitek 2023
26 – 27 Oktober 2021	1 st International Architectural Education Exhibition & Conference (IAEEC)
Oktober 2021 – 31 Mei 2022	Projek Khas LAM dan CREAM-CIDB: Kajian Baseline Terhadap Tahap Penggunaan Teknologi dalam Amalan Arkitek dan Perekabentuk Dalaman Profesional ke Arah Peningkatan Tahap Produktiviti.
30 Mei 2022	Seminar Wacana Profesional: Tinjauan Terhadap Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2021
16 Disember 2022	Bengkel Garis Panduan Mata Kredit CPD Baru bagi Ahli-Ahli Berdaftar dengan LAM
4 Oktober 2023	Pelancaran Sambutan 50 Tahun LAM dan Majlis Anugerah Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
17 Julai 2023	Pertandingan IDEA Rekabentuk Seni bina Identiti Malaysia
6 Oktober 2023	Dialog Seni Bina Malaysia
6 Oktober 2023	Majlis Pentauliahahan Arkitek 2023
7 Oktober 2023	Taklimat Pendaftaran Ahli-Ahli Baru Lembaga Arkitek Malaysia
7 Oktober 2023	CPD Talk – Current General Circular

1. PERTANDINGAN IDEA REKABENTUK SENI BINA IDENTITI MALAYSIA

- Pertandingan IDEA Rekabentuk Seni Bina Identiti Malaysia diadakan pada tahun 2023 bertujuan untuk mengetengahkan identiti seni bina Malaysia kepada generasi masa depan. Pertandingan ini bertujuan memastikan warisan budaya dan nilai-nilai unik Malaysia terus hidup dan diwarisi oleh generasi akan datang.
- Pertandingan tersebut terbahagi kepada 4 kategori, iaitu:



- Hasil-hasil penyertaan yang diterima, antaranya adalah seperti berikut:
- i. Projek Jalin (AC_004) dalam kategori seni bina yang menekankan kepentingan kemasyarakatan dan kesatuan dalam Masyarakat dan budaya di Malaysia.



ii. Projek *Seamless Connection – Artisanal Park* (SAC_004) merupakan pemenang kategori mahasiswa seni bina. Panel juri berpendapat projek ini mencerminkan identiti Malaysia.



iii. Projek *Rattan Haven* (IDC_006) dinobatkan sebagai pemenang tempat pertama dalam kategori rekabentuk dalaman kerana meraikan keunikan artisan tempatan dan mempamerkan penggunaan rotan secara inovatif.



iv. Bagi penyertaan kategori mahasiswa Rekabentuk Dalaman, 2 peserta telah dianugerahkan hadiah kepujian, salah satunya adalah projek PADI (SIDC_002) daripada City University.



2. MAJLIS PENTAULIAHAN ARKITEK 2023

- Sebanyak 245 orang Arkitek yang berdaftar dengan LAM telah menerima Siji Pendaftaran masing-masing di Majlis Pentauliahan Arkitek 2023 yang diadakan pada 6 Oktober 2023. Semua penerima telah lulus Peperiksaan Profesional Bahagian III, LAM sebelum layak berdaftar sebagai Arkitek di bawah Seksyen 10(2) Akta Arkitek 1967. Berikut adalah bilangan calon yang menduduki Peperiksaan Profesional Bahagian III, LAM:

Sesi Peperiksaan di bawah LAM				
TAHUN	SESI PEPERIKSAAN	LULUS	GAGAL	JUMLAH CALON
2021	COVID-19			
2022	Peperiksaan bertulis (26 Mar 2022)	85 (25%)	255 (75%)	340
	Peperiksaan bertulis (22 Oktober 2022)	163 (43.7%)	210 (56.3%)	418
2023	Peperiksaan bertulis (25 Mar 2023)	51 (28%)	128 (72%)	185
	Peperiksaan bertulis (30 September 2023)	55 (21%)	205 (79%)	275

Bagi membantu calon Peperiksaan Profesional Bahagian III untuk mencapai kadar kelulusan yang lebih tinggi, menggalakkan pendaftaran ahli baharu, dan menyokong pembangunan industri seni bina negara, Lembaga Arkitek Malaysia telah menganjurkan pelbagai program sepanjang tahun. Antaranya ialah Dialog Senibina Malaysia, yang menampilkan sesi perkongsian inspirasi daripada tiga tokoh terkemuka dalam industri seni bina negara, iaitu YBhg. Tan Sri Dato’ Sri Ar. Esa Mohamed, YBhg. Dato’ Ar. Hajeedar Abdul Majid, dan YBrs. Ar. Hijjas Kasturi. Ketiga-tiga tokoh jugak adalah Penerima Pingat Presiden LAM masing-masing bagi tahun 2015, 2017 dan 2023.

Selain itu, Taklimat Pendaftaran Ahli-Ahli Baharu Lembaga Arkitek Malaysia 2023 turut diadakan bagi memberikan pendedahan tentang cara untuk kekal relevan dalam industri serta selaras dengan keperluan semasa industri. Inisiatif ini bukan sahaja menyokong perkembangan profesional arkitek, malah turut menyumbang kepada pembangunan industri seni bina secara menyeluruh.



Ahli-Ahli panel dan moderator
(Ar. Sarly Adre Sarkum)



Barisan ahli-ahli panel (dari kiri):
YBhg. Tan Sri Dato’ Sri Ar. Esa Mohamed, YBhg.
Dato’ Ar. Hajeedar Abdul Majid dan YBrs. Ar.
Hijas Kasturi



Sesi penyampaian sijil kepada semua peserta



Prof Madya (I) Ar. Zuraina Leily Awalludin
(kanan) dan Ar. Jasmeet Singh Pal Sidhu (kiri)
sebagai panel pembentang

3.2.6 PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL JURUUKUR BAHAN

LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA (LJBM)

LJBM adalah salah satu badan berkanun di bawah KKR. Badan berkanun ini ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Juruukur Bahan 1967.

Pendaftaran Ahli Juruukur Bahan Tahun 2021

Pendaftaran Baharu Tahun 2021		Pemasukan Semula Pendaftaran Tahun 2021	
Individu	Firma	Individu	Firma
1,148	21	71	0

Lulus Pembaharuan Pendaftaran Tahun 2021		Jumlah Aktif Individu Dan Firma	
Individu	Firma	Individu	Firma
4,048	367	5,267	388

Pendaftaran Ahli Juruukur Bahan Tahun 2022

Pendaftaran Baharu Tahun 2022		Pemasukan Semula Pendaftaran Tahun 2022	
Individu	Firma	Individu	Firma
1,158	24	66	0

Lulus Pembaharuan Pendaftaran Tahun 2021		Jumlah Aktif Individu Dan Firma	
Individu	Firma	Individu	Firma
4,515	377	5,653	407

Pendaftaran Ahli Juruukur Bahan Tahun 2023

Pendaftaran Baharu Tahun 2022		Pemasukan Semula Pendaftaran Tahun 2022	
Individu	Firma	Individu	Firma
1,100	23	126	4

Lulus Pembaharuan Pendaftaran Tahun 2021		Jumlah Aktif Individu Dan Firma	
Individu	Firma	Individu	Firma
4,159	382	5,385	409



BILANGAN PELAJAR UNIVERSITI TEMPATAN YANG TELAH MELAKUKAN PENDAFTARAN BERKELOMPOK LJBM

LJBM juga menawarkan pendaftaran secara berkelompok kepada pelajar universiti tahun akhir bagi menggalakkan penyertaan anak-anak muda dalam bidang profesion Juruukur Bahan secara Profesional. Berikut merupakan jumlah pendaftaran secara berkelompok daripada pelajar universiti dari tahun 2021 sehingga tahun 2023:

Pendaftaran berkelompok bagi tahun 2021		
Bil.	Agensi	Jumlah Pendaftaran
1	UITM Shah Alam	194
2	UITM Seri Iskandar	18
3	UITM Kota Samarahan	48
4	UTM	33
5	UTM Johor Bahru	20
6	UTM Kuala Lumpur	11
7	UM	49
8	UniTAR	101
9	TARC	233
10	INTI	6
11	UTS	23
12	USM	43

Pendaftaran berkelompok bagi tahun 2022		
Bil.	Agensi	Jumlah Pendaftaran
1	UITM Shah Alam	134
2	UITM Seri Iskandar	42
3	UITM Kota Samarahan	46
4	UTM Johor Bahru	3
5	UTM Kota Kinabalu	10
6	UTM Kuching	41
7	UM	37
8	UniTAR	40
9	TARC	118
10	UTS	26
11	USM	15

Pendaftaran berkelompok bagi tahun 2023

Bil.	Agensi	Jumlah Pendaftaran
1	UITM Shah Alam	212
2	UITM Kota Samarahan	2
3	UTM Johor Bahru	40
4	UTM Kuala Lumpur	27
5	UM	38
6	UniTAR	10
7	TAR UMT	68
8	USM	14

3.3 PENINGKATAN DAYA SAING INDUSTRI PEMBINAAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

3.3.1 PEMBANGUNAN PROFIL NEGARA MELALUI KAJIAN SEKTOR / SUBSEKTOR PASARAN / EKONOMI MAKRO DAN STATISTIK SEKTOR PEMBINAAN NEGARA

Profil negara diterbitkan bertujuan mengenal pasti daya tarikan, prospek perniagaan dan meneroka peluang pelaksanaan kerja pembinaan di negara yang berpotensi. Laporan ini boleh dijadikan panduan sebelum memulakan sebarang usaha penerokaan ke negara berkenaan.

Penerbitan Profil Negara

TAHUN	PENCAPAIAN
2021	Penerbitan dua profil negara (Thailand dan Vietnam)
2022	Penerbitan dua profil negara (Qatar dan UAE)



3.3.2 PROGRAM PENGGIAT INDUSTRI KE PERINGKAT ANTARABANGSA

Usaha promosi keupayaan syarikat berkaitan pembinaan di Malaysia telah aktif dan dipergiatkan dengan pelaksanaan beberapa aktiviti pengantarabangsaan bagi meningkatkan daya saing industri pembinaan di peringkat global.

Program Peringkat Antarabangsa	
TAHUN	PENCAPAIAN
2021	i. Sesi Libat Urus bersama industri berkenaan projek seperti berikut:
	• Mesir pada Januari.
	• Turkiye pada Mac.
	• Arab Saudi & UAE pada Mei.
	• Chile pada Jun.
	• Bangladesh pada Julai.
	• India pada Ogos.
	ii. Sesi Libat Urus bersama industri berkenaan Export Acceleration Mission (EAM) to Jeddah & Riyadh, Arab Saudi pada bulan Ogos.
	iii. Program Webinar: Global Project Opportunities telah diadakan pada 11 November 2021 sempena ICW2021. Pembentang terdiri daripada MATRADE, Kedutaan Filipina dan Veritas Design Group sebanyak 405 peserta.
	iv. Sebanyak 217 Business Matching telah berlangsung sepanjang ICW2021.
2022	i. Perbincangan kolaborasi program eksport pembinaan diadakan bersama MATRADE pada 12 Jan 2022 dan MBAM pada 13 Jan 2022.
	ii. Sesi Libat Urus bersama industri tentang peluang projek di Arab Saudi, UAE dan Turkiye.
	iii. Mengemukakan maklumat peluang projek kepada industri di negara Australia, Qatar, USA, Itali, Brunei, Jordan, Azerbaijan, Oman dan Mesir.
	iv. Lawatan rasmi YB Timbalan Menteri KKR ke UAE dan Qatar pada 28 - 31 Mac 2022 bersempena dengan acara Ekspo Dubai.
	v. Lawatan kerja YB Timbalan Menteri KKR ke United Kingdom pada 19 - 26 Jun 2022.
	vi. Pameran Antarabangsa Construction Indonesia 2022 (CI 2022) pada 14-17 September 2022.
	vii. Business Networking-Indonesia Construction Market Outlook 2022 (ICMO) pada 15 September 2022.
2023	i. Misi Pembinaan ke United Kingdom dan Sepanyol bersempena dengan persidangan Peace City World di Salamanca Sepanyol pada 20 - 28 Januari 2023.
	ii. Lawatan Teknikal ke Ibu Pejabat CYPE di Alicante dan Madrid, Sepanyol pada 3 - 10 Jun 2023.
	iii. Pameran Construction Indonesia 2023 pada 13 - 16 September 2023.
	iv. Business Networking Malaysia-Indonesia pada 14 September 2023.
	v. Networking Opportunity Session bersama Republic of Zimbabwe pada 15 November 2023.
	vi. Networking Opportunity Session bersama Republic of Zambia pada 16 November 2023.

3.3.3 PEMBANGUNAN DIREKTORI SYARIKAT PEMBINAAN MALAYSIA

Penerbitan *Directory of Malaysian Construction Related Exporters, Good and Services* memaparkan maklumat syarikat pembekal perkhidmatan berkaitan pembinaan Malaysia yang *export ready* terdiri daripada pemaju, kontraktor, konsultan, profesional dan pembekal bahan binaan.

Direkori peringkat Antarabangsa	
TAHUN	PENCAPAIAN
2021	Penerbitan satu direktori syarikat pembinaan Malaysia yang beroperasi di luar negara
2022	Penerbitan satu direktori syarikat pembinaan Malaysia yang beroperasi di luar negara



3.4 KAPASITI DATA RAYA DAN DAYA SAING SEKTOR PEMBINAAN DIPERKASA

3.4.1 LIBAT URUS BERSAMA AGENSI LUAR

MAJLIS MENANDATANGANI GARIS PANDUAN PERKONGSIAN DATA KEMENTERIAN KE SISTEM MALAYSIA *URBAN OBSERVATORY* (MUO) MILIK JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMALAYSIA)

Objektif utama Majlis Menandatangani Garis Panduan Perkongsian Data Kementerian Kerja Raya Ke Sistem Malaysia *Urban Observatory* (MUO) Milik Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia) adalah untuk mengukuhkan perkongsian data KKR dan Agensinya bagi memastikan kesahihan data berintegriti. Perkongsian data KKR dan Agensinya melalui Sistem MUO melibatkan peranan pelbagai pihak dalaman KKR dan Agensinya yang terdiri daripada pemilik, pembekal, pentadbir, dan pengurus data.

Majlis Menandatangani Garis Panduan Perkongsian Data Kementerian Kerja Raya Ke Sistem Malaysia *Urban Observatory* (MUO) Milik Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia) telah berlangsung pada 16 April 2024 yang melibatkan penandatanganan dan saksi bagi kedua-dua pihak KKR dan KPKT. Di peringkat KKR, Setiausaha Bahagian Dasar dan Antarabangsa KKR adalah penandatanganan dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) selaku saksi. Manakala, di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan PLANMalaysia, penandatanganan adalah Ketua Pengarah PLANMalaysia dan disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Mampuan.

Majlis turut dihadiri oleh pemilik data dari Kementerian Kerja Raya dan Agensinya serta pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan PLANMalaysia.



Sesi Menandatangani Garis Panduan Perkongsian Data Penukaran dokumen rasmi antara KKR – PLANMalaysia



3.4.2 PENGURUSAN HUB DATA RAYA DAN ANALITIK BERSEPADU

MAJLIS PRA-PELANCARAN SISTEM *CENTRALISED REGULATIONS REPOSITORY (CRR)* DAN *NATIONAL CONSTRUCTION INFORMATION AND ANALYTIC PLATFORM CENTRE (NCIP)*

National Construction Information and Analytic Platform Centre (NCIP) merupakan hub data raya dan analitik bersepadu Kementerian Kerja Raya dan Agensinya. NCIP dibangunkan bertujuan untuk memastikan pengurusan data raya, pentadbiran perundangan serta peraturan sektor pembinaan yang lebih holistik, komprehensif, tepat, sah, dan berintegriti. NCIP merangkumi dua komponen utama iaitu Analitik data raya sektor pembinaan (NCCDR) dan Analitik dokumen perundangan dan peraturan (CRR). Pembangunan sistem NCCDR menetapkan data dibawah modul-modul berikut seperti Jalan Raya Persekutuan, Lebuhraya Bertol, Bangunan Gunasama Persekutuan, Projek Pembangunan, Industri Pmbinaan, Pengurusan dan Pentadbiran, dan ITS. Manakala *Centralised Regulations Repository* (CRR) KKR merupakan platform bersepadu di peringkat Kementerian bagi dokumen rasmi perundangan dan peraturan terbitan KKR dan Agensinya yang telah dimulakan sejak tahun 2020. Inisiatif CRR KKR ini bertujuan untuk mengukuh, mengawal selia dan memantau dokumen-dokumen rasmi KKR dan Agensinya agar menjadi sumber rujukan dan panduan yang tepat, cekap, terperinci dan relevan. Sehingga 30 Jun 2024, sejumlah 740 buah dokumen telah dimuat naik ke dalam sistem CRR KKR oleh ahli pasukan petugas CRR Bahagian/ Jabatan/ Agensi KKR yang telah dilantik.

YB Menteri Kerja Raya, Dato Sri Alexander Nanta Linggi telah merasmikan Pusat NCIP dan melancarkan sistem CRR KKR pada 28 Mei 2024. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Timbalan Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Dasar dan Pembangunan), YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, Ketua Eksekutif CIDB, YBhg. Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Sazali bin Harun dan Setiausaha Bahagian (Dasar dan Antarabangsa), Puan Hamdiah binti Ismail.



Sesi Menandatangani Plak NCIP oleh YB Menteri Kerja Raya



Lawatan fizikal di Bilik NCIP

TERAS

4

Tadbir Urus Organisasi Kearah Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan



4.1 PENINGKATAN KECEKAPAN PENGURUSAN, KOMPETENSI MODAL INSAN DAN PROFESIONALISME

- 4.1.1 Pelan Strategik Organisasi KKR Tahun 2021 - 2025 (PSO KKR 2021-2025)
- 4.1.2 Senarai Inisiatif Peningkatan Kecekapan Pengurusan, Kompetensi Modal Insan dan Profesionalisme
- 4.1.3 Program Peringkat Kebangsaan KKR 2021-2023
- 4.1.4 Pengukuran Pencapaian Prestasi KKR
- 4.1.5 Pembangunan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia
- 4.1.6 Pendigitalan Pengurusan Sumber Manusia KKR
- 4.1.7 Pembangunan Potensi Sumber Manusia KKR
- 4.1.8 Bilangan Personel Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR Tahap 4
- 4.1.9 Pemantauan Pelaksanaan Inisiatif Pelan Antirasuah Organisasi KKR

4.2 PEMANTAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI TEKNOLOGI

- 4.2.1 Pendigitalan Perkhidmatan Menerusi Pelan Strategik Pendigitalan KKR
- 4.2.2 Road Traffic Volume Malaysia (RTVM)

4.3 PEMANTAPAN PENGURUSAN AKAUN, AUDIT, KEWANGAN DAN PEROLEHAN

- 4.3.1 Penyelesaian Isu dari Laporan Ketua Audit Negara 2021-2023
- 4.3.2 Pencapaian Rancangan Audit Tahunan
- 4.3.3 Pemantauan Isu Audit Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)
- 4.3.4 Kursus Strategik Dalam Pengurusan Perakaunan
- 4.3.5 Kursus Strategik Pengurusan Kewangan

4.4 PENINGKATAN IMEJ KORPORAT DAN JARINGAN KOMUNIKASI STRATEGIK

- 4.4.1 Perkhidmatan Berfokuskan Pelanggan
- 4.4.2 Program KKR dan Agensi
- 4.4.3 Pengiktirafan KKR

4.1 PENINGKATAN KECEKAPAN PENGURUSAN, KOMPETENSI MODAL INSAN DAN PROFESIONALISME

4.1.1 PELAN STRATEGIK ORGANISASI KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2021-2025 (PSO KKR 2021-2025)

Pelan Strategik Organisasi KKR 2021-2025 (PSO KKR 2021-2025) adalah komitmen KKR dan Agensi dalam memacu aspirasi kerajaan bagi memenuhi kehendak rakyat. Kejayaan pelan strategik ini akan memberi impak yang positif kepada rakyat untuk menikmati infra yang lebih berkualiti dan selamat.




Teras 1 : Memperkukuh Pembangunan Infrastruktur dan Keterangkuman Wilayah



Teras 2 : Memperluas Penggunaan Teknologi Digital dalam Pembangunan dan Penyenggaraan Infrastruktur



Teras 3 : Memperkasakan Kapasiti dan Kebolehan Daya Saing Industri Pembinaan



Teras 4 : Memantapkan Tadbir Urus Organisasi untuk Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

4 Teras Strategik PSO KKR 2021-2025

4.1.2 SENARAI INISIATIF PENINGKATAN KECEKAPAN PENGURUSAN, KOMPETENSI MODAL INSAN DAN PROFESIONALISME

Inisiatif di bawah PSO KKR 2021 -2025

BIL	INSIATIF	BUTIRAN
1.	Bengkel Kajian Separuh Penggal PSO KKR 2021- 2025	Bertujuan memantau dan mengukur prestasi Pelan Tindakan PSO serta membuat penambahbaikan berterusan agar pelaksanaan PSO sentiasa relevan.
2.	Sistem MyPSO	Bertujuan untuk menggantikan penggunaan sistem MyPrestasi oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri serta membantu dalam pengurusan dan pemantauan Pelan Strategik yang lebih berkesan dan sistematik.
3.	Pelan Pengurusan Risiko (PPR) KKR	Dibangunkan sebagai kesinambungan kepada pelancaran PSO KKR 2021-2025. PPR KKR 2021 -2025 ini membentangkan daftar risiko dikemas kini, potensi risiko yang ada dan yang dijangka serta mengawal sebarang kebarangkalian berlakunya risiko yang menjejaskan penyampaian perkhidmatan.
4.	Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Krisis dan Bencana	Merupakan dokumen penting yang diperlukan oleh Kementerian/ Agensi sebagai rujukan apabila berlaku bencana sama ada di peringkat daerah, negeri atau negara. Ia akan dikemas kini setahun sekali.
5.	Pelan Kesinambungan Perkhidmatan	Merujuk kepada pelan pengurusan kesinambungan perkhidmatan KKR, meliputi segala sumber, proses, peranan dan tanggungjawab semua pihak terlibat yang diperlukan sebelum, semasa dan selepas sesuatu gangguan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan. Ia mengandungi garis panduan bagi meminimumkan kesan daripada gangguan yang tidak dijangka atau kecemasan. Pengemaskinian pelan ini dilaksanakan setahun sekali.
6.	Buku Panduan Bidang Kuasa Menteri dan Pegawai Pengawal	Bertujuan untuk memberikan panduan kepada warga KKR dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab seharian di pejabat. Ia juga menerangkan tentang penubuhan dan kewujudan KKR serta fungsi, tugas dan tanggungjawab Menteri, Ketua Setiausaha serta Ketua-Ketua Agensi di bawah KKR. Buku ini boleh dilayari di laman portal rasmi KKR.
7.	Kursus Penyediaan Kertas Jemaah Menteri	Dijalankan pada setiap tahun kepada pegawai gred 41 hingga 48 KKR dan agensi di bawahnya. Melalui pelaksanaan kursus ini, para peserta telah didedahkan dengan kefahaman mengenai penyediaan Kertas Jemaah Menteri, penggunaan gaya dan laras bahasa yang bersesuaian bagi penulisan rasmi dan pengurusan dokumen terperingkat bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan awam di tempat kerja.

4.1.3 PROGRAM PERINGKAT KEBANGSAAN KKR 2021 – 2023

1. ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA

KKR dan Agensi berjaya melaksanakan 100% empat inisiatif yang digariskan sejajar dengan Program Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) 100 Hari Pertama Ahli Jemaah Menteri selepas pembentukan Kabinet pada 27 Ogos 2021.

Inisiatif di bawah AKM			
ASPIRASI	PROGRAM / INISIATIF	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Mempercepatkan Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat yang terpilih	120 SST dikeluarkan dalam tempoh 100 hari	130 SST dikeluarkan
2	Memperkenal dan mendapatkan kelulusan JDKKR bagi Peraturan Baru dan Menguatkuasakan Standard Industri Pembinaan (CIS) serta Garis Panduan bagi Prosedur Kerja Selamat Untuk Kerja – Kerja Pembinaan	100%	100%
3	Menjalankan kerja penyenggaraan menampal lubang (<i>potholes patching</i>) di Jalan Persekutuan dalam tempoh 24 jam aduan diterima	100% aduan diselesaikan dalam tempoh 24 jam	100%
4	Menambah baik jaringan lebuh raya antara bandar (<i>inter-urban</i>)	Satu perjanjian konsesi lebuh raya baharu dimuktamadkan/ ditandatangani	KKR memuktamadkan perjanjian satu lebuh raya baharu projek penswastaan Petaling Jaya <i>Dispersal Elevated Highway</i> (PJD Link) yang memberikan manfaat secara langsung serta merangsang pertumbuhan ekonomi di Kawasan seperti PJ Sentral, Zon Industri Seksyen 51, Taman Medan dan Taman Teknologi Bukit Jalil
	Menstrukturkan semula perjanjian konsesi lebuh raya bertol terpilih	Mendapatkan kelulusan prinsip Kerajaan bagi mengadakan rundingan bersama syarikat konsesi untuk penetapan kadar tol baharu yang lebih rendah berbanding kadar tol sedia ada	KKR mendapat kelulusan prinsip kerajaan mengadakan rundingan bersama syarikat konsesi lebuh raya utama bagi tujuan penetapan kadar tol baharu yang lebih rendah

2. JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (JAKM)



Sumbangan ketika JAKM Sarawak

Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) di Sarawak telah berlangsung pada 5 hingga 7 Ogos 2022 dan telah berjaya mendapat jumlah pengunjung tertinggi (98,187 orang) sepanjang penganjuran AKM (selepas enam negeri sebelumnya). Penganjuran jelajah ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk menyumbang kepada rakyat melalui penganjuran program yang berfokuskan kepada kemudahan perkhidmatan secara langsung dan memelihara kesejahteraan dan kepentingan Keluarga Malaysia.

3. SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI



Menteri Kerja Raya dan pengurusan tertinggi menyaksikan penerangan berkaitan inisiatif ‘Glow In the Dark’



Model replika Projek Sekolah Daif



Model Replika Acrow Modular Steel Bridge yang merupakan sejenis jambatan mudah alih yang menggunakan konsep pasang siap, diperbuat daripada keluli siap dibina dan boleh menerima beban yang tinggi seperti mana jambatan konvensional bagi kegunaan laluan pelbagai kenderaan; dan



Model Replika Jalan Glow in the Dark Pertama di Malaysia.

Bahan Pameran Setahun Bersama Kerajaan Madani

Jerayawara Pencapaian KKR Tahun 2023 telah diadakan sempena Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI pada 8 hingga 10 Disember 2023 di Kompleks Sukan Bukit Jalil turut melibatkan Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Reruai Kementerian Kerja Raya memaparkan video pembangunan jajaran lebuh raya seluruh Malaysia dan pelbagai program infra yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 oleh Kementerian Kerja Raya. Turut hadir dalam program, Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi dan juga pengurusan tertinggi.

4. TEMPAT BERTEDUH PENUMPANG
MOTOSIKAL (MOTORCYCLE SHELTER) DI
LEBUH RAYA BERTOL



Menteri Kerja Raya menyantuni penunggang motosikal di teduhan motosikal di Persimpangan Kota Damansara, Lebuhraya NKVE

Di bawah lembayung insiatif Bitara Malaysia Madani, Kementerian Kerja Raya melalui LLM dan syarikat konsesi lebuhraya menyahut inisiatif Bitara Malaysia Madani dengan memastikan infrastruktur yang dibina sepanjang lebuhraya dapat memberikan keselesaan dan keselamatan kepada semua kategori pengguna lebuhraya terutamanya penunggang motosikal. Sebanyak 119 lokasi tambahan telah dikenal pasti untuk dibina. Daripada jumlah tersebut, 40 lokasi pertama telah disiapkan pada tahun 2023 dan selebihnya dijangka siap pada 2024. Jumlah ini tertakluk kepada cadangan lokasi tambahan lain daripada semua syarikat konsesi lebuhraya.

5. KUTIPAN SUMBANGAN TABUNG
KEMANUSIAAN PALESTIN KKR



Sumbangan dari Syarikat Konsesi bagi warga Palestin

Sebanyak RM576,480.79 jumlah yang telah terkumpul hasil sumbangan daripada agensi di bawah KKR. Tidak ketinggalan juga rakan strategik KKR yang terdiri daripada syarikat-syarikat konsesi Jalan Persekutuan dan lebuhraya bertol yang turut sama memeriahkan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Palestin KKR pada hari ini. Tabung ini adalah sebagai tanda soladariti warga kementerian dan agensi-agensi di bawahnya terhadap situasi yang melanda di Palestin pada ketika ini.

4.1.4 PENGUKURAN PENCAPAIAN PRESTASI KKR

KKR dan Agensi sentiasa berusaha memantapkan tadbir urus organisasi terutamanya dari aspek mempertingkatkan kecekapan pengurusan, kompetensi modal insan dan profesionalisme, menambah baik perkhidmatan seiring dengan kemajuan teknologi, memperkasakan jaringan komunikasi strategik dan memastikan pengoperasian KKR dan Agensi lebih mantap dan berfokuskan perkhidmatan kepada rakyat iaitu pelanggan utama KKR. Kajian kepuasan pelanggan merupakan kaedah pengukuran terhadap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan teras KKR. Manakala Piagam Pelanggan KKR adalah *pledge* warga KKR dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

Pencapaian KKR kepada pelanggan 2021 -2024

Pencapaian	2021		2022		2023	
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar
Kajian Kepuasan Pelanggan	80%	90.50%	90%	92.25%	90%	95.86%
Piagam Pelanggan KKR	90%	97.37%	90%	99.54%	95%	98.85%

1. KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN KKR



Peratusan Kajian Kepuasan Pelanggan Sehingga Jun 2024

Tahap kepuasan pelanggan KKR diukur melalui maklum balas borang kaji selidik yang diedarkan secara fizikal melalui kaunter-kaunter di KKR dan program-program yang dijalankan oleh KKR. Borang kaji selidik ini juga diedarkan secara dalam talian melalui hebahan e-mel. Kajian ini meliputi maklumat demografi pelanggan, persepsi pelanggan terhadap kemudahan di Bangunan Kompleks Kerja Raya, kualiti perkhidmatan dan layanan kakitangan KKR serta cadangan, komen, dan pandangan bagi penambahbaikan.




4.1.5 PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN KERJA RAYA 2021-2025 (PSPSM KKR 2021-2025)

PSPSM KKR 2021 – 2025 dirangka bagi menyokong PSO KKR 2021-2025 bagi teras keempat. Pelan ini merupakan sebuah pelan komprehensif yang merangkumi rangka kerja pembangunan modal insan KKR bersama agensi dibawahnya. 4 elemen PSPSM KKR 2021-2025 adalah seperti berikut:



5 TERAS STRATEGIK UTAMA PSPSM KKR

	TERAS STRATEGIK	STRATEGI	PELAN TINDAKAN
1	PENDIGITALAN DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	3	13
2	PEMBANGUNAN KOMPETENSI	2	14
3	PENILAIAN POTENSI DAN PRESTASI	2	8
4	MERASIONALISASIKAN ORGANISASI	2	9
5	MEMBENTUK BUDAYA KERJA BERPRESTASI TINGGI	2	7



Sehingga 31 Disember 2023, Skor Kajian Separuh Penggal PSPSM 2021-2023 adalah 89.2% bagi keseluruhan 51 pelan tindakan.

Skor prestasi PSPSM daripada tahun 2021 sehingga 2023

NO.	TERAS STRATEGIK	PELAN TINDAKAN	PRESTASI
1	Pendigitalan dalam Pengurusan Sumber Manusia	13	87.16 %
2	Pembangunan Kompetensi	14	90.40 %
3	Penilaian Potensi dan Prestasi	8	92.09 %
4	Merasionalisasikan Organisasi	9	82.60 %
5	Membentuk Budaya Kerja Berprestasi Tinggi	7	96.80 %
JUMLAH		51	89.20%

Daripada 51 pelan tindakan, hanya satu sahaja pelan tindakan yang ditangguhkan di bawah Program 3.2.4: Inisiatif berkaitan *Subject Matter Expert* (SME) yang dilaksanakan seperti libat urus bersama disiplin dan taklimat mengenai SME.

Penangguhan ini selaras dengan Surat Edaran JPA bertarikh 5 Julai 2023 mengenai Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert* - SME) telah ditangguhkan mulai 5 Julai 2023 sehingga Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dimuktamadkan. Manakala 50 pelan tindakan masih kekal sama seperti sedia ada.

Berdasarkan kajian separuh penggal yang telah dilaksanakan, tindakan proaktif seperti berikut:

1. Mengetahui pasti menilai jurang pencapaian dalam tempoh tiga tahun pelaksanaan. Ia juga dapat memberi ruang penambahbaikan daripada aspek kebolehpelaksanaan Pelan Tindakan PSPSM KKR ini.
2. Terdapat beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan ke atas pelan tindakan bagi tujuan menambah kiraan skor PSPSM dan juga memudahkan pelaksanaan dan pemantauan berkala.
3. Pemantapan PSPSM dapat dilaksanakan serta memastikan Pelan Tindakan yang dirancang dapat dicapai secara optimum.

4.1.6 PENDIGITALAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KKR


SISTEM PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT (eSPEK) KKR

Kerajaan telah memberikan peluang kemajuan kerjaya yang lebih luas kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat sebagai satu galakan dengan tujuan supaya mereka dapat meningkatkan kecakapan dan keberkesanan sebagai pegawai awam. Di peringkat Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya, Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) telah ditubuhkan bagi menguruskan semua jenis kenaikan pangkat kumpulan pelaksana skim perkhidmatan bukan gunasama di bawah lantikan Ketua Setiausaha Kerja Raya dan Ketua Pengarah Kerja Raya yang merangkumi Gred 2 – 16, 18 – 26 dan 28 – 42 atau setaraf. Manakala LKPPA Tambahan telah ditubuhkan bagi menguruskan kenaikan pangkat kumpulan pelaksana secara *time-based* berasaskan kecemerlangan bagi skim perkhidmatan gunasama di bawah lantikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Bagi tujuan ini, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia KKR bertanggungjawab untuk memproses urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat kumpulan pelaksana skim perkhidmatan bukan gunasama lantikan Ketua Setiausaha Kerja Raya dan Ketua Pengarah Kerja Raya bermula dari proses tawaran iklan sehingga ke peringkat edaran surat siaran pemangkuan/kenaikan pangkat.

Sistem Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat (eSPEK) digunakan bagi tujuan untuk memudahkan serta menyelaraskan permohonan Pemangkuan, Kenaikan Pangkat, Kenaikan Pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK1) dan Kali Kedua (TBK2) bagi pegawai dari skim Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Bukan Gunasama dan Gunasama (bagi urusan kenaikan pangkat TBK1 dan TBK2) di Kementerian Kerja Raya. Melalui sistem ini, bukan sahaja permohonan dapat dikemukakan dengan lebih cepat, urusan kenaikan pangkat juga dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, efisien dan sistematik.

STATISTIK PENGGUNAAN SISTEM

Sejak peluncuran sistem eSPEK pada tahun 2021 sehingga 2024, permohonan yang telah diterima melalui sistem eSPEK adalah seperti berikut:



Bilangan permohonan yang diterima melalui sistem eSPEK

SISTEM ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN (eTNA)

Sistem Analisis Keperluan Latihan (eTNA) merupakan satu sistem yang dibangunkan bagi tujuan pengumpulan data dan penganalisan maklumat berkenaan jurang pengetahuan, kemahiran dan sikap pegawai dalam mengenal pasti program latihan yang bersesuaian untuk merapatkan jurang berkenaan.

Proses penilaian kompetensi eTNA merangkumi 3 peringkat.

Peringkat Pertama (Kendiri): Pegawai perlu melaksanakan penilaian kepada tahap kompetensi sendiri bagi tahun semasa sebelum disahkan oleh penyelia.

Peringkat Kedua (Penyelia): Penyelia akan menyemak dan membuat penilaian terhadap pegawai di bawah seliaan penyelia.

Peringkat Ketiga (Pelaporan Urusetia): BPSM akan mengumpulkan laporan penilaian kompetensi yang telah dinilai oleh pegawai penyelia dalam membantu urus setia merancang pelaksanaan program latihan Kementerian.

Bagi tahun 2024, proses penilaian telah diadakan pada 26 Februari 2024 sehingga 1 April 2024 bagi fasa 1 dan 15 Julai 2024 sehingga 30 Ogos 2024 bagi fasa 2 melibatkan semua warga Kementerian (Setiausaha Bahagian dan ke bawah). Hasil penilaian akan digunakan sebagai asas bagi perancangan Jadual Latihan Tahunan (JLT) KKR Tahun 2025.

Laporan pelaksanaan penilaian
menerusi eTNA sehingga Jun 2024

Status Pelaksanaan	Peratusan (%)
Tiada Rekod	0.3
Belum Isi	37.3
Draf	7.5
Penilaian Penyelia	18.3
Selesai Penilaian	36.7

SISTEM PENGURUSAN LATIHAN (eLATIHAN)

Sistem eLatihan merupakan sebuah sistem pengurusan latihan bagi warga KKR yang siap dibangunkan bagi membantu KKR menguruskan urusan latihan warga Kementerian dengan lebih sistematik, konsisten dan efisien. Sistem eLatihan mempunyai pelbagai fungsi termasuk memaparkan takwim latihan KKR, merekodkan jam berkursus, pendaftaran program latihan dan permohonan bagi menyertai kursus berbayar anjuran agensi luar.



Kepelbagaian Fungsi Sistem eLatihan

BPSM telah menambah baik Sistem eLatihan ini agar lebih interaktif dan mesra pengguna. Antaranya ialah menambah baik paparan takwim latihan Kementerian dan mengemas kini carta alir proses permohonan. Penambahbaikan ini bertujuan untuk menggalakkan warga KKR cakna tentang kewujudan dan penggunaan sistem ini sepenuhnya.

4.1.7 PEMBANGUNAN POTENSI SUMBER MANUSIA KKR PROGRAM
PEMBANGUNAN KEPIMPINAN DAN KERJAYA

Program Pembangunan Modal Insan dan Kerjaya merupakan program kemajuan kerjaya bagi pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) yang memiliki daya kepimpinan, pemikiran dan komunikasi aras tinggi, akauntabiliti dan bertindak atas prinsip, membuat keputusan strategik, berani mengambil risiko dan bijak mengurus kepelbagaian pemegang taruh. Objektif program ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti, menilai tahap potensi dan keupayaan pegawai serta merancang aktiviti pembangunan modal insan yang bersesuaian untuk keperluan semasa dan masa hadapan.

TAHUN 2021

- Program Pembangunan Kepimpinan dan Kerjaya melibatkan pegawai-pegawai kejuruteraan JKR Gred J54.
- Program ini berkonsepkan sesi intelektual dan interaksi antara pegawai-pegawai bersama panel yang terdiri daripada champion, penggiat industri dan ahli akademik yang terlibat dalam industri pembinaan. Program ini terbahagi kepada beberapa pengisian utama seperti berikut:
- Sesi Jawab Indikator Perwatakan Unggul (IPU) dan Ujian Personaliti DISC;
 - Sesi Taklimat dan Ceramah; dan
 - Sesi Penilaian Adaptasi Interaksi Pegawai.

TAHUN 2022

Sebanyak dua program iaitu Program Pembangunan Kepimpinan & Kerjaya Pegawai Gred J54 dan ke atas pada 12 Oktober 2022 yang melibatkan pegawai kejuruteraan JKR dan Program Pembangunan Kepimpinan & Kerjaya bagi Pelan Penggantian CIDB pada 27 hingga 28 Disember 2022 yang melibatkan pegawai-pegawai kanan CIDB.

TAHUN 2023

- BPSM telah melaksanakan sebanyak dua (2) program iaitu:
- i. Majlis Perjumpaan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Bersama Jurutera-Jurutera Daerah JKR pada 3 Januari 2023. Majlis Perjumpaan ini merupakan platform berkomunikasi secara terus dan berkongsi isu/cabaran yang dihadapi oleh para jurutera semasa melaksanakan projek-projek awam di daerah masing-masing. Seramai 86 jurutera daerah yang hadir untuk memberikan komitmen mereka kepada KKR.
 - ii. Kursus Laluan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan bagi Pegawai-Pegawai Kanan Kejuruteraan di JKR pada 17 hingga 18 Oktober 2023 yang bertujuan untuk mengenal pasti pegawai-pegawai berkeelayakan dan bermotivasi untuk menjawat jawatan strategik di JKR.

PROGRAM KERJASAMA STRATEGIK KKR

Kerjasama strategik bersama agensi/jabatan Kerajaan yang dijalinan ini memberi faedah dan impak positif kepada pihak KKR dan Kementerian/agensi yang terlibat.

Senarai Program Kerjasama Yang Dijalinan
Bagi Tahun 2021 – Jun 2024

Tahun	Program
2021	i-LEAD KBS – Program Eksekutif Muda (ProEM)
	Program Pengurusan Kewangan Peribadi – Bank Islam dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK)
2022	Program Imbangi Keluarga dan Kerjaya Kerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
	Program Transformasi Minda (PTM) di Akademi Usahawan Tani, Maran, Pahang
2023	Program Wacana Malaysia MADANI KKR Tahun 2023
	Program Masa Depan Yang Lebih Bermakna bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
Sehingga Jun 2024	Program Kerjasama KKR – Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
	Program KWSP Cawangan Wangsa Maju

PROGRAM PSIKOLOGI

Pelaksanaan aplikasi psikologi dalam latihan, pengurusan perkhidmatan dan kemajuan kerjaya dirangka untuk meningkatkan kompetensi modal insan dan memastikan setiap individu dalam organisasi dapat memberikan sumbangan secara optimum, memperkasakan nilai diri serta potensi secara holistik. Penekanan juga diberikan kepada aspek profesionalisme, budaya kerja berintegriti, bertanggungjawab, dan beretika. Berikut merupakan peningkatan dari segi pelaksanaan program:

Peningkatan
Pelaksanaan Program

Program	2021	2022	2023
Pembangunan	379	759	997
Pencegahan	111	128	237
Pemulihan/ Intervensi	1175	1304	1432
Penilaian	1987	1998	1865



Sambutan Hari Psikologi 2023 bertemakan Atma Kehidupan

Hari Psikologi yang dianjurkan setiap tahun merupakan acara skala besar dan bersifat kemuncak kepada himpunan semua aktiviti – aktiviti skala kecil sepanjang tahun. Hari Psikologi diketengahkan sebagai satu platform untuk keseluruhan warga kerja mengenali, memahami, menguji serta menguasai segala maklumat dan kemahiran berkaitan kesejahteraan psikologi dengan aplikasi aktiviti perkongsian maklumat, pelaksanaan ujian – ujian psikologi, penaksiran tahap kesihatan, perkongsian pakar, permainan interaktif dan pelbagai lagi.

KKR terus mengutamakan pembangunan modal insan dengan melaksanakan Program Pementoran yang bermatlamat untuk mewujudkan platform perkongsian ilmu dan bakat secara berstruktur dan sistematik. Pelaksanaan program ini telah membolehkan wujudnya transisi atau pemindahan kemahiran secara berkesan di kalangan warga kerja. seperti Program *Performance At Work* (i-PAT) yang menumpu kepada perkembangan kerjaya, Program Pengurusan Stress, Program – Program Kemahiran Asas, Daya Tahan, Kualiti peribadi cemerlang dan pelbagai lagi yang disisipkan bersama program – program yang diaturkan kepada warga kerja seperti Program Transformasi Minda, Program Persediaan Pegawai baru dan sebagainya.

Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah memperluaskan perkhidmatan kepada warga kerja KKR dengan memperkenalkan Pusat Khas Rejuvinasi Pemikiran & Tingkahlaku (*Special Centre for Thoughts Rejuvenation & Behavior Manifestation*) atau SPECTRUM. Diinspirasi dari spektrum warna, potensi manusia juga boleh diuruskan dari pelbagai sudut dan mencapai lebih jauh walaupun berpunca dari satu warna asas iaitu putih. Pengurusan psikologi yang seimbang dan menyeluruh dapat dilihat seperti mengembangkan warna-warna kehidupan manusia yang menyinari dari satu titik permulaan dan ianya bermula dari pusat ini.

Cawangan Pengurusan Psikologi (CPPs) BPSM, KKR juga telah membangunkan Sistem OASYS yang dirumuskan dengan mengintegrasikan (4) sub-modul sistem CPPs iaitu, Sistem Tempahan Kaunselor (CAST), Sistem Pengurusan Program Psikologi (PROMYS), Sistem Pengurusan Psikometrik (METASYS) dan Sistem Keahlian AKRAB (SKA). Sistem

Daripada tahun 2021 pelaksanaan program berasaskan pendekatan psikologi telah dipertingkatkan mengikut keperluan semasa warga kerja. Keperluan program yang berkonsepkan motivasi, kerjasama dan kesihatan mental adalah penting berikutan peningkatan isu – isu berkaitan kesihatan mental yang semakin berleluasa serta cenderung memberi impak negatif dari aspek produktiviti warga kerja.



**Lebuhraya SILK
(Sistem Lingkaran - Lebuhraya Kajang)**

OASYS dapat mengurangkan jarak akses warga KKR yang selama ini dilaksanakan menggunakan platform manual. CPPs melebarkan penggunaan OASYS dengan mengemaskini sistem dari masa ke semasa dengan pengenalan kepada sub-modul tambahan seperti Sistem Pengurusan Tempahan Fasilitas SPECTRUM (SPACES) dan Sistem Permohonan Pelajar Latihan Industri CPPs (INITIATE) pada tahun 2023.


Pada 7 November 2024 Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Kerja Raya telah dianugerahkan Amalan Terbaik Kaunseling (*Best Practice*) dalam kategori Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya Perkhidmatan Awam di Program *Regional Counseling Convention* (RISE 2024) yang telah diadakan di EPF Learning Campus, Bangi pada 7 Noverber 2024. Anugerah telah disampaikan oleh YB Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad yang telah merasmikan konvensyen tersebut. Puan Anaresa binti Muhammad Dain, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menerima anugerah ini di majlis perasmian tersebut.

4.1.8 BILANGAN PERSONEL PENSIJILAN KOMPETENSI TEKNIKAL JKR TAHAP 4

Bilangan Personel Pensijilan Kompetensi Teknikal JKR Tahap 4		
Tahun	Sasaran	Status Pencapaian
2021	5	28
2022	5	22
2023	5	44

PROGRAM PENGIKTIRAFAN PEGAWAI JKR BERTAULIAH

Purata keseluruhan peningkatan pencapaian semua disiplin bagi pegawai Gred J48 dan ke atas yang diiktiraf sebagai profesional bertauliah adalah 3%. Berikut merupakan peratus peningkatan pegawai JKR untuk setiap disiplin yang diiktiraf sebagai profesional bertauliah:





Peratus Peningkatan Pegawai JKR untuk setiap disiplin diiktiraf sebagai profesional bertauliah

4.1.9 PEMANTAUAN PELAKSANAAN INISIATIF PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) KKR 2021 HINGGA 2024 (SEHINGGA 30 JUN 2024)

Pelan ini telah menetapkan empat bidang keutamaan yang menjadi teras utama dalam usaha memerangi rasuah. Bidang keutamaan tersebut ialah Tadbir Urus, Pengurusan Projek, Pengurusan Kewangan serta Sumber Manusia dan Pentadbiran.

Kerangka OACP KKR 2021 – 2025



Pencapaian OACP 2021-2023



Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) bagi tahun 2021 hingga 2023 telah mencapai sasaran 100% berikutan pencapaian tahunan melebihi sasaran yang ditetapkan dalam kamus PSO. Pencapaian tahun 2024 sehingga 30 Jun 2024 adalah 78.16% berikutan inisiatif sedang dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

4.2 PEMANTAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI TEKNOLOGI

4.2.1 PENDIGITALAN PERKHIDMATAN MENERUSI PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KKR (PSP KKR)

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP KKR) merupakan perancangan hala tuju pembangunan ICT di KKR dan Agensi yang menggariskan inisiatif utama pendigitalan sistem penyampaian dalam tempoh lima tahun bermula 2021 hingga 2025. Dokumen ini mendukung aspirasi KKR dalam memacu transformasi pendigitalan dalam pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara.

PSP KKR juga merupakan sebahagian daripada Pelan Strategik Organisasi KKR (PSO KKR 2021-2025) dan diijarkan dengan dokumen utama seperti Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital), Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) dan *Blueprint Intelligent Transportation System (ITS)*.



PENCAPAIAN KESELURUHAN
Pelaksanaan PSP KKR setakat Jun 2024


84.05%

4.2.2 Road Traffic Volume Malaysia (RTVM)

Dalam memenuhi Misi KKR untuk memperkasakan pembangunan infrastruktur dan pengurusan aset menyeluruh sejajar dengan keperluan negara. Misi ini diterjemahkan dengan penerbitan laporan tahunan Road Traffic Volume Malaysia 2023 yang dapat membantu program Pembangunan infrastruktur berdasarkan data dan maklumat yang terkini. Laporan RTVM ini berupaya memberi gambaran sebenar keadaan trafik di seluruh rangkaian Jalan Raya Persekutuan dan Negeri di seluruh negara.

Kaedah Data Secara Automatik


Kaedah pengumpulan data bagi Program Banci Lalu Lintas Kebangsaan (BLK) tahun 2023 adalah secara automatik yang melibatkan 550 stesen banci di seluruh Malaysia. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah dalam bentuk video CCTV dan dihasilkan menggunakan Kamera CCTV dan disokong teknologi solar. Data yang diperoleh kemudiannya diproses secara automatik menggunakan pengesanan objek *Artificial Intelligence* (AI) dan data analisis dikeluarkan dalam bentuk laporan untuk validasi.



4.3 PEMANTAPAN PENGURUSAN AKAUN, AUDIT, KEWANGAN DAN PEROLEHAN


4.3.1 PENYELESAIAN ISU DARI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2021-2023

Dari tahun 2021 sehingga 2023, penyelesaian isu-isu daripada Laporan Ketua Audit Negara yang melibatkan Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi di bawah Kementerian telah melebihi sasaran yang ditetapkan dalam kamus PSO.



4.3.2 PENCAPAIAN RANCANGAN AUDIT TAHUNAN

Sepanjang tahun 2021 sehingga 2023, Unit Audit Dalam (UAD) telah melaksanakan keseluruhan program Audit yang dirancang iaitu 52 program dengan beberapa pertukaran program Audit atas arahan Pengurusan Tertinggi KKR.



4.3.3 PEMANTAUAN ISU AUDIT MELALUI MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT (JKA) DARI TAHUN 2021 SEHINGGA 2023

Peraturan menetapkan Mesyuarat JKA diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setiap tahun. Mesyuarat JKA hendaklah dipengerusikan oleh KSU/TKSU dan dihadiri oleh Ahli Tetap JKA dan auditi yang terlibat. Salinan minit Mesyuarat JKA perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 15 April, Julai, Oktober dan Januari tahun berikutnya. Sepanjang tahun 2021 hingga 2023, sebanyak 4 siri Mesyuarat JKA telah berjaya diadakan setiap tahun. Status tindakan terhadap penemuan/isu pengauditan yang dilaksanakan telah dibentangkan dalam setiap siri Mesyuarat JKA. Bilangan isu pengauditan yang dibentangkan dan status tindakan pada setiap hujung tahun adalah seperti di **Jadual 1**.

JADUAL 1
STATUS TINDAKAN TERHADAP ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN
DALAM MESYUARAT JKA

TAHUN	JENIS PENGAUDITAN	JUMLAH ISU DIBENTANG	BIL. ISU SELESAI	BIL. ISU YANG BELUM SELESAI	CATATAN
2021	Pengurusan Kewangan	107	103	4	Bilangan isu yang belum selesai adalah setakat 31 Disember 2021
	Prestasi	22	21	1	
	Perolehan/Pematuhan	15	15	-	
JUMLAH PENEMUAN/ISU		144	139	5	
2022	Pengurusan Kewangan	156	152	4	Bilangan isu yang belum selesai adalah setakat 31 Disember 2022
	Prestasi	31	30	1	
	Perolehan/Pematuhan	15	15	-	
	Penampilan Audit (Kewangan)	22	22	-	
	Khas	-	-	-	
JUMLAH PENEMUAN/ISU		224	219	5	
2023	Pengurusan Kewangan	51	48	3	Bilangan isu yang belum selesai adalah setakat 31 Disember 2023
	Prestasi	45	45	-	
	Perolehan/Pematuhan	13	13	-	
	Penampilan Audit (Kewangan)	24	24	-	
	Penampilan Audit (ICT)	1	1	-	
	Khas	3	2	1	
JUMLAH PENEMUAN/ISU		137	133	4	

Hasil daripada Mesyuarat JKA yang dilaksanakan telah dapat membantu pihak pengurusan mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap proses kerja serta meningkatkan pematuhan terhadap peraturan yang berkuat kuasa. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti di **Jadual 2**.

JADUAL 2
TINDAKAN YANG DIAMBIL/PENAMBAHBAIKAN YANG DILAKSANAKAN TERHADAP ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JKA

JENIS PENGAUDITAN	ISU DIBENTANG	PENAMBAHBAIKAN DAN TINDAKAN YANG TELAH DILAKSANAKAN
TAHUN 2021		
Pengurusan Kewangan	i. Sebanyak 4 daripada 15 Rekod kecil (subsidiari) Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan tidak mempunyai maklumat tarikh akhir pegangan deposit yang melibatkan sejumlah RM1.67 juta.	PTJ telah mewartakan semua deposit yang tidak dituntut melalui surat bertarikh 21.10.2021 ke Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
	ii. Sebanyak 9 Wang Deposit tidak dituntut dan belum diwartakan berjumlah RM3.22 juta. Tarikh akhir tempoh pegangan akaun deposit berkenaan adalah antara tahun 1999 hingga 2017.	
Prestasi (Pengauditan Terhadap Penyenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan)	i. Aset-aset program Penyenggaraan Aset Kritikal belum dilupus sejak tahun 2017.	Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) telah melaksanakan pelupusan aset tak alih di bangunan yang terlibat. Status seperti berikut: (a) Pelupusan aset di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) telah dilaksanakan pada 10 April 2021; dan (b) Pelupusan aset di Wisma Persekutuan Johor Bahru telah dilaksanakan pada 16 April 2021.
	ii. Kesilapan kiraan cadangan kenaan LAD yang dikenakan oleh PTJ tidak mengambilkira kenaan LAD bagi tahun 2019. Nilai LAD yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM4,982,290.77.	BPF telah mengeluarkan surat pelarasan kepada Syarikat AWSB pada 8 September 2021 berdasarkan maklumat yang diterima dari CSFB selaku wakil DAO CARP. Selain itu, BPF juga telah mengenal pasti akan perbezaan tersebut dan perbezaan itu telah diambil kira dalam surat yang dikemukakan kepada Syarikat AWSB.


JENIS PENGAUDITAN	ISU DIBENTANG	PENAMBAHBAIKAN DAN TINDAKAN YANG TELAH DILAKSANAKAN
Perolehan (Pengauditan Pengurusan Perolehan di Cawangan tindakan Ukur Bahan, JKR)	Peti tawaran tender lewat dibuka.	Bagi menambah baik proses penutupan serta pembukaan peti tawaran tender, Cawangan Pengurusan Perolehan Harta (CPPH), Bahagian Kewangan KKR telah menaik taraf dan menambah ruang pejabat. Naik taraf ini telah siap dan digunakan bermula Disember 2021.
TAHUN 2022		
Pengurusan Kewangan	Aset tidak diberi tanda pengenalan.	PTJ telah mendaftarkan semua aset tersebut dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA).
Prestasi (Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUNISZA), Terengganu)	2,248 kecacatan atau kerosakan yang dicatatkan terdiri daripada skop seni bina, mekanikal dan elektrik.	Pihak JKR akan berterusan mengambil tindakan secara konsisten membaiki kecacatan tersebut melalui beberapa siri Mesyuarat Penyelaras Penyelenggaraan dan Pembaikan Dalam Tempoh Kecacatan (DLP).
Prestasi (Pengauditan Pengurusan Penyelenggaraan Jalan Berlubang (<i>Potholes</i>) Di Semenanjung Malaysia)	i. 731 unit tampalan kekal, dua tampalan sementara yang masih belum dibuat tampalan kekal dan sebanyak satu penemuan baru.	Pihak CSFJ akan memastikan unit GS untuk mengeluarkan arahan kepada semua JKR Daerah untuk mengemas kini dan mengesahkan rekod di sistem AsaPP.
	ii. 677 atau 32.7% tampalan <i>pothole</i> telah dibuat pada waktu aliran trafik sibuk manakala sebanyak 67.3% atau 1,391 tampalan telah dibuat di luar waktu aliran trafik sibuk.	Pihak konsesi juga akan diarah untuk menambah baik dan merancang Pelan Pengurusan Trafik bagi mengurangkan kesesakan kenderaan.

JENIS PENGAUDITAN	ISU DIBENTANG	PENAMBAHBAIKAN DAN TINDAKAN YANG TELAH DILAKSANAKAN
TAHUN 2023		
Pengurusan Kewangan	Tiada pengasingan tugas dalam menyedia dan memperakukan 16 daripada 50 sampel Arahan Pembayaran.	PTJ telah membuat pengasingan tugas dalam sistem ePerolehan bagi tujuan kawalan dokumen dalaman, seterusnya dapat meningkatkan tahap integriti dan ketelusan Jabatan.
Khas (Pentadbiran Kontrak Penswastaan Bangunan Gunasama Persekutuan – Kenaan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan)	196 (95.6%) daripada 205 projek Penyelenggaraan Aset Kritikal yang telah siap mengalami kelewatan penyiapan kerja dengan tempoh kelewatan antara 1 hingga 1,768 hari.	BPF KKR menjangkakan libat urus bersama CSFJ JKR akan dijalankan secara berterusan dengan pemantauan dan status pelaksanaan projek dibentangkan pada Mesyuarat Pemantauan Kontrak Perkhidmatan Pengurusan Bangunan Gunasama Persekutuan yang dipengerusikan oleh KSU/TKSU secara berkala.
Perolehan (Pengauditan Perolehan Perkhidmatan Sewaan Peralatan ICT Kementerian Kerja Raya Bagi Inisiatif Pendigitalan Perkhidmatan)	Penghantaran Peralatan ICT telah dibuat antara 25 hingga 28 Januari 2022. Bagaimanapun berdasarkan Arahan Pembayaran bertarikh 23 Jun 2022, didapati pembayaran dibuat penuh bagi sewaan bulan Januari 2022 walaupun peralatan dan perisian masih belum digunakan.	BPM KKR telah selesai melaksanakan pelarasan bagi pembayaran sewaan bulan Januari 2022 berjumlah RM295,640.54 sebagaimana persetujuan pihak syarikat dalam Mesyuarat JK Pemandu Projek Pendigitalan Kerja Raya Bil.4 Tahun 2023 pada 17 Julai 2023. Pelarasan dibuat melalui pemotongan dalam tuntutan sewaan ke-9 (Julai 2023).



4.3.4 KURSUS STRATEGIK DALAM PENGURUSAN PERAKAUNAN

Latihan dan kursus diadakan pada setiap tahun bagi meningkatkan tahap kompetensi pegawai perakaunan. Selain itu, pelaksanaannya juga bertujuan bagi memastikan semua pegawai yang terlibat melaksanakan tugas mengikut peraturan yang berkuat kuasa dan terkini serta mahir menggunakan sistem perakaunan dan kewangan seperti iGFMAS. Kursus ini telah dihadiri oleh pegawai perakaunan di PTJ KKR yang terdiri daripada pelbagai skim jawatan dan gred manakala tenaga pengajar terdiri daripada kalangan pegawai Bahagian Akaun (BA) sendiri. Kursus yang dilaksanakan dibahagikan kepada dua skop, iaitu tatacara perakaunan dan sistem perakaunan (iGFMAS). 59% daripada jumlah keseluruhan kursus dan latihan adalah berkaitan tatacara perakaunan dan 41% adalah iGFMAS.



Skop Pelaksanaan Kursus Strategik Dalam Pengurusan Perakaunan Akruan

Kursus yang telah diadakan sepanjang tahun 2021 hingga Jun 2024:

2021	2022	2023	2024
Taklimat Garis Panduan dan Tatacara Perakaunan Wang Pendahuluan Kontraktor	Kursus <i>Refresher</i> iGFMAS - <i>Human Capital Management</i>	Taklimat Inden Kerajaan (Kerja)	Kursus MyCOST
Kursus Penyesuaian Aset dan Pemantauan Aset Dalam Pembinaan	Kursus <i>Refresher</i> iGFMAS – FICO & Aset	Kursus Laporan Perakaunan Aset	Kursus iGFMAS: Modul <i>Human Capital Management</i>
Taklimat Pelaksanaan Pergerakan Gaji Tahunan (PGT Melalui Sistem <i>Payroll HCM</i>	Kursus Pengurusan Emolumen	Kursus Penyediaan Prosedur Perakaunan Aset	Kursus iGFMAS: Modul <i>Material Management & Accounts Payable</i>
Kursus Penyediaan Kamus MyCost	Kursus Perakaunan Aset	Kursus Perakaunan Aset Dalam Pembinaan	Kursus iGFMAS: Modul <i>Asset Accounting</i>
Kursus Pemantapan Perakaunan Aset	Taklimat SPANM Bil. 3 Tahun 2022 – Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan	Kursus iGFMAS – Modul <i>Account Receivable</i>	Kursus iGFMAS: Modul <i>Account Receivable</i> dan Pengurusan Akaun Terimaan, Amanah & Deposit
Seminar <i>Lessons Learned</i> : Penemuan Naziran dan Pengurusan Kewangan - Zon Utara	Persidangan Pegawai Perakaunan KKR 2022	Kursus Perakaunan Aset dan Penemuan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Suku 1 Tahun 2023	Kursus Perakaunan Aset Bukan Kewangan
Seminar <i>Lessons Learned</i> : Penemuan Naziran dan Pengurusan Kewangan Kerajaan – Zon Tengah, Timur & Selatan	Kursus <i>Refresher</i> iGFMAS - Modul Perolehan dan Bayaran	Kursus iGFMAS: Modul <i>Material Management & Accounts Payable</i>	Kursus Pengurusan Akaun Belum Terima (ABT)
Kursus Pengenalan Perakaunan Pengurusan, <i>Refresher</i> MyCost dan Analisis Pengekosan bagi PTJ KKR/JKR di Lembah Klang	Kursus Pengurusan Wang Pendahuluan Kontraktor	Kursus iGFMAS: Modul <i>Asset Accounting</i>	Kursus Kod Carta Akaun Akruan (CAA)
Kursus Pengurusan Emolumen	Kursus Pengurusan Akaun Belum Terima	Kursus Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit	Kursus <i>Authorization</i> (Capaian Sistem iGFMAS)
Kursus iGFMAS : Akauntabiliti Pengurus PTJ	Kursus Penyediaan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan	Kursus Pengurusan Wang Pendahuluan Kontraktor	Kursus <i>Lesson Learned</i>
	Seminar <i>Lesson Learned</i>	Kursus <i>Lesson Learned</i>	Kursus <i>Lesson Learned</i>

AKTIVITI LIBAT URUS BERSAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

Sesi libat urus dilaksanakan bersama PTJ merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh BA di bawah Pengurusan Perubahan Pelaksanaan Perakaunan Akruan dan Perakaunan Pengurusan. Aktiviti libat urus ini dilaksanakan setiap tahun merangkumi sesi perjumpaan bersama KSU, program kesedaran pengurusan perakaunan dan mesyuarat pemantauan prestasi PTJ.



Mesyuarat Prestasi Perakaunan bersama PTJ KKR

Aktiviti Libat Urus Bersama PTJ Tahun 2021 – Jun 2024

MESYUARAT	2021	2022	2023	2024
Mesyuarat Prestasi Perakaunan PTJ KKR (Zon Ibu Pejabat)	2 Mac	27 Januari	31 Januari	22 Januari
Mesyuarat Prestasi Perakaunan PTJ KKR (Zon Tengah dan Selatan)	10 Mac	15 Februari	21 Februari	29 Februari
Mesyuarat Prestasi Perakaunan PTJ KKR (Zon Utara)	30 Mac	9 Mac	28 Februari	15 Februari
Mesyuarat Prestasi Perakaunan PTJ KKR (Zon Timur)	25 Mac	17 Mac	29 Mac	7 Mac

Tahun	Bil	Senarai Libat Urus Yang Dilaksanakan Bersama PTJ
2021	1.	Pengenalan Perakaunan Pengurusan dan Pengekosan bagi PTJ KKR di Negeri
	2.	Pengenalan Perakaunan Pengurusan bagi PTJ KKR di Lembah Klang
2022	3.	Sesi <i>hands on</i> Kamus MyCost bersama PTJ Negeri (Siri 1 – JKR CREaTE)
	4.	Sesi <i>hands on</i> Kamus MyCost bersama PTJ Negeri (Siri 2 - JKR WP Labuan, JKR KESEDAR dan JKR KETENGAH)
2023	5.	Penerangan Analisis Pengekosan dan Data Kamus MyCost Bagi PTJ Tier 3 – Bahagian Perkhidmatan Mekanikal JKR
	6.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hasil dan Akaun Belum Terima KKR
	7.	Mesyuarat Pengurusan Wang Pendahuluan Kontraktor KKR
Sehingga Jun 2024	8.	Mesyuarat Cawangan Kejuruteraan Elektrik berkaitan Analisis Kecekapan, keberkesanan dan <i>Value For Money</i>
	9.	Perbincangan berkenaan penyelenggaraan jalan persekutuan bagi tujuan analisis


KEBERKESANAN PELAKSANAAN KURSUS

Pengurusan perakaunan Kementerian menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan daripada tahun 2021 hingga 2023.

i) Melalui pelaksanaan kursus yang dijalankan, satu Kit Panduan Pengurusan Emolumen telah dikeluarkan oleh BA bagi memantapkan pengurusan emolumen di Kementerian. Kit ini telah memenangi Anugerah Kreatif dan Inovasi (KIK) peringkat Kementerian pada tahun 2023. Prestasi pembayaran gaji pegawai lantikan baharu di KKR bagi Tahun 2023 menunjukkan 100% dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh lantikan.

ii) Kelulusan pendahuluan diri bagi emolumen terlebih bayar pada tahun 2021 adalah rendah. Hal ini demikian kerana Malaysia berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Pandemik Covid-19. Namun berlaku kenaikan pada tahun 2022. Selaras dengan panduan yang dikeluarkan dan kursus yang diberikan dapat dilihat kelulusan pendahuluan diri emolumen ini berkurang pada tahun 2023.

iii) Melalui pelaksanaan kursus dan sesi libat urus yang dijalankan, satu Garis Panduan Proses Pulangan Balik atau Pelarasan Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) di Kementerian Kerja Raya (KKR) telah dikeluarkan untuk memantapkan pengurusan WJP Kementerian. Sehingga 2023, WJP yang tamat tempoh telah selesai dipulangkan sebanyak RM405.71 juta.




Jumlah Pegangan Wang Jaminan Pelaksanaan Tamat Tempoh Bagi Tahun 2021 – 2023


4.3.5 KURSUS STRATEGIK PENGURUSAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2021-2023

PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS (B.27) KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2021-2023

Pada tahun 2021, KKR menerima peruntukan perbelanjaan mengurus (OE) sebanyak RM872,992,340.00 dengan kadar perbelanjaan mencapai 98%. Pada tahun berikutnya, peruntukan menurun kepada RM820,509,000.00, namun prestasi perbelanjaan meningkat kepada 99%. Bagi tahun 2023, peruntukan meningkat kepada RM865,271,900.00, sementara prestasi perbelanjaan pula melebihi sasaran, iaitu 101%.



Pada tahun 2021, Peruntukan Belanja Mengurus (B.27) bagi KKR adalah sebanyak RM873 juta. Manakala pada tahun 2022, diperuntukkan RM820.5 juta dan pada tahun 2023, peruntukan adalah sebanyak RM865.3 juta. Berikut merupakan agihan Peruntukan Belanja Mengurus (B.27) bagi emolumen, perkhidmatan & bekalan, aset, pemberian & kenaikan bayaran tetap serta perbelanjaan bagi tahun 2021-2023:




LATIHAN DAN KURSUS

PELAKSANAAN KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN

Sistem ePerolehan (eP) dibangunkan dari tahun 1999 bagi membolehkan agensi kerajaan melakukan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara atas talian dengan pembekal-pembekal kerajaan. Sistem eP adalah salah satu pasaran maya *government to business* (G2B) terbesar di persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dengan 2juta katalog di atas talian. Mulai tahun 2023, MOF telah memperkenalkan pelaksanaan sistem eP baharu. KKR di kalangan Kementerian, telah menggunakan sistem eP secara meluas.

Sepanjang tahun 2022 hingga 2023 sebanyak 4 sesi latihan secara *hands on* telah diadakan kepada semua PTJ yang melibatkan seramai 141 orang peserta. Objektif kursus ini adalah bagi memberikan pendedahan mengenai tatacara sistem ePerolehan, pentadbiran kontrak yang berkesan dan penggunaan sistem ePerolehan berdasarkan kepada pekeliling berkuat kuasa serta melahirkan pegawai yang kompeten dalam pengurusan perolehan kerajaan.



Rajah berikut menunjukkan peningkatan bilangan pesanan kerajaan dan bilangan pesanan kontrak pada tahun 2023 berbanding tahun 2021.

Namun, masih ada ketidakpatuhan berlaku. Justeru, latihan berterusan harus dilaksanakan yang berfokuskan kepada proses Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (ITPK). Latihan secara khusus ini akan dilaksanakan pada tahun 2025 dengan efektif bagi memastikan pegawai mengambil perhatian serius terhadap insiden ketidakpatuhan kepada perkara kewangan dan mengurangkan bilangan ITPK pada tahun berikutnya.

Bilangan Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (ITPK) bagi tahun 2023 dan 2024

Tahun	Bilangan ITPK	Jenis Perolehan
2023	63	Bekalan/ Perkhidmatan
2024	79	

BENGKEL PENYELARASAN TATACARA PERWAKILAN KUASA

Bengkel Penyelarasan Tatacara Perwakilan Kuasa telah diadakan pada 1 hingga 3 November 2021 di Hotel Avillion, Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus melibatkan 40 peserta wakil PTJ KKR dan JKR. Objektif bengkel ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman serta memberi pendedahan mengenai tatacara pengisian permohonan dan keseragaman pengisian format Perwakilan Kuasa mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Output bengkel ini adalah penghasilan Buku Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal susulan pelantikan Pegawai Pengawal, YBhg. Datuk Wan Ahmad Uzir bin Haji Wan Sulaiman pada 22 Disember 2021.



Bengkel Penyelarasan Tatacara Perwakilan Kuasa yang diadakan di Hotel Avillion, Port Dickson pada 1-3 November 2024

KURSUS PENGURUSAN KEMUDAHAN ELAUN DAN PELBAGAI

Kursus Pengurusan Kemudahan Elaun dan Pelbagai telah diadakan pada 25 hingga 27 Mei 2022 di Colmar Tropicale, Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang Darul Makmur melibatkan 38 peserta wakil Pusat Tanggungjawab (PTJ) KKR dan JKR. Salah satu objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta tentang kemudahan yang layak dipohon serta memastikan tatacara pengurusan kemudahan, elaun dan pelbagai di PTJ masing-masing adalah seragam dan mengikut tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Penyeragaman pelaksanaan ini penting bagi mengurangkan kuiri permohonan seterusnya mempercepatkan tempoh masa yang diperlukan untuk memproses permohonan kemudahan dan elaun. Bagi tahun 2021 hingga 2023, didapati terdapat pengurangan kuiri sebanyak 5.3% dari tahun 2022 ke 2023. Hal ini memberi gambaran awal berhubung kefahaman PTJ dalam memastikan hanya permohonan yang lengkap dikemukakan ke Cawangan Kemudahan, Elaun dan Pelbagai (CKEP) untuk diproses.



Di samping itu, berdasarkan maklum balas peserta yang diterima, sebanyak 63% peserta sangat setuju dan 37% peserta setuju bahawa kursus ini berjaya meningkatkan pengetahuan dan pemahaman berbanding sebelum menyertai kursus ini. Di antara ulasan kursus yang diterima daripada peserta adalah kursus ini berjaya menambah pengetahuan peserta, banyak input yang berkesan diperolehi serta berjaya menjadi medan untuk bertukar pandangan dengan PTJ lain dari segi pengurusan kemudahan dan elaun.



Sesi ceramah yang disampaikan oleh En. Rajimi dari KKM dan Cik Nurul 'Adillah dari Kementerian Kewangan semasa Kursus Pengurusan Kemudahan Elaun dan Pelbagai di Colmar Tropicale, Berjaya Hills, Bukit Tinggi, Pahang Darul Makmur pada 25 hingga 27 Mei.

KURSUS PERWAKILAN KUASA PEGAWAI PENGAWAL KKR

Kursus Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal telah diadakan pada 13 hingga 14 Februari 2023 di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi (CREaTE), JKR, Melaka melibatkan 40 peserta wakil PTJ KKR dan JKR. Di antara objektif kursus ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta mengenai tatacara pengisian permohonan Perwakilan Kuasa yang seragam mengikut format yang ditetapkan berdasarkan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) dan Arahan Perbendaharaan 11 (AP11) serta mengumpul dan menyelaraskan isu-isu berkaitan Perwakilan Kuasa di PTJ masing-masing bagi memastikan penyediaan draf Buku Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal Seksyen 15A untuk kegunaan semua PTJ adalah menyeluruh dan memenuhi hasrat pemegang taruh. Output kursus ini adalah penghasilan Buku Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal susulan pelantikan Pegawai Pengawal, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad pada 4 April 2023.



Buku Perwakilan Kuasa Pegawai Pengawal KKR (kiri) dan JKR (kanan)

SESI DISKUSI MEJA BULAT: PENGURUSAN MITIGASI PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 59

Sesi Diskusi Meja Bulat: Pengurusan Mitigasi Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP 59) telah diadakan pada 14 hingga 15 Ogos 2023 di Hotel Hatten Melaka melibatkan 55 Ketua Jabatan dan pegawai kanan KKR dan JKR. Di antara objektif sesi diskusi meja bulat ini diadakan untuk memberi panduan dan penjelasan berkaitan tatacara pengurusan pembayaran di bawah AP 59 bagi sesuatu perolehan yang telah dilaksanakan dengan suci hati tetapi menyalahi tatacara perolehan dan kewangan yang berkuat kuasa. Melalui slot kajian kes, peserta sesi diskusi telah membincangkan isu dan mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan bagi memitigasi kes pembayaran di bawah AP 59 pada masa hadapan.



Sesi Diskusi Meja Bulat yang diadakan di Hotel Hatten, Melaka pada 14-15 Ogos 2023

SESI LIBAT URUS PELAKSANAAN GARIS PANDUAN BERKAITAN ELAUN DAN KEMUDAHAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM DI KKR/JKR ANJURAN BAHAGIAN KEWANGAN

Bahagian Kewangan telah mengeluarkan enam Surat Pekeliling Dalam Kewangan (SPDK) bagi tahun 2022 dan 2023 berkaitan pengurusan kemudahan dan elaun sebagai panduan warga KKR dan JKR. Bagi memastikan pelaksanaan yang seragam di kalangan PTJ, sesi libat urus pelaksanaan SPDK ini telah diadakan di 4 zon seperti berikut:



Siri 1/2023: Zon Selatan diadakan pada 16 hingga 17 Ogos 2023 di CREaTE, Melaka



Siri 2/2023: Zon Pantai Timur diadakan pada 28 hingga 29 Ogos 2023 di JKR Negeri Kelantan



Siri 3/2023: Zon Utara diadakan pada 25 hingga 26 September 2023 di JKR Negeri Kedah



Siri 4/2023: Zon Tengah diadakan pada 7 hingga 8 November 2023 di Bilik Mawar 1, KKR

Berdasarkan maklum balas yang diterima peserta, secara purata sebanyak 71% peserta sangat setuju dan 27% peserta setuju bahawa sesi libat urus ini berjaya meningkatkan tahap pengetahuan berkaitan pengisian program.

4.4 PENINGKATAN IMEJ KORPORAT DAN JARINGAN KOMUNIKASI STRATEGIK

4.4.1 PERKHIDMATAN BERFOKUSKAN PELANGGAN

1. PENGURUSAN MEDIA

Sebanyak 259 program perhubungan awam media yang telah dilaksanakan di bawah strategi Pelan Komunikasi KKR dan Agensi. Pelaksanaan ini melibatkan pelbagai aktiviti perhubungan media dengan kerjasama Jabatan serta Agensi bagi mempromosikan peranan, inisiatif, pencapaian Kementerian secara meluas dan berkesan. Program perhubungan media ini turut melibatkan penglibatan secara langsung YB Menteri Kerja Raya, YB Timbalan Menteri Kerja Raya dan pengurusan tertinggi Kementerian dan Agensi.



Statistik Program Perhubungan Media

STRATEGI / PROGRAM/ AKTIVITI	2021	2022	2023	2024 (JUN)
• Kenyataan Media	33	37	42	43
• Wawancara / Temubual Jurucakap Kkr	14	7	15	11
• Liputan Dan Kawalan Media	37	37	59	47
• Pengiklanan Berbayar & Tidak Berbayar (Advertorial & Laporan Khas)	30			
• Libat Urus Bersama Media	3	8	2	-
	1. Sesi Libat Urus Menteri Kanan Kerja Raya dan Pengurusan Atasan Kementerian Kerja Raya Bersama Editor Media - 6 April 2. Program Ihya Ramadhan Kementerian Kerja Raya Bersama Media - 28 April 2021 3. Libat Urus YB Menteri Kerja Raya Bersama Media Sarawak – 14 Nov 2021	6 Jelajah FTRoadpedia: 1. Pasca Banjir Hulu Langat - 24 Feb 2022 2. Zon Utara 2.0 - 18 - 20 Mac 2022 3. Zon Sabah 26 - 29 Mei 2022 4. Zon Sarawak - 9 - 11 Jun 2022 5. Zon Timur -11 -13 Ogos 2022 6. Zon Selatan 2.0 - 18 -20 Ogos 2022 2 Malam Penghargaan Media & Anugerah Media Pembinaan: 1. Sarawak – 3 Sept 2022 2. Kuala Lumpur – 5 Okt 2022.	1. Town Hall Rakyat Sinar Bersama YB Menteri Kerja Raya – 29 Nov 2023 2. Malam Penghargaan Media & Anugerah Media Pembinaan Kuala Lumpur – 4 Dis 2023	
	117	93	120	119

2. PENGURUSAN ADUAN AWAM DAN AGENSI

Dari semasa ke semasa, UKK sentiasa menambah baik prosedur dan memantau pengurusan aduan awam KKR dan Agensi. Bagimemudahcara orang awam menyalurkan aduan, KKR menyediakan 12 saluran aduan iaitu:



12 SALURAN ADUAN

Penerimaan Aduan Awam Mengikut Saluran

BIL	SALURAN	2021	2022	2023	2024
1	Borang Laman Web (SISPAA KKR Agensi)	3480	7645	8390	4016
2	Sistem JKR Care (Ditamatkan Mei 2021)	1636	-	-	-
3	Forward	197	298	1509	1752
4	E-Mel	1680	1761	1836	812
5	Hadir Sendiri/Borang Kaunter	32	98	68	40
6	Surat & Faks	51	67	38	16
7	Telefon/Talian Bebas Tol	384	742	859	251
8	Akhbar / Surat Kepada Pengarang (SKP)	0	5	0	0
9	Biro Pengaduan Awam	911	1644	2922	1822
10	Media Sosial (Facebook & X)	9	1	3	1
11	My Government Call Centre (MYGCC)	8	13	7	2
12	Aplikasi MYJalan KKR	-	-	1969	2826
13	Portal E-Bantuan CIDB	142	339	588	265
JUMLAH		8570	12613	18189	11803

Nota : Saluran kedua ditamatkan pada tahun 2021

2. APLIKASI MYJALAN

Bersempena Program MYJalan KKR, Aplikasi MYJalan KKR telah diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia secara rasmi pada 24 Ogos 2023. Di bawah insiatif Aplikasi MYJalan pengguna jalan raya boleh menyalurkan aduan secara terus dari lokasi melibatkan 10 kategori, iaitu:



10 KATEGORI ADUAN JALAN

Jumlah Penerimaan Aduan Awam (Termasuk No Wrong Door Policy) Tahun 2021 – Jun 2024

BIL	TAHUN	TERIMA	SELESAI	%	DALAM TINDAKAN	%
1	2021	8,750	8,301	96.86	269	3.14
2	2022	12,613	11,908	94.41	705	5.59
3	2023	18,189	15,651	86.05	2,538	13.95
4	Sehingga Jun 2024	11,803	10,261	86.93	1,542	13.06

Nota : Jumlah selesai pada 31 Disember tahun semasa

3. KOMUNIKASI STRATEGIK KKR

Sehingga Jun 2024, akaun media sosial KKR dan Agensi telah berjaya mengumpulkan sekitar 784.9 ribu pengikut, mencerminkan kepercayaan dan minat rakyat terhadap maklumat yang disampaikan.


Pengikut Media Sosial Rasmi Kkr & Agensi Sehingga Jun 2024

AKAUN	Facebook	X	Instagram	Tiktok	Youtube
KKR	105k	33k	15.9k	2,883	504
JKR	92k	1.3k	2,467	1,385	2.41k
LLM	360k	34.7k	6,262	574	665
CIDB	156k	7.7k	11k	13.6k	6.43k
JUMLAH	713k	76.7k	35.6k	18.4k	10k

4. PENCAPAIAN MEDIA SOSIAL KEMENTERIAN KERJA

- Dari 2021 hingga 2022, Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah mencapai KPI dengan purata 30 hantaran sehari di semua platform media sosial, memastikan aliran maklumat yang konsisten.
- Mulai 2023, KPI ditingkatkan kepada 50 hantaran sehari untuk memenuhi keperluan komunikasi yang lebih intensif, termasuk penambahan TikTok sebagai platform rasmi dalam KPI 2024. Peningkatan ini mencerminkan usaha KKR untuk lebih proaktif dalam menyebarkan maklumat.

SASARAN KPI



4.4.2 PROGRAM KKR BERSAMA AGENSI 2023

- i. Majlis Sambutan Hari Inovasi KKR & Agensi pada 31 Oktober 2023 dengan dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, KKR dihadiri oleh lebih daripada 500 warga KKR dan Agensi Lebih 100 produk inovasi telah dipamerkan melalui Reruai Pameran Inovasi dan pelbagai aktiviti turut diadakan seperti Bicara Inovasi. Sebanyak 66 kumpulan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) telah bertanding mewakili KKR dan Agensi.
- ii. Anugerah KIK kategori terbuka dan Anugerah KIK kategori teknikal peringkat KKR dan Agensi.
- iii. Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat KKR dan Agensi di Bilik Tanjung KKR pada 27 Julai 2023 dengan penyertaan daripada 14 bahagian/unit di peringkat saringan pada 11 dan 12 September 2023 dengan penyertaan oleh semua warga KKR dan agensi. Sebanyak 16 kumpulan telah berjaya membentangkan produk dan perkhidmatan inovasi masing-masing semasa konvensyen ini.
- iv. Kursus Pembudayaan dan Pemerkesaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif di Bilik Tanjung KKR pada 26 Januari 2023.
- v. Bengkel myPortfolio bagi 14 Bahagian/Unit KKR dan agensi seliaan iaitu JKR, CIDB dan LLM bermula Januari sehingga Disember 2023.
- vi. Kursus Pegawai Penyelaras Sistem myMesyuarat pada 31 Januari 2024.
- vii. Naziran myPortfolio sebanyak 4 kali bagi KKR, JKR, LLM dan CIDB.
- viii. KKR telah menjadi rujukan khidmat nasihat EKSA kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Kursus Pengenalan dan Pengauditan EKSA yang dilaksanakan di Dewan Utama PNM pada 14-16 Februari 2023, Jabatan Standard Malaysia (JSM) melalui Kursus Pengenalan EKSA JSM yang diadakan di Dewan Utama JSM pada 21 Februari 2023, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Kursus EKSA MITI yang dilaksanakan di Dewan Perdana MITI pada 31 Mei 2023, serta Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) melalui Kursus Pengenalan EKSA KUSKOP yang dilaksanakan di Bilik Latihan KUSKOP pada 15 Ogos 2023.

PROGRAM UTAMA YANG TELAH DILAKSANAKAN SEPANJANG TAHUN 2023 :



Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2023

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab sebagai urus setia bagi majlis-majlis rasmi di peringkat Kementerian dan telah menganjurkan:

- i. Enam siri Majlis Interaksi Bersama Menteri Kerja Raya melibatkan penyertaan lebih 3,000 orang pegawai Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Agensi.
- ii. Tiga siri Perhimpunan Warga KKR melibatkan kehadiran 1,800 orang pegawai KKR dan Agensi.
- iii. Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat Kementerian Kerja Raya.
- iv. Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Kerja Raya Tahun 2023.

BKP juga telah menyelaraskan kontinjen KKR sebanyak:

- i. Lapan orang pegawai untuk menganggotai Kontinjen Perbarisan Perkhidmatan Awam.
- ii. 47 orang pegawai untuk menganggotai kontinjen KKR ke Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H/2023M.
- iii. 809 orang pegawai ke Majlis Memperingati Negarawan Tun Dr. Ismail di Dataran Merdeka 50 orang pegawai ke Perhimpunan Majlis Sambutan Maal Hijrah Tahun 1445H/2023H bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC).

Sepanjang tahun 2023, pelbagai program dan aktiviti berkaitan pengurusan Keselamatan Perlindungan serta pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah berjaya dilaksanakan di KKR dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pengetahuan warga KKR mengenai pengurusan keselamatan di Sektor Awam, iaitu:



Sepanjang tahun 2023, pelbagai kejayaan telah berjaya dicapai iaitu:

01 Pensijilan EKSA

Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Tahap Cemerlang bermula 15 Disember 2021 hingga 14 Disember 2023

02 myPortfolio

Anugerah Champion Terbaik myPortfolio peringkat kebangsaan oleh MAMPU, JPM kepada pegawai BKP pada 16 November 2023

03 MS ISO 9001:2015

Pensijilan semula MS ISO 9001:2015 daripada SIRIM berkuatkuasa mulai 23 April 2022 hingga 23 Disember 2025

04 AIPSA

Dua (2) kumpulan mewakili KKR & Agensi berjaya ke peringkat akhir Sistem Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) peringkat kebangsaan

MYGPI 05

Penganugerahan sijil penerafan Malaysian Government Performance Index (MYGPI) Tahun 2022 bertaraf platinum

KIKSA 06

Dua (2) kumpulan mara ke peringkat akhir Sistem Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIKSA)

07

Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2023 Perutusan markah audit Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan sebanyak 95.36% (CIMERLANG) dengan penerafan lima (5) bintang

BKP juga telah melaksanakan pelbagai program melalui inisiatif yang digerakkan oleh Cawangan Pengurusan Kualiti iaitu:

100% penyediaan myPortfolio manual tahun 2023 dan 2024

KKR dianugerahkan Champion Terbaik myPortfolio peringkat kebangsaan 2023

Pelaksanaan julung kali Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat KKR pada tahun 2023

100% pelaksanaan pembudayaan Inovasi melalui pelaksanaan Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat KKR dan Agensi tahun 2023 dan 2024

100% pelaksanaan pembudayaan inovasi melalui pelaksanaan bengkel inovasi sebanyak 8 kali tahun 2023 dan 2024

KKR diberi pengiktirafan sebagai juri dan penceramah KIK bagi seluruh Kementerian dan Jabatan

100% pembudayaan inovasi melalui pembentukan 60 kumpulan KIK KKR dan Agensi pada tahun 2023

100% pembudayaan inovasi melalui pembentukan 78 kumpulan KIK KKR dan Agensi pada tahun 2024

100% pelaksanaan Sistem myMesyuarat seluruh KKR tahun 2023 dan 2024

Majlis Sambutan Hari Inovasi KKR & Agensi pada 31 Oktober 2023 dan 30 Oktober 2024. 500 warga KKR & Agensi, lebih 100 produk inovasi, bicara inovasi dan lain-lain.

Anugerah Kumpulan Inovatif & Kreatif kategori terbuka dan teknikal peringkat KKR & Agensi

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif Peringkat KKR dan Agensi pada 27 Julai 2023 dan 23 Julai 2024 dengan 10 kumpulan KIK

Kursus Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif pada 26 Januari 2023 dan 29 Februari 2024

Bengkel myPortfolio bagi seluruh Bahagian/Unit KKR dan agensi pada tahun 2023 dan 2024.

Kursus Pegawai Penyelaras Sistem myMesyuarat pada 31 Januari 2024

Naziran myPortfolio sebanyak 4 kali bagi KKR, IKR, LLM dan CIDB pada tahun 2023 dan 2024

4.4.3 PENGIKTIRAFAN KKR

Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Tahap Cemerlang bermula 15 Disember 2021 sehingga 14 Disember 2023 oleh MAMPU JPM

Anugerah Champion Terbaik myPortfolio peringkat kebangsaan oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri kepada pegawai BKP pada 16 November 2023

Pensijilan semula MS ISO 9001: 2015 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM) berkuatkuasa mulai 23 April 2022 sehingga 23 Disember 2025

Dua (2) kumpulan mewakili KKR & Agensi berjaya ke peringkat akhir Sistem Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) peringkat kebangsaan

Penganugerahan sijil penerafan Malaysian Government Performance Index (MYGPI) Tahun 2022 bertaraf Platinum

Dua (2) kumpulan mara ke peringkat akhir Sistem Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIKSA)



PASUKAN EDITORIAL

PENASIHAT

Dato' Mohd Sakeri bin Abdul Kadir
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

PENYELARAS

Encik Yunus bin Tasim
Ketua Komunikasi Korporat

Encik Zaid bin Ahmad
Ketua Seksyen Hal Ehwal Korporat

EDITOR

Cik Ainnur Amani binti Rozahani
Pegawai Perhubungan Awam

Cik Noor Arifah binti Izhar
Pembantu Tadbir

Sekalung Penghargaan

SIDANG REDAKSI KKR

Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)
• Muhammad Taufiq bin Abd Rahman
• Muhd Aidil Afif bin Sabudin

Unit Audit Dalam (UAD)
• Hamimah binti Mohamad@Harun

Unit Integriti (UI)
• Mohd Azlan bin Othman

Bahagian Perancang Jalan (BPJ)
• Kovindran Babu a/l Paniselvam
• Nur Dayana binti Noreffendy

Bahagian Dasar & Antarabangsa (BDA)
• Nurul Nadiah binti Ahmad

Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF)
• Sufiah binti Mohd Salleh

Bahagian Pembangunan & Penswastaaan (BPP)
• Nur' Elliyea binti Mohamad

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
• Nur Hamizah binti Mahat
• Siti Rosiah binti Mohamed Razali

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
• Nur Fazlana binti Mohd Najib

Bahagian Akaun (BA)
• Shazra Nazura binti Mohamad Firdaus
• Siti Zubaidah binti Jaafar

Bahagian Kewangan (BK)
• Intan Naquiah binti Md Noor
• Raja Nur Fatin binti Raja Azman

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
• Marha binti Sidik
• Nadiah binti Nazakat

Bahagian Perancangan Korporat (BPK)
• Siti Noor Aisah binti Md Ali
• Nurul Sazwani binti Hairudin

SIDANG REDAKSI AGENSI

Jabatan Kerja Raya (JKR)
• Wan Nurul Nuha binti Wan Mat

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
• Tuan Masliza binti Tuan Yacob
• Siti Ilyiani binti Ismail

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
• Noor Nazatul Sheema binti Yusuf
• Nur Nathasha binti Mohd Ali

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)
• Nuril Fathiah binti Mazlan
• Siti Suhaida binti Baharuddin

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
• Nur Santi binti Mohd Said
• Noor Shazlien Amira binti Shaharuddin

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)
• Emi Azwa binti Harun
• Azidee bin Azman

SIDANG REDAKSI JKR SABAH & SARAWAK

JKR Sabah (Cawangan Teknikal & Kawalan Kualiti, Sektor Pan Borneo)
• George Majunting Abdullah

JKR Sarawak (Cawangan Lebuhraya Pan Borneo)
• Sahrein bin Maloh

SIDANG REDAKSI KONSESI

Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (PROLINTAS)
• Badri Ibrahim

Roadcare (M) Sdn Bhd
• Media Kreatif Roadcare

GLOSARI

Aa

- 1. AKLEH – Ampang-Kuala Lumpur *Elevated Highway*
- 2. AKM – Aspirasi Keluarga Malaysia
- 3. AP 59 – Arahan Perbendaharaan 59

Bb

- 1. BGP – Bangunan Gunasama Persekutuan
- 2. BCKP - Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan
- 3. BIM – *Building Information Modeling*
- 4. BESS - Sistem Simpanan Kuasa Bateri
- 5. BPF – Bahagian Pengurusan Fasiliti
- 6. BPK – Bahagian Perancang Korporat
- 7. BDA – Bahagian Dasar dan Antarabangsa
- 8. BPM – Bahagian Pengurusan Maklumat
- 9. BA – Bahagian Akaun
- 10. BK – Bahagian Kewangan
- 11. BPSM – Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- 12. BKP – Bahagian Khidmat Pengurusan
- 13. BPH - Bahagian Pengurusan Hartanah
- 14. BMS – *Bridge Management System*

Cc

- 1. CIDB – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
- 2. CIS – *Construction Industry Standard / Standard Industri Pembinaan*
- 3. CSR – *Central Spine Road*
- 4. CPAB JKR – Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
- 5. CDPK JKR – Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat
- 6. CSFB JKR – Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan
- 7. CSFJ JKR – Cawangan Senggara Fasiliti Jalan
- 8. CKC JKR – Cawangan Kejuruteraan Cerun
- 9. CKE JKR – Cawangan Kejuruteraan Elektrik
- 10. CKUB JKR – Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
- 11. CKM JKR – Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
- 12. CKK JKR – Cawangan Kerja Keselamatan
- 13. CSQF – Kerangka Kelayakan Kemahiran Pembinaan

- 14. CO₂e – CO₂ *equivalent*
- 15. CSS – *Customer Service System / Kajian Kepuasan Pelanggan*
- 16. CREaTE JKR – Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi
- 17. CFMP - *Facility Management Strategic Plan*
- 18. CCD - Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan
- 19. CPPs – Cawangan Pengurusan Psikologi
- 20. CPPH – Cawangan Pengurusan Perolehan Harta
- 21. CKEP - Cawangan Kemudahan Elaun dan Pelbagai

Dd

- 1. DUKE – Duta-Ulu Kelang *Expressway*
- 2. DPAK – Dasar Pengurusan Aset Kerajaan
- 3. DSAIN - Dasar Senggara Aset dan Infrastruktur Negara

Ee

- 1. EVCS – Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik
- 2. ERT – *Electrical Resistivity*
- 3. EV – *Electric Vehicle*
- 4. eSPEK – Sistem Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat
- 5. eTNA – Sistem Analisis Keperluan Latihan
- 6. eLatihan – Sistem Pengurusan Latihan
- 7. eP – ePerolehan
- 8. EKSA – Ekosistem Kondusif Sektor Awam

Ff

- 1. FRM – *Federal Road Maintenance*
- 2. FM – Program Pengurusan Fasiliti
- 3. FT – Jalan Persekutuan

Hh

- 1. HNDP – *Highway Network Development Plan*
- 2. HCM – *Human Capital Management*

Ii

- 1. IBS – *Industrialised Building System*
- 2. ITS – *Intelligent Transport System*
- 3. IP – *Intellectual Property / Harta Intelek*
- 4. iGFMAS – Sistem Perakaunan

- 5. ITPK – Invois Tanpa Pesanan Kerajaan
- 6. IR 4.0 – Industrial Revolution 4.0

Jj

- 1. JKR – Jabatan Kerja Raya
- 2. JPAK – Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
- 3. JKA – Jawatankuasa Audit
- 4. JK – Jawatankuasa

Kk

- 1. KKR – Kementerian Kerja Raya
- 2. KSU – Ketua Setiausaha
- 3. KPKR – Ketua Pengarah Kerja Raya
- 4. KP – Ketua Pengarah
- 5. KE – Ketua Eksekutif
- 6. Km – Kilometer
- 7. KSAB - Kompleks Sultan Abu Bakar
- 8. KIK – Kumpulan Inovatif & Kreatif
- 9. KPI – *Key Performance Indicator*
- 10. KUSKOP – Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

Ll

- 1. LLM – Lembaga Lebuhraya Malaysia
- 2. LED – *Light Emitting Diode / Lampu Kecekapan Tenaga*
- 3. LAM – Lembaga Arkitek Malaysia
- 4. LJBM – Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
- 5. LKPPA – Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam
- 6. LTU – Lingkaran Tengah Utama
- 7. LPB – Lebuhraya Pan Borneo
- 8. LPT – Lebuhraya Pantai Timur

Mm

- 1. MRR2 – *Middle Ring Road 2 / Jalan Lingkaran Tengah 2*
- 2. MLFF – *Multi Lane Fast Flow*
- 3. MyTripGen – Manual Penjanaan Perjalanan Malaysia
- 4. MyGHI – *Malaysia Green Highway Index*
- 5. MPAM – Manual Pengurusan Aset Menyeluruh
- 6. Mm – Milimeter
- 7. MHROADS – *Malaysian Highway Road Accident Database System*
- 8. MAMPU – *Malaysian Administrative Modernisation and Management / Unit*

Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Malaysia

- 9. MYGCC – *My Government Call Centre*
- 10. MITI – Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
- 11. MCore – *Competitiveness Rating for Enhancement*
- 12. MyGPI – *Malaysian Government Performance Index*

Nn

- 1. NCP - *National Construction Policy*
- 2. NCIP - *National Construction Information and Analytic Platform Centre*
- 3. NCH – *Northern Corridor Expressway*

Oo

- 1. OCC – *Operation Command Centre*
- 2. OACP – Pelan Antirasuah Organisasi

Pp

- 1. PAP – *Pre-Approved Plans*
- 2. PDP – *Project Delivery Partner*
- 3. PSPA (O) – Pelan Strategik Pengurusan Aset (Operasi)
- 4. PLUS - Lebuhraya Utara Selatan
- 5. PNMB - Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- 6. PSO – Pelan Strategik Organisasi
- 7. PPSM – Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia
- 8. PSP – Pelan Strategik Pendigitalan
- 9. PSPA – Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam
- 10. PNM – Perpustakaan Negara Malaysia
- 11. PTJ – Pusat Tanggungjawab

Rr

- 1. RSA – *Road Safety Audit*
- 2. RFID – *Radio Frequency Identification*
- 3. RI – *Routine Inspection / Pemeriksaan Rutin*
- 4. RAC - *Refrigeration & Air Conditioning*
- 5. RTVM – *Road Traffic Volume Malaysia*
- 6. RAMS – *Road Accident Management System*

Ss

- 1. SUKE – Sungai Besi-Ulu Kelang Expressway
- 2. SPE – Setiausaha Pantai Expressway
- 3. SPT – Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka
- 4. SUB – Setiausaha Bahagian
- 5. SWG - *Sub Working Group* / Kumpulan Kerja Kecil
- 6. SKKP - Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan
- 7. SPPA - Sistem Pemantauan Pengurusan Aset
- 8. SHO - *Safety Health Officer*
- 9. SSS - *Site Safety Supervisor*
- 10. SST – Surat Setuju Terima
- 11. SOFA – *Statement of Final Account*
- 12. SSPA - Sistem Saraan Perkhidmatan Awam
- 13. SPECTRUM - *Special Centre for Thoughts Rejuvenation & Behavior Manifestation*
- 14. SPDK – Surat Pekeliling Dalam Kewangan
- 15. SISPA – Sistem Pengurusan Aduan Awam
- 16. SKP – Surat Kepada Pengarang
- 17. SKALA – Sistem Kawal dan Lapor
- 18. SCORE – Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor

Tt

- 1. TBB – Tenaga Boleh Baharu
- 2. TPATA – Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan
- 3. TKSUDP – Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)
- 4. TKSUP – Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- 5. TKPKR – Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
- 6. TWG – *Technical Working Group* / Kumpulan Kerja Teknikal
- 7. TVET – *Technical and Vocational Education and Training* / Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

Uu

- 1. UAD – Unit Audit Dalam
- 2. UKK – Unit Komunikasi Korporat

Vv

- 1. VBC – *Vehicular Box Culvert*

Ww

- 1. WCE – *West Coast Expressway*
- 2. WP – *Working Package*
- 3. WPC – *Work Package Contract* / Pakej Kerja Kontrak

DIREKTORI
KKR & AGENSI

Kementerian Kerja Raya

Tel: +603 – 8000 8000
Faks: +503 – 2771 3320
E-mel: pro@kk.gov.my
Portal rasmi: www.kkr.gov.my

Jabatan Kerja Raya

Tel: +603 – 2610 8888
Faks: +603 – 2618 8799
E-mel: kommunikasi@jkr.gov.my
Portal rasmi: www.jkr.gov.my

Lembaga Lebuhraya Malaysia

Tel: +603-8738 3000
Faks: +603 – 8737 3555
E-mel: korporat@llm.gov.my
Portal rasmi: www.llm.gov.my

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Tel: +603-62067000
Careline: +03-55673300
Portal rasmi: <http://www.cidb.gov.my>

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

Tel: 603 – 2691 2090
Faks: +603 – 2692 5017
E-mel: enquiry@bem.org.my
Portal rasmi: www.bem.org.my

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

Tel: +603 – 2698 2878
Faks: +603 – 2693 6881
E-mel: info@lam.gov.my
Portal rasmi: www.lam.gov.my

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)

Tel: +603 – 2610 7809
Faks: +603 – 2692 5680
E-mel: info@bqsm.gov.my
Portal rasmi: www.bqsm.gov.my



**KEMENTERIAN KERJA RAYA
TINGKAT 1-14, KOMPLEKS KERJA RAYA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR**

**(+6) 03 8000 8000
PRO@KKR.GOV.MY**